ANALISIS STRUKTUR DAN FUNGSI PUISI *RAMBAN* DALAM BUKU *LEKA MAIN ASAL IBAN*

NELSON KUBU ANAK EMPAJANG

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

ANALISIS STRUKTUR DAN FUNGSI PUISI *RAMBAN* DALAM BUKU *LEKA MAIN ASAL IBAN*

NELSON KUBU ANAK EMPAJANG

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

UPSI/IP3-3/JO 32
Pind : 00 m/s 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 23 **(hari bulan)** OGOS **(bulan) 20**25

i. Perakuan pelajar :

Saya, NELSON KUBU AK EMPAJANG, M20202001336, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI **(SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk** ANALISIS STRUKTUR DAN FUNGSI PUISI RAMBAN DALAM BUKU LEKA MAIN ASAL IBAN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ROHAYATI BINTI JUNAIDI **(NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk** ANALISIS STRUKTUR DAN FUNGSI PUISI RAMBAN DALAM BUKU LEKA MAIN ASAL IBAN

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTERA (BAHASA IBAN) **(SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).**

20/8/2025
Tarikh

Tandatangan Penyelia

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind : 01 m/s 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: ANALISIS STRUKTUR DAN FUNGSI PUISI RAMBAN DALAM BUKU LEKA MAIN ASAL IBAN

No. Matrik /*Matric's No.*: M20202001336

Saya / *I* : NELSON KUBU ANAK EMPAJANG

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (√) for category below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
☑	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

Nelson

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 20 OGOS 2025

Dr. Rohayati Junaidi
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana mengurniakan kesihatan, akal dan fikiran yang matang serta keberkatan buat saya dalam menyempurnakan kajian ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr Rohayati binti Junaidi selaku penyelia utama dan Dr Saripah anak Banseng selaku penyelia bersama yang sentiasa memberi motivasi, inspirasi, sokongan, cadangan, bimbingan dan pandangan dalam menjayakan kajian ini. Begitu juga, dikesempatan ini mengucapkan sekalung budi dan terima kasih yang tidak terhingga kepada mendiang Profesor Madya Dr Chemaline Osup kerana beliau merupakan insan yang banyak memberi cetusan idea semasa kajian ini bermula. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya atas pengertian, pengorbanan, kesabaran dan dorongan serta sokongan yang tidak berbelah bahagi selama ini. Dengan siapnya kajian ini, diharapkan semangat dan iltizam sepanjang pengajian ini terus berkobar walaupun pelbagai cabaran dan rintangan ditempuhi untuk menjadi seorang insan yang terus berjaya. Saya berharap penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis struktur dan fungsi sepuluh puisi *ramban* terpilih daripada buku *Leka Main Asal Iban* karya Jimmy Donald (1993). Puisi *ramban* ialah puisi tradisional masyarakat Iban yang sering dinyanyikan atau dilafazkan untuk menyampaikan kestabilan emosi, sosial, nasihat dan hiburan. Pendekatan kualitatif digunakan dengan kaedah analisis kandungan melalui pensampelan bertujuan untuk memilih puisi yang mencerminkan kepelbagaian tema dan gaya. Data dianalisis menggunakan Teori Strukturalisme Ferdinand de Saussure (1983) bagi meneliti struktur formal dan sintaksis, serta Teori Pragmatik Grice (1975) untuk mengklasifikasikan kandungan tema berdasarkan makna tersirat dan tujuan komunikasi. Dapatan menunjukkan bahawa puisi *ramban* kaya dengan unsur gaya bahasa seperti hiperbola, asonansi, aliterasi, metonimi, anafora, simploce, satira, sinisme, sinkop, simile, homoioteleuton, konotasi, denotasi, imejan bebas, kolokasi, dan polisindeton. Daripada aspek struktur, setiap puisi terdiri daripada prolog, isi, dan epilog, serta sering menggunakan paralelisme. Panjang puisi antara 7 hingga 32 baris, dengan 3 hingga 11 perkataan setiap baris. Unsur prosodi seperti ritma, rima, jeda, disfemisme, dan nada emosi menyerlahkan kemerduan puisi ini. Daripada aspek tema, *ramban* mengangkat aspek kehidupan bermasyarakat, pendidikan, hubungan kekeluargaan, cinta, dan kesopanan. Daripada aspek fungsi, puisi ini menjadi medium penyampaian nasihat, sindiran, dorongan, kritikan tingkah laku, serta luahan kesedihan atau ketidakpuasan. Puisi *ramban* ini mencerminkan identiti dan nilai budaya masyarakat Iban. Kajian ini bukan sahaja mendokumentasikan tradisi sastera yang kaya, malah menyokong usaha pemeliharaan dan pengiktirafan warisan lisan Iban di peringkat global.

ANALYSIS OF STRUCTURE AND FUNCTION *RAMBAN* POEMS IN THE BOOK OF *LEKA MAIN ASAL IBAN*

ABSTRACT

This study analyses the structure and functions of ten selected ramban poems from the book *Leka Main Asal Iban* by Jimmy Donald (1993). Ramban poems is a traditional form of poetry among the Iban community, often sung or recited to convey emotional and social stability, offer advice, and provide entertainment. Adopting a qualitative approach, it employs content analysis through purposive sampling to select poems that reflect thematic and stylistic diversity. Data were analysed using Ferdinand de Saussure's Structuralism Theory (1983) to examine formal and syntactic structures, and Grice's Pragmatic Theory (1975) to classify thematic content based on implied meanings and communicative intent. The findings show that ramban poems are rich in stylistic devices such as hyperbole, assonance, alliteration, metonymy, anaphora, symploce, satire, cynicism, syncope, simile, homoioteleuton, connotation, denotation, free imagery, collocation, and polysyndeton. Structurally, each poem includes a prologue, body, and epilogue, often employing parallelism. The poems range from 7 to 32 lines, with 3 to 11 words per line. Prosodic elements such as rhythm, rhyme, pause, dysphemism, and emotional tone contribute to their musical quality. Thematically, ramban explores aspects of communal life, education, familial ties, love, and modesty. Functionally, it serves as a medium for delivering advice, satire, encouragement, behavioural critique, and expressions of sorrow or discontent. This poetry reflects the identity and cultural values of the Iban people. This study not only documents a rich literary tradition but also supports the preservation and global recognition of Iban oral heritage.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI LAMPIRAN	x
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Soalan Kajian	15
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	16
1.7 Batasan Kajian	17
1.8 Kepentingan Kajian	19
1.8.1 Masyarakat	19
1.8.2 Badan Organisasi	20
1.8.3 Institut Pengajian Tinggi Dan Sekolah	20

1.9 Definisi Operasional 22

1.9.1 Struktur 22

1.9.2 Fungsi 23

1.9.3 Puisi 24

1.9.4 *Ramban* 24

1.10 Kesimpulan 25

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 26

2.2 Kajian Lepas Berkaitan Genre Lisan Masyarakat Iban 27

2.3 Kajian Lepas Berkaitan Genre Lisan Masyarakat Etnik Di Sabah 34

2.4 Kajian Lepas Berkaitan Genre Lisan Masyarakat Melayu 36

2.5 Kajian Lepas Berkaitan Genre Lisan Masyarakat Lain Di Malaysia 37

2.6 Kajian Lepas Berkaitan Teori Strukturalisme 40

2.7 Kajian Lepas Berkaitan Teori Pragmatisme 43

2.8 Kesimpulan 46

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 48

3.2 Reka Bentuk Kajian 48

3.3 Teori Kajian 50

3.3.1 Teori Strukturalisme 50

3.3.2 Teori Pragmatisme 56

3.4 Instrumen Kajian 61

3.5 Penilaian Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen 62

3.6 Prosedur Pengumpulan Data 63

3.6.1 Kaedah Kepustakaan 64

3.6.2 Kaedah Analisis Kandungan Teks 65

3.7 Prosedur Penganalisisan Data 65

3.8 Kesimpulan 70

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan 72

4.2 Struktur Puisi *Ramban* dalam Buku *Leka Main Asal Iban* Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983) 73

4.2.1 Struktur Elemen Gaya Bahasa Puisi *Ramban* Dalam Buku *Leka Main Asal Iban* Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983) 73

4.2.2 Struktur Elemen Bait Puisi *Ramban* Dalam Buku *Leka Main Asal Iban* Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983) 93

4.2.3 Struktur Elemen Prosodi Puisi *Ramban* Dalam Buku *Leka Main Asal Iban* Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983) 112

4.3 Tema Puisi *Ramban* dalam Buku *Leka Main Asal Iban* Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983) 134

4.3.1 Tema Hidup Bermasyarakat 134

4.3.2 Tema Kepentingan Pendidikan 138

4.3.3 Tema Kekeluargaan 142

4.3.4 Tema Percintaan 148

4.3.5 Tema Kesederhanaan Dalam Penampilan 152

4.4 Fungsi Puisi *Ramban* dalam Buku *Leka Main Asal Iban* Berdasarkan Teori Pragmatisme oleh Grice (1975) 155

4.4.1 Fungsi *Ramban* Sebagai Strategi Untuk Memberi Pertolongan 156

4.4.2 Fungsi *Ramban* Sebagai Strategi Untuk Memberi Nasihat 157

4.4.3 Fungsi *Ramban* Sebagai Strategi Untuk Menyindir Seseorang 159

4.4.4 Fungsi *Ramban* Sebagai Strategi Untuk Menyatakan Nekad Melakukan Sesuatu 160

4.4.5 Fungsi *Ramban* Sebagai Strategi Untuk Menegur Perbuatan Seseorang 162

4.4.6 Fungsi *Ramban* Sebagai Strategi Untuk Menyatakan Kesedihan dan Kerisauan 163

4.4.7 Fungsi *Ramban* Sebagai Strategi Untuk Menyatakan Ketidakpuasan Hati 165

4.5 Kesimpulan 166

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 168

5.2 Perbincangan 169

5.2.1 Struktur Puisi *Ramban* 169

5.2.2 Tema Puisi *Ramban* 173

5.2.3 Fungsi Puisi *Ramban* 177

5.3 Rumusan Kajian 180

5.4 Implikasi Kajian 182

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan 183

5.6 Penutup 185

RUJUKAN 187

LAMPIRAN 191

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Kajian	49
3.2	Elemen Gaya Bahasa, Bait dan Prosodi Untuk Mengkaji Struktur Puisi *Ramban*	52
3.3	Kaedah de Saussure – Pemprosesan Data Struktur	68
3.4	Kaedah de Saussure – Pemprosesan Data Tema	69
3.5	Kaedah Grice – Pemprosesan Data Fungsi	70
4.1	Elemen Gaya Bahasa Simplok Dalam Puisi *Ramban*	74
4.2	Elemen Gaya Bahasa Polysyndeton Dalam Puisi *Ramban*	75
4.3	Elemen Gaya Bahasa Anafora Dalam Puisi *Ramban*	76
4.4	Elemen Gaya Bahasa Asonansi Dalam Puisi *Ramban*	78
4.5	Elemen Gaya Bahasa Aliterasi Dalam Puisi *Ramban*	79
4.6	Elemen Gaya Bahasa Simile Dalam Puisi *Ramban*	80
4.7	Elemen Gaya Bahasa Satira Dalam Puisi *Ramban*	82
4.8	Elemen Gaya Bahasa Homoioteleuton Dalam Puisi *Ramban*	83
4.9	Elemen Gaya Bahasa Sinisme Dalam Puisi *Ramban*	84
4.10	Elemen Gaya Bahasa Kolokasi Dalam Puisi *Ramban*	85
4.11	Elemen Gaya Bahasa Citra Bebas Dalam Puisi *Ramban*	87

4.12	Elemen Gaya Bahasa Hiperbola Dalam Puisi *Ramban*	88
4.13	Elemen Gaya Bahasa Konotasi Dalam Puisi *Ramban*	89
4.14	Elemen Gaya Bahasa Responsi Dalam Puisi *Ramban*	91
4.15	Elemen Gaya Bahasa Sinkop Dalam Puisi *Ramban*	91
4.16	Elemen Gaya Bahasa Denotasi Dalam Puisi *Ramban*	92
4.17	Elemen Bait Dalam Puisi *Ramban Nanyaka Pejalai*	93
4.18	Elemen Bait Dalam Puisi *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula*	95
4.19	Elemen Bait Dalam Puisi *Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai*	97
4.20	Elemen Bait dalam Puisi *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa*	99
4.21	Elemen Bait Dalam Puisi *Ramban Mejah Pisin Lelaki*	101
4.22	Elemen Bait Dalam Puisi *Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang*	102
4.23	Elemen Bait Dalam Puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya*	104
4.24	Elemen Bait Dalam Puisi *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki*	106
4.25	Elemen Bait Dalam Puisi *Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta*	108
4.26	Elemen Bait Dalam Puisi *Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa*	110
4.27	Elemen Prosodi Dalam Puisi *Ramban Nanyaka Pejalai*	112
4.28	Elemen Prosodi Dalam Puisi *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula*	113
4.29	Elemen Prosodi Dalam Puisi *Ramban Indu Dara Enggai Ngibun Indai*	116
4.30	Elemen Prosodi Dalam Puisi *Ramban Nganu*	118

	Orang Indu Ti Salah Pengawa	
4.31	Elemen Prosodi Dalam Puisi *Ramban Mejah Pisin Lelaki*	119
4.32	Elemen Prosodi Dalam Puisi *Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang*	121
4.33	Elemen Prosodi Dalam Puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya*	122
4.34	Elemen Prosodi Dalam Puisi *Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa*	124
4.35	Elemen Prosodi Dalam Puisi *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki*	127
4.36	Elemen Prosodi Dalam Puisi *Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta*	128
4.37	Rumusan Huraian Dapatan Struktur Puisi *Ramban* dalam Buku *Leka Main Asal Iban* Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983)	130

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Carta Alir *Leka Main* Masyarakat Iban	9
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	16
3.1	Kerangka Teori Kajian	50
3.2	Prosedur Pengumpulan Data	63
3.3	Prosedur Menganalisis Data	66

SENARAI LAMPIRAN

A Transkrip Teks Puisi-Puisi *Ramban*

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tradisi lisan merujuk kepada segala bentuk warisan dan tradisi yang lahir dalam sesuatu kelompok masyarakat seperti cerita rakyat, puisi rakyat, drama rakyat dan permainan tradisional. Hasil karya masyarakat tersebut dibina oleh persoalan-persoalan yang dipetik daripada rencamnya kehidupan masyarakat. Tradisi lisan kebiasaannya dihasilkan oleh masyarakat dan disebarkan dari satu generasi ke satu generasi secara lisan. Tradisi lisan khususnya sastera lisan zaman dahulu masih bersifat tradisional dan ketinggalan dari segi teknologi. Patricia dan Asmiaty (2021), menjelaskan sastera lisan dihasilkan oleh masyarakat yang masih mengamalkan sistem sosial yang terikat dengan semangat kerjasama, kolektif dan masyarakat yang masih statik serta tidak mempunyai banyak hubungan dengan masyarakat luar.

Masyarakat Iban merupakan masyarakat peribumi di Borneo yang memiliki sastera rakyatnya tersendiri sama seperti yang dimiliki masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia dan peribumi lain di Kepulauan Borneo. Pegangan yang

teguh terhadap adat resam menyebabkan mereka mencipta panduan dan peraturan-peraturan hidup menerusi tradisi lisan yang mengandungi pelbagai maklumat penting yang tersirat dan tersurat serta berkait rapat dengan pelbagai aspek kehidupan, warisan dan kegiatan ekonomi masyarakat Iban. Perkara ini menunjukkan masyarakat Iban telah menggunakan tradisi lisan yang berbentuk puisi tradisional atau *leka main* seperti *pantun, dunggai, jawang, ramban* dan sebagainya sebagai cara meluahkan perasaan.

Kaum Iban amat unik dan kaya dengan sastera, adat resam dan kebudayaan yang diwarisi turun-temurun. Antaranya ialah puisi masyarakat Iban yang tersebar melalui lisan dari satu generasi kepada generasi secara turun-temurun. Puisi rakyat masyarakat Iban di Sarawak disebut sebagai *leka main*. Bruggeman (1987), menyatakan *leka* maksudnya 'benih' tetapi ia juga bererti 'perkataan', yakni sesuatu kata yang dicipta untuk lirik lagu, puisi dan ujaran. Manakala *main* pula merangkumi segala bentuk puisi yang dilafazkan untuk tujuan ritual dan hiburan. Oleh yang demikian, *leka main* ialah satu bentuk pengucapan yang terhasil dari imaginasi, daya cipta dan realiti budaya yang mempunyai nilai estetika, tema dan laras bahasa yang unik dan tersendiri.

Puisi rakyat Iban ini adalah menarik dan indah setiap ungkapan baitnya dari segi bunyi, rentak, diksi, tekanan dan perulangan. Pada masa yang sama, ia juga menggunakan bahasa yang indah untuk menceritakan kecantikan wanita dan ketampanan lelaki masyarakat Iban, cara perhiasan, keberanian, ilmu pengetahuan dan seumpamanya. Chemaline (2006), menyatakan bahawa *leka main* mencerminkan cara berfikir dan kepercayaan masyarakat Iban, iaitu memberi gambaran tentang cara hidup masyarakat mereka. Oleh itu, melalui *leka main* dapat diketahui gaya pemikiran, falsafah hidup, sejarah silam, susunan masyarakat dan amalan atau kepercayaan masyarakat Iban.

Leka main masyarakat Iban dapat dilihat dalam salah satu puisi masyarakat Iban yang dikenali sebagai *ramban*. *Ramban* ialah satu jenis puisi rakyat Iban yang masih terkenal sehingga kini. *Ramban* merupakan puisi tradisional kaum Iban dalam kategori hiburan kerana dianggap tidak serius dan sesuai untuk menghiburkan khalayak pada masa lapang atau waktu bekerja. Jimmy (1993), menjelaskan *ramban* dinyanyikan untuk hiburan pada waktu senang dan hari keramaian tujuan memuji, memberi motivasi, meluahkan perasaan gembira dan cinta serta keluh-kesah dan rintihan. Oleh itu, *leka main* amat akrab dengan masyarakat Iban khususnya dalam aktiviti harian kerana ia bukan sahaja sebagai wadah hiburan semata-mata tetapi juga berkait dengan acara adat-istiadat dan upacara keagamaan dalam budaya mereka.

Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban. Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat dua buah teori yang digunakan, iaitu teori strukturalisme dan teori pragmatisme. Teori Strukturalisme digunakan untuk menganalisis lapisan bahasa yang membina struktur dan tema puisi *ramban* dan teori pragmatisme menjelaskan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban.

1.2 Latar Belakang Kajian

Negeri Sarawak mempunyai lebih daripada 40 kumpulan sub-etnik dengan bahasa yang berbeza, pelbagai kebudayaan dan gaya hidup. Suku kaum peribumi ini menganut pelbagai agama, kepercayaan dan mempunyai adat resam serta budaya masing-masing dalam menuturkan bahasa dan dialek yang berbeza-beza mengikut daerah-daerah kediaman di kawasan pedalaman. Rosnah (2016), menjelaskan suku kaum di Sarawak terdiri daripada tiga suku kaum Dayak, iaitu Dayak Iban, Dayak

Bidayuh dan Orang Ulu. Kaum Iban merupakan etnik yang terbesar di Sarawak dan kebanyakan tinggal di kawasan-kawasan pedalaman dan hulu-hulu sungai di negeri Sarawak. Berdasarkan statistik pada tahun 2023, sebanyak 1.73 juta penduduk berbangsa Dayak di Sarawak, sekaligus menjadikan bangsa Dayak sebagai kumpulan etnik yang terbesar di Sarawak. Etnik Iban merupakan etnik majoriti di Sarawak, dengan populasinya sebanyak 1.18 juta penduduk pada tahun 2023 (Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Penerangan Malaysia, 2024).

Kaum Iban dikatakan berasal dari Kalimantan, Indonesia. Mereka memasuki Sarawak melalui Batang Ai, Kapuas. Tambahan itu, ada juga menyatakan masyarakat Iban berasal dari Kapuas dan berpindah ke Kumpang. Kemudian masyarakat Iban pada masa itu dipengaruhi oleh seorang pemimpin kaum Iban yang bernama *Lelang Belayan* supaya mengubah haluan ke hulu Sungai Kumpang yang menghala ke Lubok Antu dan seterusnya menetap di kawasan Sungai Batang Lupar yang dikenali sebagai Batang Ai. Dari Batang Ai, masyarakat Iban berpindah pula ke anak-anak sungai di Ulu Ai dan menetap di Delok, Mepi, Jinggin, Engkari, Skrang dan Lemanak. Selain itu, masyarakat turut mendiami kawasan Sungai Undup dan Wong Tempangau di bawah pimpinan Kajup.

Istilah Iban membawa pelbagai pengertian yang menjadi identiti kepada kaum itu sendiri. Anthony Richard pada tahun 1981 merungkai pelbagai maksud istilah Iban dalam kamus *An Iban-English Dictionary*. Istilah Iban dikatakan berasal daripada suku kaum Kayan yang sama menetap di Sarawak. Suku kaum Kayan merupakan suku kaum yang dikategorikan sebagai Orang Ulu di Sarawak. Terdapat pelbagai suku kaum dalam kategori ini seperti Lun Bawang, Kelabit, Kenyah, Penan, Saban, Lahanan dan Punan. Bagi orang Kayan menyebut *Iban* sebagai *Hivan, Divan* atau *Iban* yang membawa maksud anak menantu. Panggilan *Hivan* membawa rasa hormat, sayang dan manja. Jadi, dapat dirangkumkan pandangan Richard iaitu *Iban*

bererti hormat, sayang sehingga nama pun tidak disebut apabila memanggil anak menantu. Pada masa yang sama terjadi dalam etnik Lun Bawang yang turut memanggil anak menantu mereka *Iban*.

Penjelasan istilah *Iban* tersebut menunjukkan *Iban* membawa maksud yang baik, kasih sayang dan hormat. Ini menjelaskan masyarakat *Iban* harus berusaha mempertahankan maksud *Iban* itu dalam kehidupan seharian. Tidak keterlaluan jika dirumuskan bahawa istilah *Iban* yang digunakan untuk mengambarkan masyarakat Iban di Sarawak ialah masyarakat yang berbudi bahasa dan penuh dengan kasih sayang. Malah, maksud *Iban* yang lebih umum bagi sesetengah masyarakat Iban di Sarawak ialah manusia (Nelson, 2017).

Majoriti masyarakat Iban adalah beragama Kristian. Kristian datang ke Sarawak pada awal abad ke-19, dipercayai dibawa oleh keluarga Brooke yang ketika itu memerintah Sarawak. Kini, walaupun kebanyakan masyarakat Iban penganut agama Kristian tetapi masih ramai berpegang kepada kepercayaan lama, iaitu animisme. Amalan animisme merupakan amalan yang paling tua dan masih dipraktikkan oleh sebahagian besar masyarakat Iban. Amalan ini mempercayai kewujudan roh-roh, dewa-dewa, penunggu dan beberapa perkara yang berkaitan dengan semangat.

Menurut Freeman (1970), masyarakat Iban mempercayai setiap makhluk di dunia ini mempunyai roh. Manusia yang telah mati akan menjadi *antu* (hantu), *jelu* (binatang), *indu utai* (serangga), *kayu* (pokok) dan sebagainya. Mereka percaya selepas kematian, roh akan melayang ke udara. Roh masih mempunyai hubungan dengan keluarga si mati. Justeru, ahli keluarga si mati perlu menguruskan jenazah dengan baik ketika pengebumian dilakukan. Keluarga si mati perlu menjamu roh dengan makanan yang lazat yang menjadi kegemaran si mati ketika masih hidup.

Makanan itu perlu diletakkan di atas kubur si mati dan dengan cara itu roh akan tenteram.

Tambahan itu, masyarakat Iban mempercayai kuasa yang ada pada sesuatu benda seperti pokok besar, batu besar atau apa-apa sahaja yang dianggap unik mempunyai kuasa yang tersendiri. Kuasa ini mampu memberi kecelakaan kepada mereka sehingga boleh mendatangkan pelbagai jenis penyakit. Bagi mengelakkan kecelakaan ini, mereka sentiasa berhati-hati dalam melakukan pekerjaan. Masyarakat Iban juga mempercayai semangat, iaitu semua tempat dan objek mempunyai *semangat* yang tersendiri. Kawasan yang hendak diterokai juga dikatakan mempunyai *semangat*. Apabila seseorang itu hendak meneroka petempatan baru atau mendirikan rumah, perlu mengadakan semahan atau tilikan bagi memastikan kawasan baru itu tidak mendatangkan penyakit atau kesan yang buruk kepada seseorang individu.

Selain itu, masyarakat Iban kaya dengan pelbagai kepercayaan. Kepercayaan bukan sahaja lahir daripada pegangan hidup sejak kecil, tetapi juga melalui lisan. Kepercayaan secara lisan disampaikan dari satu generasi ke satu generasi. Pada masa yang sama, masyarakat Iban berpegang teguh dengan adat yang diwarisi turun-temurun dan ditulis dalam *papan turai* oleh *tuai raban bansa* dengan berpandukan nasihat *beliau* dan *lemambang*. Misalnya, apabila seseorang mendirikan rumah, kawasan tanah yang hendak didirikan rumah perlu disemah terlebih dahulu. Jika ada petanda-petanda lain seperti bunyi *burung ketupung* dan *burung beragai* adalah sebagai petunjuk dan alamat dalam menentukan kesesuaian tapak. Semua petanda akan ditafsirkan oleh *beliau* dan *manang* sebagai mematuhi adat supaya orang yang bakal mendiami petempatan baharu tidak mendapat kecelakaan. *Beliau* atau *manang* akan menterjemahkan mimpi tersebut sebagai alamat tentang sesuatu yang bakal berlaku. Oleh itu, bagi mengelakkan alamat yang

boleh mendatangkan kecelakaan, upacara seperti *ngintu burung* dan *belian* akan dijalankan mengikut adat dan dirujuk kepada *tuai raban bansa*.

Begitu juga dengan *leka main* atau puisi masyarakat Iban adalah satu cabang sastera lisan yang berkembang dalam kalangan masyarakat Iban tradisional sehingga kini. *Leka main* wujud hasil daripada keperluan dan kepentingannya dalam masyarakat Iban semenjak dahulu lagi. Kepentingan dan keperluan ini yang membawa kepada penyampaian luahan perasaan, pengalaman, gambaran kehidupan dan kesusasteraan yang dinyatakan dalam pelbagai bentuk termasuklah puisi *ramban* masyarakat Iban.

Ramban ialah satu jenis puisi rakyat Iban yang masih terkenal sehingga kini. *Ramban* merupakan puisi tradisional kaum Iban dalam kategori hiburan kerana dianggap tidak serius dan sesuai untuk menghiburkan khalayak pada masa lapang atau waktu bekerja. Ramban dinyanyikan untuk hiburan pada waktu senang dan pada hari keramaian untuk tujuan memuji, memberi motivasi, meluahkan perasaan gembira dan cinta serta keluh-kesah dan rintihan. Oleh itu, *leka main ramban* amat akrab dengan masyarakat Iban khususnya dalam aktiviti harian kerana bukan sahaja sebagai wadah hiburan semata-mata tetapi berkait dengan acara adat-istiadat dan upacara keagamaan dalam budaya mereka.


Chemaline (2006), pengertian *leka main* dalam kesusasteraan masyarakat Iban berasal daripada *leka* bermaksud biji yang mempunyai konotasi dengan benih, asal permulaan sesuatu. Benih akan menghasilkan sesuatu perkara yang lebih menonjol dan membawa pelbagai faedah kepada manusia. Sebagai contoh, padi yang menghasilkan beras bermula dengan sebiji benih. Hasilnya memberi kehidupan kepada manusia. *Leka* juga membawa maksud kata. Maka *leka main* bermaksud kata-kata yang digunakan untuk mencipta ujaran dan puisi. Oleh itu, *leka main* ialah

puisi rakyat Iban yang terdiri daripada *leka* atau benih, yakni kata-kata yang digunakan untuk menghasilkan puisi-puisi yang indah dan membawa pelbagai mesej dan pengertian yang mendalam kepada masyarakat Iban.

Main dalam konteks kesusasteraan Iban bermaksud seni. Chemaline (2006), menyatakan *main* adalah keseluruhan isi puisi yang disampaikan secara lisan dengan pengertian tertentu. Sebagai contoh, apabila *leka main* dideklamasikan atau dinyanyikan dalam upacara ritual sebelum memulakan peperangan zaman dahulu bertujuan untuk memanggil *petara* (dewa dari kayangan) untuk membantu dalam perjuangan mereka. Kedatangan *Petara* bukan dalam bentuk manusia biasa tetapi dalam pelbagai bentuk atau jelmaan seperti serangga berbisa yang akan menyerang para musuh terlebih dahulu sebelum pertempuran sesama manusia berlaku. Ini menggambarkan betapa pentingnya sesebuah *leka main* dinyanyikan atau dilafazkan, dan biasanya upacara ini diikuti dengan ritual tertentu yang berkaitan maksud atau tujuan sesuatu *leka main* itu *disadaka* (dideklamasikan). *Leka main* dalam masyarkat Iban dibahagikan kepada tiga, iaitu p*emerindang*, *adat basa* dan *invokasyen* seperti dalam Rajah 1.1 berikut:

Rajah 1.1

Carta Alir Jenis Leka Main Masyarakat Iban



Diadaptasi dari Chemaline, 2006

Berdasarkan Rajah 1.1 menjelaskan pembahagian kategori *leka main* atau puisi dalam masyarakat Iban. *Leka main* Iban atau puisi rakyat dalam masyarakat Iban boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu *pemerindang* untuk tujuan hiburan atau bersantai yang dideklamasikan semasa majlis-majlis tertentu, *leka main adat basa* bertujuan menunjukkan hormat kepada *Petara* atau Tuhan dan *leka main invokasyen* untuk menyeru *Petara* agar membantu dan memberi pertolongan

(Chemaline, 2006). Ini menjelaskan bahawa *leka main* mempunyai tujuan dan sebab tertentu untuk dideklamasikan atau disampaikan. Ini mempunyai perkaitan dengan kebudayaan masyarakat Iban yang percaya kepada *pengarap lama* (kepercayaan tradisional) dengan pimpinan *Petara* dalam kehidupan seharian.

Leka main kategori *pemerindang* (hiburan) untuk tujuan hiburan semata-mata kerana ia disampaikan ketika majlis-majlis tertentu seperti majlis perkahwinan atau lawatan orang-orang kenamaan (Chemaline, 2006). Antara *leka main pemerindang* (hiburan) terdiri daripada *ai ansah, dungai, ensera, entelah, ganu, jawang, main anak mit, pantun, pelandai karung, renung semain, pelandai ara* dan *ramban*. *Ai ansah* adalah sebuah puisi yang dideklamasikan untuk menjemput tetamu khas menyampaikan ucapannya di majlis-majlis tertentu. Kebiasaannya *ai* (air minuman) yang telah disediakan akan diberikan kepada tetamu itu untuk diminum sebaik sahaja puisi *ai ansah* selesai dideklamasikan. *Ansah* bermaksud menajamkan kata-kata dan suara seseorang ketika menyampaikan ucapannya. Perkara yang sama juga dengan jenis-jenis puisi yang lain dalam kategori *pemerindang*, yang mana setiap satunya mempunyai maksud dan tujuan tertentu.

Seterusnya, *leka main adat basa* (hormat) yang menekankan penciptaan puisi yang menggabungkan bahasa kiasan serta mementingkan unsur keindahan dalam kata-kata penyampainya. *Leka main adat basa* terdiri daripada *dungai, geliga, tanya indu, renung adat, kujuk panggang, nan kuta* dan *muka kuta*. Sebagai contoh, *leka main geliga* merupakan puisi yang memberi peringatan atau nasihat yang harus diikuti sepanjang majlis berlangsung. Setelah semua tetamu sampai dan mengambil tempat duduk masing-masing maka orang yan dipilih akan menyampaikan *geliga* untuk memperingatkan para tetamu agar mematuhi segala peraturan sepanjang majlis. Oleh itu, untuk menjadikan *leka main geliga* itu unik, tidak disampaikan dengan bahasa harian biasa tetapi dengan bahasa kiasan yang mengandungi

keindahan agar orang ramai yang mendengarnya tidak merasakan sebagai sesuatu amaran keras tetapi lebih kepada seni sastera yang penuh keharmonian untuk dipatuhi. Ini menjelaskan masyarakat Iban menunjukkan adat hormat kepada tetamu yang hadir agar mematuhi peraturan bagi menjamin keharmonian.

Kategori *leka main* yang ketiga, iaitu invokasyen (invokasi) yang bertujuan untuk berdoa memohon pertolongan daripada *Petara* (Tuhan) yang dipercayai boleh membantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. *Leka main* invokasi terdiri daripada *sampi, pengap, sabak, pelian, biau, timang, sugi sakit, renung* dan *pelandai sakit*. Contohya, *leka main sugi* yang terdiri daripada dua, iaitu *sugi semain* yang dilagukan untuk hiburan dan *sugi sakit* dianggap suci untuk tujuan penyembuhan. *Sugi semain* mengisahkan cerita tentang *Keling* (makhluk ghaib separa dewa) yang dikenali sebagai Bujang Sugi dalam sugi tersebut. *Sugi sakit* pula dilagukan untuk menyembuhkan penyakit. Apabila *sugi sakit* dinyanyikan untuk tujuan penyembuhan, keadaan ini disebut *besugi sakit*. Ini menunjukkan *leka main* invokasi bertujuan untuk penyembuhan daripada penyakit dan membantu untuk menjaga keselamatan dalam situasi yang memberhaya (Chemaline, 2006). Jelaslah bahawa *leka main ramban* sarat dengan struktur merangkumi elemen gaya bahasa, bait, prosidi, tema serta fungsi dalam masyarakat Iban perlu dikaji.

1.3 Pernyataan Masalah

Leka main merupakan khazanah warisan budaya yang mencerminkan nilai, pemikiran dan identiti masyarakat Iban. Pengamal ritual yang dikenali sebagai *lemambang* mempunyai kemahiran yang tinggi di setiap penggunaan dan penyusunan ungkapan yang dituturkan secara spontan dalam melafazkan sesebuah *leka main*. Namun betu, pada masa kini dapat dilihat melalui kekurangan penekanan

daripada orang tua yang arif dalam *ramban* ini menjadikan ramai generasi muda hari ini mengalami kesukaran dalam memahami aspek tema dan struktur yang terdapat dalam *ramban* (Rosline, 2011). Keadaan ini semakin menjadi kritikal apabila orang yang arif dan berpengalaman dalam *ramban* semakin berkurangan dan menyebabkan kesukaran dalam mendapat panduan dan sumber dalam penyusunan lapisan bahasa dan aturan *ramban* tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meningkatkan dan memperluaskan pengetahuan tentang keunikan tradisi lisan dalam masyakat Iban khususnya puisi *ramban*.

Seminar Budaya Iban Siri 2 yang diadakan pada 11 Oktober 2017 di Sibu Sarawak anjuran Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang dengan kerjasama *Association for the Educational Development of Iban Language* (AEDIL) bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran para peserta tentang perubahan dan cabaran yang melanda masyarakat Iban, khasnya dari segi kerelevanan sesetengah amalan tradisional masyarakat Iban dalam era globalisasi. Generasi muda masa kini dan masyarakat Iban khususnya didapati kurang pengetahuan dan kesedaran mengenai amalan tradisi, kesusasteraan dan budaya yang menjadi panduan untuk memahami dan mengetahui sejarah kepercayaan asal serta pemikiran budaya suatu ketika dahulu. Justeru itu, seiringan dengan usaha untuk memantapkan Bahasa Iban sebagai bahasa pengantaraan ilmu dan sebagai wadah untuk memupuk kesedaran tentang kebudayaan Iban dalam kalangan generasi muda maka kajian ini harus dijalankan bertujuan untuk percambahan dan perkongsian ilmu. Kajian ini bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan dalam memahami sesebuah puisi *ramban* dan sebagai sumber rujukan kepada masyarakat Iban tetapi dapat mengangkat perbincangan tentang kebudayaan Iban ke satu landasan yang lebih bermakna dalam konteks diskusi ilmiah dan seterusnya mencetuskan budaya intelektual.

Leka main turut diajar di sekolah di Sarawak seperti puisi dalam Bahasa Melayu. Berdasarkan buku teks Bahasa Iban sekolah rendah memperlihatkan *ramban* kurang berbanding dengan genre lain dalam pembelajaran kemahiran *bungai jaku*. Malah terdapat guru-guru bukan pengkhususan dalam Bahasa Iban yang kurang pengetahuan menyampaikan *leka main* serta kurang kepercayaan diri untuk mengajar puisi lisan masyarakat Iban (Magdeline & Zamri, 2014). Ini memberi tempias yang negatif terhadap penguasaan kemahiran *bungai jaku* oleh murid dalam memahami dan mendalami puisi *ramban* kerana kurangnya pendedahan dan pengetahuan terhadap aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban. Situasi ketidakarifan dalam bahasa dan *leka main* sendiri menyebabkan mereka kurang minat untuk mempelajari *leka main*.

Amalan tradisi ini semakin terpinggir disebabkan orang Iban menganuti kepercayaan baharu seperti Kristian. Hal ini memberi impak yang negatif dalam mengekalkan tradisi lisan kaum Iban dan seterusnya hilang ditelan zaman (Asmah Omar, 1981). Perkembangan ilmu moden yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris diteruskan oleh pemerintah di Sarawak telah membentuk cara berfikir suku kaum Iban supaya menolak kepercayaan tradisi termasuk peristiwa yang luar biasa (Postill, 2003). Penolakan ini menyebabkan masyarakat Iban khususnya generasi muda kurang meminati *ramban* dan seterusnya sukar memahami tema, struktur dan fungsi yang terkandung dalam *leka main ramban*.

Ramban merupakan khazanah masyarakat Iban yang tiada ternilai harganya kerana diwarisi turun-temurun sejak dahulu lagi. Malah setiap puisi yang dinyanyikan sarat dengan pengajaran, nilai moral dan didikan. Mesej yang disampaikan dalam *ramban* untuk mengingat, menegur dan menasihati pendengar dalam kalangan masyarakat Iban agar cara hidup dan adat istiadat sentiasa terpelihara. Masalah utama dalam kalangan ahli masyarakat Iban, iaitu tidak memahami perbezaan

sesebuah puisi. Hal ini kerana, penggunaan bahasa dalam struktur setiap puisi masyarakat Iban memerlukan kognitif yang tinggi untuk difahami dan dinyanyikan (Nor Hashimah, 2014). Ini menyebabkan generasi muda pada masa kini kurang meminati puisi tradisional apabila *ramban* dinyanyikan dengan elemen struktur yang pelbagai. Selain itu, pengajaran formal di sekolah turut menerima tempias, iaitu penerapan secara menyeluruh tentang pengamalan dan pemahaman puisi tradisional semakin berkurang.

Kesukaran memahami sastera lisan diperakui sendiri dalam kalangan masyarakat Iban khususnya para pendidik Bahasa Iban (Rosline, 2011). Bahasa tersirat yang mendasari struktur puisi *ramban* dan perlu dinyanyikan atau didendangkan dengan kebolehan menggunakan bahasa kiasan dan pengetahuan yang mendalam mengenai aspek struktur yang mendasari sebuah *ramban* yang mempunyai fungsi dalam penyampaian. Penggunaan lapisan bahasa yang pelbagai juga menjadi satu punca generasi muda sukar untuk memahami maksud yang tersurat dan tersirat dalam *ramban*. Tradisi lisan membantu masyarakat memahami dan mengetahui sejarah kepercayaan asal serta pemikiran budaya suatu ketika dahulu. Sekiranya tiada kesedaran tentang kepentingan tradisi sendiri daripada masyarakat, tradisi lisan kehilangan fungsi dalam kehidupan sosial. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk membantu generasi muda memahami, meneliti dan menganalisis setiap aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban.

Pelbagai kajian yang telah dilakukan terhadap puisi masyarakat Iban, namun tidak ada yang mengkaji puisi *ramban*. Antara penyelidikan tersebut ialah *Leka Main: Puisi Rakyat Iban – Satu Analisis Bentuk dan Fungsi* yang dikaji oleh Chemaline (2006) yang menganalisis puisi rakyat Iban yang dikenali sebagai *leka main* memberi perhatian kepada bentuk, stail dan struktur. Seterusnya, kajian *Struktur dan Pragmatik dalam puisi Pelandai Bulan* oleh Nelson (2017) yang menganalisis struktur

dan fungsi puisi *Pelandai Bulan* dalam masyarakat Iban. Selain itu, Jessica (2020) yang menjalankan kajian *Unsur yang Membentuk Metafora Dalam Biau* dengan berfokuskan kepada analisis unsur alam yang membentuk metafora dalam puisi *Biau*. Oleh itu, kajian mengenai puisi *ramban* yang berfokuskan kepada analisis tema, struktur dan fungsi haruslah dilakukan agar dapat menjadi sumber rujukan kepada masyarakat Iban khususnya generasi muda, guru-guru dan penyelidik yang lain.

1.4 Objektif kajian

Berikut merupakan objektif yang hendak dicapai dan digunakan sebagai dasar dalam kajian ini:

i. Mengenal pasti struktur puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* berdasarkan teori strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983).
ii. Menganalisis tema puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* berdasarkan teori strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983).
iii. Mengkategorikan puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* mengikut fungsi dalam masyarakat Iban berdasarkan teori pragmatisme oleh Grice (1975).

1.5 Soalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian tersebut, soalan kajian turut dinyatakan seperti berikut:

i. Apakah struktur yang membentuk puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* berdasarkan teori strukturalisme?

ii. Bagaimanakah tema puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* dianalisis menggunakan teori strukturalisme?


iii. Bagaimanakah puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* dikategorikan mengikut fungsi dalam masyarakat Iban berdasarkan teori pragmatisme?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Berikut merupakan kerangka konseptual kajian:

Rajah 1.2

Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang dijadikan panduan bagi menjalankan kajian ini. Terdapat dua teori yang digunakan, iaitu teori strukturalisme untuk menganalisis tema dan struktur puisi *ramban* manakala teori pragmatisme diaplikasi untuk mengkategorikan puisi *ramban* mengikut fungsi dalam masyarakat Iban. Kajian kepustakaan yang memfokuskan analisis teks dan kandungan dalam buku *Leka Main Asal Iban* karya Jimmy (1993).

1.7 Batasan Kajian

Kajian teks ini dijalankan untuk mengupas satu genre puisi rakyat Iban, iaitu *ramban* sebagai karya kesusasteraan masyarakat Iban yang kurang mendapat perhatian. Kajian memfokuskan kepada mengenal pasti tema, menganalisis struktur serta mengkategori fungsi *ramban* yang terkandung dalam sepuluh buah puisi *ramban* yang terpilih dalam buku *Leka Main Asal Iban* susunan Jimmy Donald pada tahun 1993. Terdapat dua puluh tujuh buah puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* dan sepuluh buah puisi yang dipilih kerana puisi yang dipilih mempunyai aspek tema, struktur dan fungsi yang berbeza. Kupasan kajian adalah untuk membuktikan puisi *ramban* memiliki tema, struktur dan fungsi yang mempunyai perkaitan dengan bidang kesusasteraan dan kehidupan masyarakat Iban.

Kajian aspek struktur difokuskan kepada pembinaan sesebuah puisi *ramban* daripada bahagian permulaan, isi dan penutup. Sehubungan itu, teori strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983) digunakan untuk menganalisis struktur dan tema yang membentuk puisi *ramban*. Kajian ini memfokuskan struktur yang membentuk puisi *ramban*, iaitu unsur gaya bahasa, bait dan prosodi. Aspek gaya bahasa memberi tumpuan kepada pemilihan kata, frasa dan ayat yang digunakan oleh penulis atau pengarang dalam sesebuah karya untuk menyampaikan ceritanya. Diksi

dikaitkan dengan pemilihan kata yang tepat dan berkesan untuk mengungkapkan idea dalam sesebuah karya. Bait pula memberi tumpuan kepada penyusunan baris atau rangkap untuk menghasilkan struktur sesebuah karya manakala prosodi menekankan aspek persajakan dan rima. Struktur ini dihasilkan oleh simbol-simbol fonem yang membentuk kata-kata yang menjadi tanda linguistik.

Seterusnya, dalam mengkategorikan fungsi *ramban*, teori pragmatisme oleh Grice (1975) digunakan dianalisis maknanya dengan kaedah implikatur, yang hanya mengambil kira tujuan penggunaan implikatur-implikatur berkenaan, strategi penggunaannya serta kesimpulan yang diperoleh daripada penggunaan implikatur dalam puisi *ramban*. Implikatur ialah satu bentuk pentafsiran makna yang melewati batas-batas makna literal sesebuah ayat. Tambahan itu, implikatur perbualan dianggap sebagai satu kenyataan yang harus diambil kira oleh pendengar mengenai apa-apa yang ingin atau hendak disampaikan oleh seorang penutur atau penyair untuk pendengar membuat andaian. Teori pragmatisme bukan sahaja mampu menghuraikan makna yang tersurat, malahan mampu menghuraikan ayat-ayat yang mempunyai makna tersirat dalam sesebuah puisi *ramban*.

Kajian ini dilaksanakan menggunakan sumber sekunder, iaitu buku *Leka Main Asal Iban* susunan Jimmy Donald (1993). Kajian difokuskan kepada kaedah kepustakaan kerana sumber puisi *ramban* amat kurang dan pengamal yang mahir dalam mendeklamasikan puisi turut kurang. Justeru, kajian menekankan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan sepanjang proses pengumpulan data kajian.

1.8 Kepentingan Kajian

1.8.1 Masyarakat

Ramban merupakan puisi tradisional kaum Iban yang hidup dan amat akrab dengan masyarakat Iban khususnya dalam aktiviti harian. Selain itu, *ramban* bukan sahaja sebagai wadah hiburan semata-mata tetapi menjadi aktiviti selingan untuk memanjangkan malam apabila berkait dengan adat istiadat dan upacara keagamaan. Sebagai langkah untuk mengekalkan tradisi lisan ini, kajian ini diharap dapat memberi pengetahuan baharu serta pengetahuan yang lebih mendalam mengenai aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban.

Kajian ini penting sebagai pendukung kepada masyarakat Iban untuk memahami setiap rangkap *ramban* berdasarkan tema, struktur dan fungsinya agar *ramban* tidak hilang ditelan zaman. Puisi lisan yang dihasilkan sejak turun-temurun mempunyai pengertian serta fungsi berdasarkan kepercayaan, adat dan budaya masyarakat Iban. *Ramban* mempunyai tema, struktur dan fungsi yang tersendiri serta dapat memberi impak yang positif dalam menyalurkan nilai-nilai budaya, sosial, adat istiadat dan sebagainya yang menjadi pegangan hidup, pengalaman dan pengajaran kepada masyarakat Iban.

Selanjutnya, kajian ini diharapkan dapat membantu masyarakat Iban yang meminati *leka main* khususnya *ramban* agar belajar lebih mendalam mengenai aspek tema yang terkandung dalam ramban serta lapisan bahasa yang mendasari struktur sesebuah *ramban* dan bukan sekadar pandai melafazkan bait-bait *ramban* tanpa mengetahui maksud yang tersurat dan tersirat.

1.8.2 Badan Organisasi

Badan organisasi yang sentiasa menyokong pelajar, pengkaji dan masyarakat Iban dalam mempromosikan budaya, kesenian dan bahasa Iban yang dikenali sebagai Tun Jugah Foundation (TJF) yang terletak di Kuching, Sarawak. Tujuan penubuhan Tun Jugah Foundation ini untuk menjalankan penyelidikan dan menyediakan bahan intelektual serta sumber rujukan pendidikan seperti penerbitan untuk sarjana dan masyarakat Iban. Tambahan itu, TJF turut mengumpul, merekod, menterjemah, menyalin serta mentafsir semua bentuk puisi lisan dan adat istiadat masyarakat Iban. Bahkan TJF turut mengalakkan penyelidik untuk menyumbang kajian mengenai kesusasteraan lisan Iban. Justeru kajian ini dapat menjadi rujukan kepada TJF serta pengkaji lain yang ingin mempelajari puisi lisan khususnya *ramban*.

1.8.3 Institut Pengajian Tinggi dan Sekolah

Kajian ini diharap dapat membantu pengkaji yang lain untuk menambahkan pengetahuan dan sebagai sumber rujukan tambahan. Selain itu, dapat membantu para pendidik di peringkat Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dan guru-guru yang mengajar di peringkat sekolah rendah dan menengah sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini dapat menjadi panduan kepada pendidik yang mengajar Bahasa Iban untuk mengetahui mesej yang ingin disampaikan disamping mendalami aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban. Melalui kajian ini, diharapkan *ramban* menjadi salah satu genre lisan atau tatapan pelajar yang ingin menelusuri tentang keindahan gaya bahasa dan disiplin ilmu kata yang terdapat dalam puisi *ramban*. Disamping itu, kajian ini akan merungkai maksud yang tersurat

dan tersirat serta tujuan penyampaian *ramban* yamg merupakan salah satu cabang puisi lisan sama ada bertujuan untuk menasihati, menyindir, menegur, mengingati dan menghibur pendegar.

Kajian ini juga menjadi panduan kepada golongan pendidik masyarakat Iban untuk memahami aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* yang disalurkan kepada pelajar atau generasi muda. Melalui kajian ini, pengajaran dan pembelajaran kemahiran *bungai jaku* (seni bahasa) antara guru dengan pelajar menjadi lebih mudah dengan adanya rujukan sebagai panduan. Penyelidikan yang berfokuskan kepada struktur *ramban* ini dapat membimbing pelajar dan masyarakat Iban untuk mempelajari struktur yang mendasari sesebuah puisi *ramban* dari aspek gaya bahasa, bait dan prosodi. Ini memberi tempias yang positif kepada puisi lisan untuk dijadikan tatapan masyarakat sama ada untuk tujuan sumber rujukan, pemantapan *ramban* dan wadah pengajaran bahasa Iban. Justeru kajian ini secara tidak langsung dapat memberi pengetahuan kepada generasi muda serta rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang ingin mengkaji keindahan dan keunikan puisi lisan yang mengambarkan sosiobudaya serta adat istiadat masyarakat Iban.

Seterusnya, dapat memupuk nilai sayang dan cinta kepada amalan tradisi sama ada dalam kesusasteraan, adat resam dan kebudayaan masyarakat Iban itu sendiri. Ini sekaligus dapat memberi kesedaran kepada generasi muda untuk menerapkan alaman tradisi yang diwarisi turun-temurun dan berusaha untuk mempertahankan tradisi lisan agar tidak mati ditelan zaman.

1.9 Definisi Operasional

Definisi operasional berikut memaparkan istilah yang digunakan dalam kajian ini:

1.9.1 Struktur

Aminuddin (2004), mendefinisikan struktur ialah cara sesuatu perkara terbina atau terbentuk melalui pelbagai bahagian, unsur atau aspek hingga membentuk suatu pola atau sistem tertentu. Berdasarkan kajian ini, struktur dalam pembinaan *ramban* diperlihatkan kepada aspek gaya bahasa, bait, prosodi dan tema. Walau bagaimanapun dalam objektif kajian, aspek tema akan diasingkan dengan struktur kerana tema lebih menjurus kepada kandungan makna yang ingin disampaikan oleh pengkarya, manakala aspek gaya bahasa, bait dan prosodi lebih menumpukan kepada bentuk penyampaian serta ciri-ciri teknikal yang membentuk keindahan dan keunikan sesebuah karya.

Aspek gaya bahasa yang dianalisis dalam puisi *ramban* memfokuskan elemen hiperbola, asonansi, aliterasi, metonimi, anafora, simplok, satira, sinisme, sinkop, simile, homoioteleuton, konotasi, denotasi, citra bebas, kolokasi dan polysyndeton. Aspek bait yang terdapat dalam sepuluh buah puisi *ramban* ini diperlihatkan melalui elemen prolog, isi, epilog, paralelisme, baris ayat dan patah perkataan yang membentuk puisi *ramban*. Manakala, dari aspek prosodi dengan mengenalpasti elemen rima, jeda, disfemisme dan emotif.

Selain itu, kajian yang menganalisis struktur turut memperlihatkan tema yang terkandung dalam puisi *ramban*. Menurut Kamus Melayu-Inggeris Dewan (2012), tema ialah sesuatu perkara yang menjadi dasar perbicaraan, pokok idea atau tajuk.

Dalam kajian ini, tema adalah sesuatu perkara yang penting untuk dikupas sebagai idea yang utama di dalam sesebuah teks *ramban* yang dapat ditafsirkan sebuah pernyataan.

1.9.2 Fungsi

Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996), menjelaskan fungsi sebagai sesuatu tugas dalam sesebuah aspek yang merujuk kepada peranan sesuatu bahasa yang disampaikan oleh penutur kepada pendengar. Berdasarkan bahasa, fungsi menekankan tujuh aspek bahasa. Pertama ialah fungsi instrumental yang bermaksud bahasa mempunyai penyebab terjadinya peristiwa. Kedua, fungsi mengatur dan mengendalikan pelbagai peristiwa. Ketiga, fungsi bahasa untuk pernyataan, menyampaikan fakta-fakta pengetahuan, menjelaskan dan mengambarkan realiti yang sebenar. Fungsi yang keempat ialah bahasa bermanfaat untuk berinteraksi sesama manusia agar komunikasi berjalan dengan lancar. Fungsi yang kelima ialah bahasa untuk menginterpretasikan diri, mengungkap sesuatu tentang diri serta emosi diri. Keenam, fungsi bahasa sebagai alat untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan ketujuh bahasa sebagai alat imaginasi. Kajian in memfokuskan aspek fungsi *ramban* yang dilafazkan sama ada berfungsi sebagai kestabilan emosi, sosial, nasihat dan hiburan.

1.9.3 Puisi

Menurut kamus Dewan Edisi Keempat (2007), puisi sebagai satu karangan yang berbentuk sajak, syair, pantun dan lain-lain. Puisi ialah karangan berangkap dan mempunyai kalimat yang bebas terutamanya dari segi pemilihan diksi, rima dan suku

kata. Abdul Halim (2011) menjelaskan puisi ialah satu hasil kesenian, wadah pemeliharaan adat, menjangkau alam mistik, pembinaan sahsiah, pengajaran agama, pertahanan, hiburan dan kepercayaan.

Puisi dalam masyarakat Iban dikenali sebagai *leka main*. Puisi rakyat dalam kesusasteraan lisan tradisional yang dihasilkan oleh masyarakat Iban disebarkan dari satu generasi ke satu generasi secara lisan. Janang dan Robert (2011) menjelaskan *leka* bermaksud isi dan *main* adalah puisi (Chemaline, 2006). Oleh itu, *leka main* ialah satu bentuk pengucapan yang terhasil dari imaginasi, daya cipta dan realiti budaya yang mempunyai nilai estetika, tema dan laras bahasa yang unik dan tersendiri. Kajian ini memfokuskan kepada puisi masyarakat Iban, iaitu puisi *ramban* yang merupakan puisi tradisional kategori hiburan kerana dinyanyikan untuk hiburan pada waktu senang dan hari keramaian tujuan memuji, memberi motivasi, meluahkan perasaan gembira dan cinta serta keluh-kesah dan rintihan.

1.9.4 Ramban

Kamus Iban-Melayu Dewan Edisi Kedua (2020), *ramban* merupakan puisi tradisional masyarakat Iban yang sering dinyanyikan atau dilafazkan untuk menyampaikan kestabilan emosi, sosial, nasihat dan hiburan. Selain itu, *ramban* puisi lisan dalam kategori hiburan kerana dianggap tidak serius dan sesuai untuk menghiburkan khalayak pada masa lapang dan majlis keramaian. Kajian ini menganalisis puisi *ramban* yang terdapat dalam masyarakat Iban dari aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban. Kajian memfokuskan kepada sepuluh puisi ramban yang terdapat dalam buku *Leka Main Asal Iban*, iaitu *Ramban Nanyaka Pejalai, Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula, Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai, Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa, Ramban Mejah Pisin Lelaki,*

Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang, Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya, Ramban Indu Dara Ringat Asa, Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki dan *Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta*.

1.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini menghuraikan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, teori kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian ini dijalankan. Tambahan itu, bab ini turut menerangkan latar belakang suku kaum Iban dan asal usul masyarakat Iban serta komponen tradisi lisan yang dikategorikan kepada hiburan, adat dan invokasi turut diterangkan. Kesimpulannya, kajian ini mengkaji puisi *ramban* yang merupakan salah satu khazanah masyarakat Iban dengan menggunakan teori strukturalisme dan teori pragmatisme untuk menjelaskan tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kajian-kajian lepas yang mempunyai hubungkait dengan puisi, teori strukturalisme dan teori pragmatisme. Penelitian turut membincangkan kajian lepas berkaitan dengan tema, struktur dan fungsi puisi lisan masyarakat Iban. Perbincangan bab ini amat signifikan bagi tujuan menyelidiki kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan oleh penyelidik terdahulu berhubung dengan tema, struktur dan fungsi puisi Iban yang menjadi dasar dan tunjang kajian ini. Tujuan tinjauan literatur ialah untuk menyampaikan tentang ilmu, idea dan dapatan yang berkaitan dengan topik kajian. Bahkan bahan-bahan atau sumber yang dipilih mempunyai kaitan dengan objektif dan soalan kajian yang dikemukakan. Oleh itu, hasil kajian yang diperoleh daripada kajian terdahulu dijadikan panduan dan mempelbagaikan maklumat serta menambah ilmu pengetahuan khususnya masyarakat luar yang kurang mengenali tradisi lisan masyarakat Iban di Sarawak.

2.2 Kajian Lepas Berkaitan Genre Lisan Masyarakat Iban

Di Sarawak, kajian tradisi lisan bermula pada abad ke-19 oleh para sarjana Eropah seperti Freeman (1970), Erik Jensen (1974) dan Clifford Sather pada tahun 1970-an. Kebanyakan para sarjana tersebut mengkaji mitos dan kepercayaan suku kaum Iban.

Chemaline (2006) dalam kajiannya yang bertajuk *Leka Main: Puisi Rakyat Iban – Satu Analisis Bentuk dan Fungsi* telah menganalisis puisi rakyat Iban yang dikenali sebagai *leka main*. Kajian yang dilakukan mempunyai dua tujuan utama, iaitu yang pertama menganalisis bentuk, stail dan struktur *leka main* serta yang kedua mengkaji fungsinya dalam masyarakat Iban dan mengkategorikannya mengikut fungsi-fungsi yang berbeza. Selain menganalisis bentuk, stail dan struktur, kajian juga mengkaji beberapa aspek persembahan *leka main* termasuk audiens, mod dan gaya persembahan, peralatan muzik dan perlatan lain yang berkaitan. Sehubungan dengan pandangan fungsionalis, tiga fungsi *leka main* telah dikenal pasti – pertama, *leka main* yang menyumbang ke arah kestabilan sosial dan emosi seperti *pantun, jawang, ramban, sanggai, pelandai ara, pelandai karung, sugi, renong semain* dan *ensera*. Kedua, *leka main* yang berfungsi dalam adat dan budaya seperti *renong adat (ngetanka kuta, muka kuta, namaka tuah), tanya indu, pantun meri ngirup, pantun peransang, tanya indu, geliga, naku pala, ai ansah* dan *ganu nyambut temuai*. Ketiga, *leka main* yang membentuk sebahagian daripada sistem kepercayaan, upacara dan ritual seperti *sampi, pengap, timang, pelian, sugi sakit* dan *sabak*. Penjelasan *leka main ramban* yang berfungsi sebagai kestabilan sosial dan emosi dapat memberi pengetahuan serba sedikit mengenai tema, struktur dan fungsi *leka main ramban* dalam masyarakat Iban.

Nelson (2017), dalam kajiannya yang bertajuk *Struktur dan Pragmatik dalam puisi Pelandai Bulan* hasil ciptaan Mendiang Dunging anak Gunggu sekitar tahun 1954. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti struktur dan menerangkan tema *Pelandai Bulan* dalam masyarakat Iban. Kajian ini bersandarkan Teori strukturalisme untuk mengupas struktur dan tema *Pelandai Bulan*. Teori pragmatisme telah digunakan untuk menjelaskan fungsi puisi *Pelandai Bulan* dalam masyarakat Iban. Data kajian telah dikumpul daripada bahan artifak, bahan kepustakaan dan temu bual dengan responden. Data dari aspek struktur dan tema telah dianalisis dengan Kaedah de Saussure dan untuk data fungsi dianalisis dengan kaedah System Coding J. Saldana. Kajian mendapati bahawa *Pelandai Bulan* memiliki struktur yang bercirikan karya sastera. Ia memiliki tema yang berfokuskan kepada proses rutin penanaman padi tahunan dalam masyarakat Iban. *Pelandai Bulan* berfungsi sebagai panduan ritual dan peringatan kepada masyarakat Iban dalam mengerjakan huma. Oleh itu, kajian ini dapat membantu kajian yang akan dilakukan bagi meneliti dan sebagai rujukan tambahan kerana wujudnya persamaan dari aspek teori dalam menganalisis tema, struktur dan fungsi puisi *ramban* dalam masyarakat Iban.

Kajian Ngabong (2021) yang bertajuk *Bentuk Puisi Tradisional Iban Timang Jalung* telah menganalisis bentuk puisi *timang jalung* yang dinyanyikan oleh sekumpulan *lemambang* dalam upacara *gawai antu*. Kajian ini memanfaatkan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kerja lapangan dan kajian kepustakaan serta analisis kandungan. Manakala sampel kajian ialah *lemambang* yang menyanyikan puisi *timang jalung* di daerah Saratok dan Betong. Teori strukturalisme digunakan untuk menganalisis bentuk puisi dan dapatan kajian menunjukkan bahawa puisi *timang jalung* distrukturkan oleh baris dan rangkap. Justeru, kajian ini dapat membantu untuk meneliti teori strukturalisme yang digunakan kerana wujudnya persamaan dalam menganalisis struktur *ramban*. Kajian ini turut

dimanfaatkan dari aspek dapatan kajian yang mana struktur puisi t*imang jalung* dan puisi *ramban* distrukturkan oleh baris dan rangkap.

Kajian yang dijalankan oleh Bejamin *(2020)* yang mengkaji *Unsur Simbolisme Dalam Pengap Gawai Pangkung Tiang* dengan menggunakan reka bentuk kualitatif, iaitu kaedah kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Sebanyak enam jenis teks telah dianalisis berkaitan unsur simbolisme dengan bersandarkan teori semiotik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa simbol dalam *pengap* berkait rapat dengan persekitaran dan kehidupan harian masyarakat Iban. Masyarakat Iban menganggap semua benda hidup dan benda bukan hidup mempunyai *semengat* atau roh dengan memberi sifat manusia kepada benda tersebut melalui simbol. Simbol muncul melalui pelbagai deria seperti pendengaran dan penglihatan. Terdapat enam kategori simbol dalam pengap gawai pangkung tiang iaitu simbol habitat, simbol alam kosmos. Simbol dewa, simbol manusia, simbol tempat dan simbol benda bukan hidup. Walaupun kajian ini tidak berfokuskan kepada kajian struktur dan fungsi puisi namun gambaran melalui unsur simbolisme yang terdapat dalam *pengap* menunjukkan persamaan dalam pembinaan struktur sesebuah puisi *ramban*.

Masyarakat Iban khasnya generasi muda kurang jelas tentang maksud setiap perkataan atau imej yang digunakan dalam puisi lisan. Kajian yang dijalankan oleh Laura Seman (2020), iaitu *Imej Arketaip Dalam Puisi Sabak* telah memperlihatkan puisi lisan kategori invokasi ini sangat unik dan memiliki pelbagai imej arketaip. Kajian teks puisi *sabak* daripada buku *Sabak* oleh Robert Menua Salleh menganalisis imej arketaip di samping temu bual bersama responden yang terlibat, iaitu *tukang sabak*. Teori arketaip yang digunakan mendapati teks puisi *sabak* menggunakan objek seperti besi, *tabak* yang berisi makanan, rama-rama dan sebagainya merujuk kepada imej arketaip yang hanya difahami oleh kelompok masyarakat Iban. Walaupun kajian ini tidak berfokuskan kepada tema, struktur dan

fungsi yang mendasari puisi *sabak* namun imej arketaip yang terdapat dalam puisi *ramban* wujud kerana pelbagai lambang dan simbol boleh menjadi imej arketaip seperti pengalaman manusia, watak penyampai puisi, pakaian, makanan dan haiwan.

Jessica (2020) mengkaji *Unsur yang Membentuk Metafora Dalam Biau,* iaitu puisi tradisional kaum Iban kategori invokasi yang berkaitan dengan upacara persembahan ritual untuk menyeru *Petara* (dewa-dewi). Kajian ini menganalisis bahasa kiasan yang digunakan oleh *lemambang* (pengamal ritual) adalah untuk menyampaikan mesej kepada *Petara* supaya lebih menarik dan menunjukkan kesopanan. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk menganalisis unsur yang membentuk matafora dalam struktur *biau*. Berasaskan pendekatan secara kualitatif, kaedah deskriptif digunakan untuk mengkaji tiga buah puisi *biau* yang diambil daripada buku *Sampi Enggau Biau*. Analisis kandungan digunakan untuk menganalisis unsur yang membentuk metafora dalam struktur *biau*. Dapatan kajian menunjukkan unsur yang membentuk struktur *biau* terdiri daripada benda hidup, benda bukan hidup dan alam semula jadi yang disesuaikan dengan kehidupan kaum Iban. Unsur-unsur ini digunakan untuk menyatakan warisan tradisi, kehadiran entiti atau roh, persembahan sajian (piring), jenis ayam, kekuatan ayam, perwatakan tetamu yang hadir ke persembahan sajian piring dan keindahan alam. Walaupun kajian ini tidak menyelidik puisi *ramban*, namun kajian yang akan dilakukan turut menganalisis unsur-unsur bahasa yang digunakan dalam struktur sesebuah puisi tradisional masyarakat Iban.

Seterusnya, Saripah (2017) mengkaji *Unsur Bahasa Kiasan Metafora Dalam Sampi Iban. Sampi Iban* merupakan puisi tradisional kaum Iban kategori invokasi yang berfungsi sebagai permohonan doa untuk mendapatkan pertolongan atau perlindungan. Kata-kata dalam *sampi* (mantera) yang dilafazkan kepada *Petara*

(Dewa-dewi) digayakan dengan bahasa kiasan metafora menambahkan lagi keindahan seni berpuisi dikalangan masyarakat Iban. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur-unsur yang membentuk bahasa kiasan metafora dalam mantera perhumaan (*sampi umai*) masyarakat Iban. Dapatan kajian menunjukkan bahasa kiasan *sampi* terdiri daripada unsur alam seperti tumbuhan, haiwan, dan manusia yang disesuaikan dengan unsur bukan alam yang dicipta dan menjadi budaya dalam kehidupan mereka. Namun tiada penjelasan yang berkenaan dengan tema, struktur dan fungsi puisi dalam masyarakat Iban. Dengan itu, kajian seperti ini amat perlu dilakukan untuk mengatasi masalah mengenal pasti struktur, menghuraikan tema dan menjelaskan fungsi puisi *ramban* dalam masyarakat Iban.

Kajian Elizabeth (2018) yang bertajuk *Tema, Ciri-Ciri Dan Fungsi Jaku Sema Dan Jaku Silup Dalam Pengajaran Bungai Jaku* telah memfokuskan kepada tiga objektif utama, iaitu menghuraikan tema, mengenal pasti ciri-ciri dan menjelaskan fungsi *jaku sema* dan *jaku silup* dalam *bungai jaku*. Kajian ini memanfaatkan dua teori, iaitu semantik dan semiotik menurut C. S. Pierce untuk merungkai objektif kajian. Tambahan itu, kajian telah menggunakan tiga kaedah, iaitu kaedah kepustakaan, kaedah lapangan dan kaedah pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat ciri-ciri *jaku sema* yang telah dikenal pasti. *Jaku sema* membandingkan keadaan dalam ungkapan dan mesej mudah difahami dengan menggunakan kata banding *asai, baka, enda* dan *munyi* (seperti, bagai dan umpama) di pangkal ayat. *Jaku silup* pula ialah ungkapan yang mempunyai erti yang tersembunyi, berteka-teki dan digunakan di tempat berpenghuni, untuk mengelakkan malapetaka dan kecelakaan. Secara tidak langsung, kajian ini menjelaskan penggunaan teori semantik dan teori semiotik dapat menghuraikan tema, mengenal pasti ciri-ciri dan menjelaskan fungsi *jaku sema* dan *jaku silup* dalam pengajaran *bungai jaku*. Penjelasan tentang tema dan fungsi *jaku sema* dan *jaku silup* mempunyai perkaitan dengan ramban kerana ungkapan dan mesej yang inigin

disampaikan dalam sesebuah puisi *ramban* menggunakan kata banding *asai, baka, enda* dan *munyi* di pangkal ayat.

Elemen estetik dan kesusasteraan suku kaum Iban telah diselitkan dalam mata pelajaran Jaku Iban (Bahasa Iban) di sekolah menengah dan sekolah rendah. Ini adalah langkah untuk menarik dan mengekalkan minat murid terhadap kesusasteraan Iban. Kajian *Penghayatan Leka Main Melalui Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Jaku Iban Di Bilik Darjah* oleh Chemaline (2013) memperlihatkan *leka main* (puisi rakyat) Iban dapat membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Jenis-jenis *leka main* yang digunakan oleh guru ialah *pantun, sangai, ganu, jawang, ramban, sugi, pelandai, dungai, wa' anak, renong, ai ansah, ensera, entelah, tanya indu, naku pala, timang, sampi, pelian, pengap* dan *sabak*. Unsur-unsur yang dihayati dalam leka main termasuklah gaya bahasa, amanat, bentuk, nilai, keindahan, unsur budaya dan seumpamanya.

Dapatan kajian menunjukkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penghayatan terhadap *leka main* dapat dilihat melalui aktiviti-aktiviti membaca *leka main* dengan sebutan dan intonasi yang sesuai, menyatakan pengajaran, memberi makna diksi, membaca dan menaakul isi yang tersurat dan tersirat. Tambahan itu, aktiviti melengkapkan baris, mendeklamasi, menghurai aspek struktur, membina ayat puitis, menginterpretasi, memahami gaya bahasa, memahami tema dan mesej, mendengar dan mengenal nada dalam menghayati *leka main*. Yakni, kajian ini dapat mengupas puisi *ramban* secara struktural, iaitu meneliti aspek formalistiknya seperti rangkap, baris, diksi, tema, persoalan, latar, mesej, rima, gaya bahasa, citra alam, nilai, perbandingan, personifikasi, kiasan dan seumpamanya.

Benedict Sandin (1977:7) dalam kajian beliau yang bertajuk *Gawai Burong*: *The Chants and Celebrations of the Iban Bird Festival* turut menjelaskan tentang

bentuk dan gaya bahasa dalam puisi masyarakat Iban sebagai memberi gambaran tentang puisi lisan masyarakat Iban yang menekankan keindahan bahasa dalam menyampaikan mesej. Bahasa yang puitis dan berima seragam menjadi salah satu ciri dalam puisi masyarakat Iban. Sehubungan dengan itu, kajian ini menjelaskan bentuk dan gaya bahasa puisi *ramban*. Ciri-ciri yang dihuraikan oleh Sandin mempunyai perkaitan dengan penyelidikan membuat penilaian terhadap puisi *ramban* akan dianalisis aspek bentuk dan gaya bahasa di atas, seperkara lagi yang pengkaji akan huraikan dalam kajian ini ialah fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban.

Janang (2010:3) menyatakan bahawa penyair tradisional Iban sering menggunakan puisi untuk sesuatu majlis, perayaan atau aktiviti kebudayaan. Ini yang diterangkan beliau sebagai menjelaskan kegunaan puisi lisan yang sering diguna pakai untuk majlis-majlis tertentu dalam masyarakat Iban. Ini merangkumi majlis perkahwinan, perayaan *Gawai Antu* (perayaan menghormati roh orang yang telah mati) dan pelbagai perayaan dan gawai-gawai yang lain. Kajian ini menilai fungsi puisi *ramban* dalam pelbagai situasi kehidupan masyarakat Iban. Ini sangat relevan dengan kehendak kajian yang berusaha untuk menilai kedudukan puisi *ramban* dalam kesusasteraan masyarakat Iban. Dengan itu, kajian ini merujuk pandangan dan dapatan Janang di atas untuk menilai fungsi dan kemampuan puisi *ramban* menunjukkan refleksi kebudayaan dan kehidupan masyarakat Iban di dalamnya.

Kajian Patricia Matusky (2004) dari University of Michigan, Amerika Syarikat yang bertajuk *The Pantun Iban – Poetry and Song* mengkaji puisi tradisional Iban yang dikenali sebagai *pantun*. Patricia mendapati bahawa *pantun* Iban mempunyai struktur berbeza daripada pantun Melayu. Ini dapat dilihat dalam pantun Melayu dibahagikan kepada berkerat-kerat manakala *pantun* Iban bentuknya lebih kepada puisi yang panjang serta mempunyai rima akhir yang sama dan puitis. Dapatan

Patricia relevan dengan kajian *ramban* kerana mempunyai ciri-ciri yang sama dengan *pantun* yang dikaji kerana menyanyikan *ramban* harus mengikut alunan suara dan rentak intonasi yang sesuai. Oleh itu, bentuk *ramban* dipengaruhi oleh bentuk stanza yang tidak terikat dengan jumlah baris ayat tetapi lebih dipengaruhi oleh pengkarya yang menghasilkan puisi, iaitu mementingkan maksud yang hendak disampaikan kepada pendengar untuk mencapai objektif.

Berdasarkan kajian lepas yang mengkaji puisi-puisi lisan masyarakat Iban, iaitu *pelandai bulan, timang jalung, pengap gawai pangkung tiang, sabak, biau, sampi, jaku sema, jaku silup, gawai burong* dan *pantun* menunjukkan bahawa kajian yang mengkaji puisi ramban ini mempunyai persamaan dari aspek struktur dan dan fungsi dalam masyarakat Iban. Yakni, kajian lepas ini dapat memberi gambaran dan penelitian yang terperinci dalam menganalisis tema, struktur dan fungsi puisi ramban dalam masyarakat Iban.

2.3 Kajian Lepas Berkaitan Genre Lisan Masyarakat Etnik Di sabah

Kajian yang dijalankan oleh Rosliah Kiting (2014) yang bertajuk *Unsur-Unsur Sejarah Dalam Sudawil (Pantun) Kadazandusun*. Sudawil merupakan puisi lisan Kadazandusun yang telah diteliti maknanya dari segi linguistik dan budaya melalui aspek kata yakni denotatif, konotatif dan fungsi kohesi. Menggunakan Teori Analisis Komponen Makna oleh Katz (1972) sudawil mempunyai padanan makna dalam perkataan-perkataan tertentu. Selain itu, puisi lisan tersebut banyak menggunakan metafora dan unsur kohesi bagi menegaskan lagi maksud yang hendak disampaikan oleh penyampai. Kajian tersebut hanya mengkaji aspek makna kata puisi lisan dan bukan menyentuh struktur puisi tersebut. Oleh itu, ia dapat memberi pengetahuan tambahan dalam kajian yang berkaitan.

Masyarakat Kadazandusun juga kaya dengan unsur dan nilai sastera yang mencakupi puisi, prosa tradisional, adat resam dan kebudayaan. Rowdella Raymond Raimi yang telah menjalankan kajian yang bertajuk *Tema dan Fungsi Peribahasa Masyarakat Kadazandusun* pada tahun 2017. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis tema dan fungsi peribahasa masyarakat Kadazandusun sebagai lambang cerminan budayanya. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa peribahasa dapat dibahagi kepada empat jenis iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah dan bidalan yang dibuktikan melalui seni percakapan dan golongannya dalam bahasa kiasan. Tema dan fungsi ini selaras dan berkait rapat dengan budaya masyarakat Kadazandusun yang ditonjolkan dari segi ekonomi, adat resam, perkahwinan dan sosial masyarakat Kadazandusun. Justeru, kajian ini wujudnya persamaan dengan tema dan fungsi puisi *ramban* yang menyampaikan mesej dari aspek ekonomi, sosiobudaya dan adat resam masyarakat Iban.

Disamping itu, Saidatul Nornis (2008) telah mengkaji interaksi dalam Isun-isun kaum Bajau di Kota Belud, Sabah. Isun-isun ialah pantun tradisional masyarakat Bajau yang mempunyai empat bait serangkap dengan rima akhir yang sama ‘a-a-a-a’. Perbezaan Isun-isun dengan bentuk pantun Melayu dilihat dari segi struktur dan cara penyusunan idea. Isun-isun mengandungi elemen pengenalan, inti dan penutup berbanding dengan pantun yang mengungkapkan satu maksud dan setiap rangkap. Namun demikian, kajian ini tidak menyentuh lapis bahasa yang membina Isun-isun, sebaliknya mengkaji bahasa pada permulaan dan akhir interaksi.

Low Kok On dan Azlan Shafie Abdullah (2014) turut menjalankan kajian mengenai puisi tradisional etnik Rungus di daerah Kudat iaitu *Bbahul* dan hubungannya dengan Bbiruhuni. *Bbiruhuni* merupakan kepercayaan tradisi kaum Rungus dengan konsep Minamangan sebagai Pencipta Yang Esa serta kewujudan pelbagai semangat baik dan jahat di alam ghaib. Kaedah lapangan digunakan dalam

kajian dengan merakam dan mendokumentasikan *bhahul* serta kepercayaan Bbiruhui. Dapatan kajian menunjukkan *bhahul* merupakan puisi yang dilafazkan oleh orang tertentu semasa *Bbiruhui* dijalankan. *Bbbobbolizan* (pakar upacara) juga boleh menyampaikan *bbahul* contohnya dalam upacara *Moginum* untuk menyembuhkan penyakit. Namun demikian, tiada dinyatakan samada *bhahul* merupakan sejenis mantera atau tidak kerana hanya sesetengah *bhahul* yang berkait rapat dengan kepercayaan *Bbiruhui*. Teknik analisis dalam kajian tersebut mengetengahkan tiga tahap iaitu analisis teks, tekstual (unsur linguistik dalam teks) dan konteks.

2.4 Kajian Lepas Berkaitan Genre Lisan Masyarakat Melayu

Peribahasa Melayu Sarawak turut berhubungkait dengan puisi lisan masyarakat Iban. Kajian *Analisis Genre dan Akal Budi dalam Peribahasa Melayu Sarawak* oleh Abang Patdeli Abang Muhi pada tahun 2018 bertujuan untuk menganalisis peribahasa yang terdapat dalam beberapa buah buku berdasarkan pendekatan induktif daripada aspek genre dan akal budi. Teori Peribahasa Za'ba dan Teori Semantik Geoffrey Leech diaplikasikan dalam kajian ini untuk mengenal pasti jenis-jenis peribahasa, menjelaskan struktur dan menganalisis akal budi dalam peribahasa. Melalui dapatan kajian kepustakaan dan temu bual dengan informan mendapati 1, 373 rangkap peribahasa Melayu Sarawak yang mana genre simpulan bahasa 964 rangkap, pepatah atau bidalan 266 rangkap, perumpamaan 91 rangkap, nilai kepercayaan 46 rangkap dan pantun dua baris berima sebanyak 6 rangkap. Manakala aspek akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak menunjukkan pelbagai tema dan makna yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan, falsafah, pemikiran, budaya, pandangan hidup dan daya cipta. Kajian tentang analisis tema, struktur dan fungsi *ramban* ini dijangka akan memperoleh data berkaitan dengan wujudnya unsur-unsur pengajaran, cara pemikiran dan falsafah kehidupan dalam masyarakat Iban.

Kajian dalam bidang kesusasteraan yang merangkumi puisi amat perlu dijalankan terutama aspek gaya bahasa seperti ditekankan oleh Amat Juhari Moain (2008:6-16) dalam kajian beliau yang bertajuk *Pemilihan Kata dalam Pantun Melayu* dengan menjelaskan ciri-ciri pantun yang mempunyai gaya bahasa yang memiliki untaian seperti irama, sajak, pertentangan bunyi, perkaitan pembayang dengan maksud, eufoni, emotif, kolokasi dan nilai rasa. Sebagai sebuah karya lisan, *ramban* mempunyai aspek gaya bahasa seperti yang diterangkan oleh Amat Juhari Moain agar dapat diterima untuk mengangkat kesusasteraan masyarakat Iban. Justeru, pengkaji akan menghuraikan ramban yang menekankan aspek keindahan laras bahasa yang puitis.

2.5 Kajian Lepas Berkaitan Genre Lisan Masyarakat Lain di Malaysia

Jayanthimala telah menjalankan kajian bertajuk *Nilai Murni Dalam Puisi Tradisional Karya Kanimozhi Kuppusamy* (2017). Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti nilai murni serta unsur pengajaran yang terkandung dalam puisi-puisi tradisional karya Kanimozhi Kuppusamy dan mengaitkan puisi-puisi tersebut dengan pembentukan sahsiah mulia dalam kalangan murid. Kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan analisis teks serta berasaskan teori moral digunakan untuk mengkaji puisi tradisional karya Kanimozhi Kuppusamy. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 17 nilai murni dan 12 unsur pengajaran dalam puisi tradisional tersebut. Namun tiada angkubah yang berkaitan dengan aspek tema, struktur dan fungsi puisi tradisonal *ramban* dalam masyarakat Iban.

Kajian Nathesan. S (2008:21) dalam kajian beliau yang bertajuk *Laras Bahasa Ilmiah* menjelaskan bahawa gejala laras amat perlu dalam kajian yang melibatkan bahasa kerana ini penting untuk memahami fungsi dan keberkesanan

bahasa tersebut. Dalam konteks ini, ramban perlu dinilai berdasarkan pandangan ilmiah untuk mengupas keseluruhan puisi dan kaitannya dengan masyarakat Iban. Pandangan Nathesan ini menjelaskan bahawa laras bahasa merupakan elemen penting dalam mengkaji sesebuah puisi dari aspek fungsi dalam sesebuah masyarakat. Pengkaji cuba menilai laras bahasa puisi lisan dalam masyarakat Iban untuk dibandingkan dengan bahasa yang penyair ramban gunakan dalam puisinya. Oleh itu, ini akan membantu pengkaji menghuraikan dengan lebih terperinci tentang tema, struktur dan fungsi ramban dalam kehidupan masyarakat Iban.

Jamaludin et al (2013, hlm. 1-13) telah menjalankan kajian di Universitas Pendidikan Ganesha Singaraja bertajuk *Analisis Bentuk, Fungsi Dan Makna Lelakaq Dalam Acara Sorong Serah Pada Ritual Pernikahan Adat Sasak*. Kajian ini memfokuskan tiga perkara iaitu bentuk, fungsi dan makna lelakaq. Pendekatan analisis wacana berdasarkan teori pragmatik semantik (Kempson, 1984) digunakan untuk menghuraikan persoalan kajian. Bagi kaedah kajian pula, kaedah wawancara dan analisis dokumen berdasarkan teknik analisis data interaktif (Miles & Huberman 1994) membantu merungkai data kajian daripada informan. Dapatan kajian mendapati bahawa kajian bentuk mengungkapkan fokus kajian iaitu aspek fungsi berkaitan dengan keterangan dan informasi serta makna pragmatik dan semantik lelakaq. Walaupun kajian ini tidak menjelaskan puisi *ramban*, tetapi pengkaji memperoleh pelbagai ilmu berkaitan dengan menghuraikan tema dan fungsi sesebuah ungkapan.

Menurut Syed Abdullah Syed Sulaiman (2009), tradisi lisan, budaya lisan dan adat lisan ialah pesan atau kesaksian yang disampaikan secara turun-temurun daripada satu generasi kepada generasi berikutnya. Darson (1973), menyebut tradisi lisan sebagai folk literature (kesusasteraan rakyat). Dalam bidang antropologi, konsep tradisi lazimnya dikaitkan dengan konsep-konsep ‘folk society’ dan ‘folklore’

yang didefinisikan sebagai sebahagian daripada pengetahuan budaya atau budaya tradisional sesuatu masyarakat yang diturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain secara lisan (Seymour-Smith, 1986: 212).

Selanjutnya, Mary Fatimah Subet, Shanthi Nadarajan, Wan Robiah Meor Osman dan Salbia Hassan (2015) dalam buku *Unsur Semantik dan Pragmatik dalam Pantun Bidayuh Jagoi* telah memberi tumpuan kepada penulisan aspek semantik dengan memfokuskan kepada makna literal dan makna non-literal perkataan dalam bahasa Bidayuh. Selain itu, makna dalam tradisi lisan ini turut diterokai dengan rangka analisis bidang pragmatik berdasarkan kaedah implikatur yang diasaskan oleh Grice (1975). Aspek pragmatik yang terdapat dalam pantun Bidayuh Jagoi, iaitu strategi untuk menyatakan kesedihan dan kerisauan, strategi untuk memberi nasihat, strategi untuk menyindir seseorang, strategi untuk menyatakan nekad untuk melakukan sesuatu dan strategi untuk menyatakan rasa kasih. Oleh yang demikian, perkembangan tradisi lisan masyarakat ini memperlihatkan kaitan yang kukuh dengan rutin kehidupan masyarakat Bidayuh satu ketika dahulu yang menjadikan pertanian sebagai salah satu sumber ekonomi mereka.

Menurut Muhd Embrey (2009), sastera lisan ialah hasil-hasil sastera lama yang disampaikan secara lisan, iaitu dipertuturkan. Sastera lisan merupakan hasil sastera yang dimiliki oleh sesuatu masyarakat lalu disebarkan dan dituturkan daripada satu generasi kepada satu generasi secara lisan. Sesuatu masyarakat yang menghasilkan sastera lisan masih bersifat tradisional, ketinggalan dari segi teknologi, masyarakat yang masih mengamalkan sistem sosial yang terikat dengan semangat kerjasama dan kolektif, masyarakat yang masih statik serta tidak banyak hubungan dengan masyarakat luar.

Abu Hassan Abdul et. Al (2012, hlm 1-19) telah menulis artikel bertajuk *Unsur Haiwan dalam Peribahasa Masyarakat Asli Suku Kaum Semai.* Kajian ini memfokuskan tiga aspek penting, iaitu mengumpul dan mendokumentasikan peribahasa, memahami makna dan fungsi serta mengetahui unsur haiwan dalam peribahasa masyarakat Orang Asli suku kaum Semai. Secara tidak langsung, kajian ini mampu menjadi panduan kepada kajian yang bakal dilakukan ini. Penerangan terhadap pemahaman fungsi dan makna peribahasa Orang Asli suku kaum Semai mampu membantu dalam mengulas idea dalam kajian ini. Namun begitu, kajian ini tidak mengupas tentang tema, struktur dan fungsi dalam puisi *ramban* dalam masyarakat Iban.

2.6 Kajian Lepas Berkaitan Teori Strukturalisme

Kajian yang menggunakan teori strukturalisme dalam mengkaji sastera lisan masyarakat Iban telah diadaptasi oleh Nelson (2017) dalam kajian beliau yang bertajuk *Struktur Dan Pragmatik Dalam Puisi Pelandai Bulan*. Teori ini digunakan untuk mengenal pasti struktur dan tema yang terkandung dalam dua belas puisi *pelandai bulan* dalam masyarakat Iban. Teori ini dipelopori oleh Ferdinand de Saussure pada tahun 1983 dengan memberi tumpuan kepada kata dan ayat yang membentuk struktur atau badan sesebuah karya lisan. Penumpuan terhadap kata dan ayat ini mengambil kira aspek gaya bahasa, diksi, bait dan prosodi. Struktur pelandai bulan diteliti berdasarkan setiap elemen bahasa yang diadunkan untuk menghasilkan makna.

Nelson (2017) turut menyatakan teori strukturalisme memang sesuai untuk merungkai struktur *pelandai bulan*. Tambah beliau dalam konteks bentuk dan struktur binaan teks yang terdapat dalam *pelandai bulan* ternyata mempunyai

kestandardan, keindahan dan kesantunan bahasa dipelihara. Teori strukturalisme ini juga dilihat mempunyai aspek batiniah yang menekankan tema, nada, perasaan dan amanat dalam sesebuah puisi. Dengan itu, pemeliharaan bahasa Iban yang puitis dan senada dengan elemen gaya bahasa kesusasteraan dalam pelandai bulan menjadikan puisi ini mempunyai nilai dalam persada sastera masyarakat Iban.

Pemprosesan data teks menggunakan carta de Saussure untuk menganalisis isi *pelandai bulan* bagi menjelaskan struktur dan tema *pelandai bulan* dalam masyarakat Iban. Penilaian dilakukan untuk memperlihatkan ciri-ciri pada struktur yang membentuk puisi ini berdasarkan teori strukturalisme yang dapat menjelaskan struktur dan tema terdapat dalam puisi *ramban*. Teori ini dapat merungkai identiti puisi *ramban* yang menekan tiga aspek, iaitu gaya bahasa, bait dan prosodi bagi menjelaskan tentang struktur yang membentuk setiap satu puisi *ramban*.

Seterusnya, teori strukturalisme digunakan dalam kajian Ngabong (2021) dalam kajiannya yang bertajuk *Bentuk Puisi Tradisional Iban Timang Jalung*. Timang jalung ialah puisi tradisional Iban yang bercorak invokasi dan puisi ini dinyanyikan untuk memenuhi keperluan dan kepercayaan tradisi. Tujuan puisi *timang jalung* dinyanyikan dalam upacara *gawai antu* ialah untuk menjemput roh orang mati yang mendiami alam kematian menghadiri upacara tersebut. Puisi *timang jalung* disampaikan secara lisan oleh lima orang pelaku ritual yang dinamakan *lemambang*. Teori strukturalisme yang digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang terperinci terhadap puisi *timang jalung* yang mengandungi beribu-ribu perkataan dan bersifat kompleks.

Ngabong (2021) turut menjelaskan teori ini dapat menganalisis bentuk puisi *timang jalung* kerana mempunyai kesatuan dan kepaduan yang kompleks dan sebuah teks merupakan jalinan keseluruhan segala aspek yang membentuknya.

Dapatan kajian telah menunjukkan puisi *timang jalung* dibentuk oleh satu baris yang disebut sebagai *telian*. Struktur baris terdiri daripada pembukaan baris, isi dan pengakhiran baris dan penutup baris. Pembukaan baris menggunakan vokabel *uh…uh…* dan kemudian diikuti oleh isi. Pengakhiran baris dinamakan sebagai *ngempas* (pengakhiran). Penutup baris sama seperti pembukaan baris menggunakan vokabel *uh…uh….* Struktur yang membentuk puisi mewujudkan pengulangan bunyi suku kata dan baris. Bunyi suku kata tersebut berada pada akhir perkataan dalam sesuatu baris. Bunyi suku kata tersebut diulang sebanyak dua kali atau lebih. Pengulangan bunyi suku kata membentuk rima dalaman. Kebanyakan perkataan di akhir baris didapati daripada perkataan yang diakhiri dengan suku kata *ang*.

Ini menunjukkan teori strukturalisme ini dapat merungkai bentuk puisi *timang jalung* diolah berdasarkan unsur pengulangan bunyi suku kata. Unsur bunyi ini terletak pada bunyi suku kata yang berada di akhir perkataan dalam baris yang membentuk rima dalaman. Unsur bunyi berada di akhir perkataan di akhir baris dalam rangkap yang membentuk rima akhir. Ia penting untuk lemambang kerana dapat digunakan sebagai kod untuk mengingat dan menyampaikan puisi *timang jalung*. Pengulangan bunyi suku kata mewujudkan konvensi puitis dalam puisi *timang jalung* sama seperti yang dinyatakan oleh Patricia (2014) dalam kajian puisi tradisional Iban pantun. Justeru, struktur puisi *timang jalung* ini dibentuk daripada baris dan rangkap serta distrukturkan oleh keanekakaragaman unsur bunyi yang membentuk keindahannya.

Teori strukturalisme digunakan untuk menganalisis bentuk puisi dan dapatan kajian menunjukkan bahawa puisi *timang jalung* distrukturkan oleh baris dan rangkap. Justeru, kajian lepas menunjukkan teori strukturalisme bersesuaian digunakan untuk menganalisis aspek struktur dan tema dalam puisi *ramban*. Kajian

ini turut dimanfaatkan dari aspek dapatan kajian yang mana struktur puisi *timang jalung* dan puisi *ramban* distrukturkan oleh baris dan rangkap.

2.7 Kajian Lepas Berkaitan Teori Pragmatisme

Nelson (2017) dalam kajian yang bertajuk *Struktur Dan Pragmatik Dalam Puisi Pelandai Bulan* telah mengaplikasikan teori ini untuk menjelaskan fungsi *pelandai bulan* dalam masyarakat Iban. Teori ini dapat merungkai fungsi *pelandai bulan* kerana tindak balas pengguna atau khalayak menerima, memahami dan menghayati gaya bahasa yang membentuk puisi ini. Ini menunjukkan teori pragmatisme membawa erti mengkaji kesan atau fungsi sesuatu pekara berdasarkan kegunaannya secara praktikal. Dalam kajian Nelson, tumpuan diberikan kepada ekspresi ujaran penyair mendeklamasikannya. Cara puisi ini disiarkan dan sampai kepada pendengar lebih berupa hiburan dan berunsur sosial. Justeru itu, fungsi *pelandai bulan* dalam masyarakat Iban dirungkai dari aspek penerimaan, pemahaman dan penghayatan.

Dapatan kajian oleh Nelson (2017) menjelaskan fungsi puisi *pelandai bulan* yang mana kesan penerimaan, pemahaman dan penghayatan *pelandai bulan* dalam masyarakat Iban memang implisit serta berkonotasi mengikut pandangan individu tertentu. Dalam konteks penerimaan, kajian ini melihat perihal khalayak menghargai *pelandai bulan,* iaitu sama ada mereka pernah mendengar dan mengambil berat terhadap *pelandai bulan* yang disiarkan melalui corong radio atau media lain. Dari aspek pemahaman, kajian meneliti tanggapan khalayak terhadap isi yang tersurat dan tersirat dalam *pelandai bulan*. Ini merangkumi pemahaman dan pengertian mereka tentang isi, mesej atau amanat yang terdapat dalam puisi *pelandai bulan*. Seterusnya, dari aspek penghayatan kajian berfokuskan kepada tingkah laku

pendengar bertindak balas terhadap nasihat, mesej atau amanat yang terdapat dalam puisi *pelandai bulan*. Ini kerana penghayatan adalah perihal mengalami atau merasai sesuatu. Justeru, teori pragmatisme dalam merungkai fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban dapat dijelaskan dengan terperinci dari aspek penghayatan, pemahaman dan penerimaan puisi ini dinyanyikan semasa majlis atau bersantai pada masa lapang.

Mary et.al (2015) dalam kajian yang bertajuk *Unsur Semantik dan Pragmatik dalam Pantun Bidayuh Jagoi* turut mengaplikasi teori pragmatisme. Kajian yang mengkaji tradisi lisan masyarakat Bidayuh dibicarakan dengan melihat kepada kaitan kukuh tradisi lisan dengan rutin kehidupan masyarakat Bidayuh satu ketika dahulu yang menjadikan pertanian sebagai salah satu sumber ekonomi. Kajian yang dilakukan memfokuskan bentuk luaran dan dalaman pantun masyarakat Bidayuh, iaitu aspek semantik dengan memfokuskan kepada makna literal dan makna non-literal perkataan dalam bahasa Bidayuh. Selain semantik, makna dalam tradisi lisan ini turut diterokai dengan rangka analisis bidang pragmatik. Dengan kaedah implikatur yang diasaskan oleh Grice (1975), tujuan penggunaan implikatur-implikatur berkenaan, strategi penggunaannya serta kesimpulan yang diperoleh daripada penggunaan implikatur dalam pantun Bidayuh.

Dapatan kajian menunjukkan pantun-pantun yang dianalisis maknanya dengan kaedah implikatur, yang hanya mengambil kira tujuan penggunaan implikatur-implikatur berkenaan, strategi penggunaannya serta kesimpulan yang diperoleh daripada penggunaan implikatur dalam pantun Bidayuh menekankan prinsip kerjasama yang merupakan prinsip utama sebagai garis panduan dalam perbualan. Dalam prinsip kerjasama ini, terdapat empat maksim yang harus dipatuhi oleh penutur-pendengar, iaitu maksim kualiti, maksim kuantiti, maksim hubungan atau maksim relevan dan maksim perlakuan. Maksim-maksim tersebut menurut

Grice menentukan perkara yang perlu dibuat oleh para peserta dalam perbualan supaya perbualan itu lebih lancar, lebih rasional dan ada kerjasama.

Seterusnya, dalam analisis kandungan yang dilakukan turut menemukan pantun-pantun yang dikaji mempunyai tujuan untuk menyampaikan mesej yang tersirat. Dalam pantun-pantun tersebut, implikatur telah diselitkan untuk menyampaikan suara hati atau keluhan perasaan pemantun. Daripada penelitian yang dilakukan terhadap pantun-pantun Bidayuh, didapati bahawa implikatur-implikatur dalam pantun berkenaan digunakan sebagai strategi untuk menyatakan kesedihan dan kerisauan, strategi untuk menyatakan kegembiraan, strategi untuk memberi nasihat, strategi untuk menyindir seseorang, strategi untuk menyatakan nekad melakukan sesuatu dan strategi untuk menyatakan rasa kasih. Kesemua enam strategi penggunaan implikatur-implikatur dalam pantun masyarakat Bidayuh kebanyakannya telah dikenal pasti kewujudannya dalam dua baris terakhir pantun (maksud). Di samping itu, andaian-andaian dan kesimpulan-kesimpulan yang dibuat daripada penggunaan implikatur adalah berdasarkan konteks penggunaannya, dan kebanyakan daripadanya ialah konteks sosial seperti hubungan suami-isteri, percintaan kekasih, kelakukan golongan remaja, hubungan kekeluargaan di antara ayah-ibu dengan anak, persahabatan dan konteks keagamaan seperti pasrah kepada takdir Ilahi.

Kajian lepas menunjukkan teori pragmatisme oleh Grice (1975) bersesuaian untuk mengkategorikan fungsi puisi *ramban* masyarakat Iban. Puisi *ramban* yang dianalisis memfokuskan analisis makna daripada bidang pragmatik dengan mengguna pakai kaedah implikatur. Justeru, puisi *ramban* yang mempunyai persamaan dengan pantun masyarakat Bidayuh turut menekankan prinsip kerjasama sebagai garis panduan dalam perbualan. Dalam pada itu, didapati bahawa ada antara perkataan-perkataan yang digunakan dalam puisi *ramban* terdiri daripada

gabungan patah perkataan, iaitu rangkai kata atau ayat sebenarnya merupakan implikatur. Oleh itu, makna yang tersurat dan tersirat dalam puisi *ramban* dapat dirungkai dengan mengambil kira tujuan penggunaan implikatur berkenaan, strategi penggunaannya serta kesimpulan yang diperoleh daripada penggunaan implikatur dalam puisi *ramban*.

2.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian lepas berkaitan puisi masyarakat Iban menunjukkan bahawa struktur yang ditekankan lebih memfokuskan rangkap, baris, diksi, tema, persoalan, latar, masa, rima, gaya bahasa, nilai, perbandingan, kiasan dan seumpamanya yang pelbagai. Selain itu, kajian lepas berkaitan puisi tradisional seperti *pelandai bulan, biau, sampi, timang jalung, pengap, jaku sema* dan *jaku silup* turut menjelaskan fungsi setiap puisi dinyanyikan atau dideklamasikan bukan sahaja untuk tujuan hiburan malah bertujuan untuk menunjukkan hormat kepada *Petara* dan menyeru *Petara* agar membantu dan memberi pertolongan. Oleh itu, kajian mengenai sastera lisan memberi ruang kepada pengkaji menghasilkan sebuah kajian baru untuk mengenal pasti aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban.

Tradisi lisan yang terdiri daripada cerita rakyat, puisi rakyat, drama rakyat dan permainan tradisional merupakan khazanah yang tidak ternilai kepada masyarakat Iban kerana disebarkan dari satu generasi ke generasi secara turun temurun. Puisi lisan merupakan puisi perkataan yang lahir pada awal peradaban masyarakat Iban tetapi masih banyak puisi tradisional yang belum diterokai dan perlu dikaji untuk menjadi rujukan generasi akan datang agar tradisi lisan masyarakat Iban ini tidak hilang ditelan zaman.

Justeru kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berbeza dengan pengkaji terdahulu kerana kajian mengenai puisi lisan *ramban* ini belum dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk menambahkan sumber rujukan mengenai *ramban* yang merupakan salah satu genre dalam puisi tradisonal masyarakat Iban.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan reka bentuk kajian, kaedah kajian, sumber data, cara pengumpulan data, cara menganalisis data dan instrumen yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Kajian yang dijalankan berfokuskan kepada kesusasteraan dengan memberi tumpuan kepada analisis kandungan dan kajian teks, iaitu tema struktur dan fungsi puisi *ramban* dalam masyarakat Iban. Dalam konteks yang melibatkan kajian teks, kesesuaian kaedah banyak tertumpu kepada penyelidikan kepustakaan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Creswell (2008) menyatakan bahawa reka bentuk kajian adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan kaedah kajian. Yin (1989) pula berpendapat bahawa reka

bentuk merupakan urutan logikal yang mengaitkan data empirikal dengan soalan kajian dan seterusnya dengan kesimpulan kajian. Ini menjelaskan bahawa penyelidikan kualitatif juga melibatkan pelbagai metode serta didasari oleh andaian falsafah pendekatan interpretif dan naturalistik bagi mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang sesuatu fenomena atau masalah yang dikaji. Reka bentuk penyelidikan bagi kajian ini dapat dilihat dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian	Kaedah penyelidikan	Kaedah pengumpulan data	Instrumen
Kajian kepustakaan	Kualitatif	Analisis kandungan	Tesis, jurnal, kertas kerja seminar / persidangan, buku, artikel
Kajian teks		Analisis teks	Buku *Leka Main Asal Iban*


Jadual 3.1 menunjukkan reka bentuk kajian. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk kajian kepustakaan dan kajian teks. Kajian kepustakaan digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai teori strukturalisme, teori pragmatisme serta bahan berkaitan kesusasteraan manakala kajian teks digunakan untuk menganalisis kandungan teks puisi-puisi *ramban* yang terdapat dalam buku *Leka Main Asal Iban* dengan memfokuskan aspek tema, struktur dan fungsi. Kaedah pengumpulan data yang menggunakan analisis kandungan melalui proses seperti data-data dalam teks dikenal pasti, dibaca dan disisihkan sebelum dianalisis secara terperinci.

3.3 Teori Kajian

Untuk melaksanakan kajian ini, dua teori yang digunakan bagi menjawab objektif dan soalan kajian mengenai tema, struktur dan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban, iaitu teori strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983) dan teori pragmatisme oleh Grice (1975). Pengkaji berpandangan bahawa kedua-dua teori ini sesuai menganalisis aspek tema, struktur dan fungsi *ramban* yang hendak dikaji. Oleh itu, kerangka teoritikal ini boleh menjadi panduan bagi dalam menyempurnakan dan menjelaskan data kajian ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi seperti dalam Rajah 3.1 berikut.

Rajah 3.1

Kerangka Teori Kajian



3.3.1 Teori Strukturalisme

Teori strukturalisme berkembang luas dalam tahun 1960-an sebagai satu usaha untuk menerapkan kaedah dan wawasan Ferdinand de Saussure, pengasas

linguistik moden kepada kesusasteraan (Terry Eagleton, 1983). Teori strukturalisme merupakan satu teori yang sangat berpengaruh bagi menggantikan pandangan positivisme atau kaedah analisis yang berasaskan empirikal (K.M. Newton, 1997). Saussure merupakan seorang ahli falsafah Swiss (1857 – 1913), percaya bahawa bahasa mempunyai struktur dalamannya yang tersendiri dan mempunyai peraturan-peraturan yang sistematik (Bressler Charles E, 1999). Peraturan-peraturan ini menguasai dan menggerakkan semua aspek bahasa termasuk bunyi-bunyi yang dikenal pasti sangat bermakna, berbagai kombinasi bunyi yang membentuk perkataan dan bagaimana perkataan dikendalikan untuk menghasilkan hubungan yang bermakna dalam bahasa yang disediakan.

Teori strukturalisme yang dipelopori oleh Ferdinand de Saussure pada tahun 1983 dengan memberi tumpuan kepada kata dan ayat yang membentuk struktur sesebuah karya tradisi lisan. Penumpuan terhadap kata dan ayat ini mengambil kira aspek gaya bahasa, diksi, bait dan prosodi. Hal ini menjelaskan elemen-elemen bahasa memainkan peranan penting dalam pencarian makna.

Dalam konteks kajian ini, puisi yang dikaji adalah gabungan kata-kata atau perkataan dalam bahasa Iban yang membentuk puisi *ramban*. Menurut Chemaline (2006), kajian yang mengkaji puisi rakyat dalam kehidupan sesuatu kaum harus menyeluruh langkauannya. Pandangan Chemaline ini disokong oleh Asmah (2013) yang menjelaskan seperti yang berikut;

> *Natural languages have the capacity for maximal use for various purposes… often the description is poetic, taking into account not only the imagery in the form of similies, metaphors, etc. that are relevant to the object described, but great attention is also given to the harmony of the words in collocation with each other and the beauty of sounds that encase those words.*
>
> (Asmah Omar, 2013)

Berdasarkan pandangan para sarjana dan huraian di atas, tumpuan diberi kepada elemen gaya bahasa, bait dan prosodi berikut untuk merungkai struktur puisi *ramban* seperti dalam Jadual 3.2 di bawah.

Jadual 3.2

Elemen Gaya Bahasa, Bait dan Prosodi Untuk Mengkaji Struktur Puisi Ramban

Bil	Elemen	Maksud
	Gaya Bahasa	
1.	Personifikasi	Perlambangan sifat-sifat manusia yang diberikan kepada kepada benda tidak bernyawa atau sesuatu yang abstrak.
2.	Imejan	Himpunan imej yang digunakan dalam sesebuah puisi.
3.	Hiperbola	Gaya bahasa yang cuba menyatakan sesuatu perkara dengan cara yang berlebih-lebihan.
4.	Ironi	Kata-kata yang menunjukkan pertentangan dengan apa yang dimaksudkan.
5.	Asonansi	Pengulangan bunyi vokal dalam baris ayat puisi.
6.	Aliterasi	Pengulangan bunyi konsonan dalam baris ayat puisi yang berturutan.
7.	Alusi	Pemberian penjelasan dengan perbandingan yang berkesan bagi menggambarkan seseorang tokoh atau satu peristiwa.
8.	Metonimi	Penggunaan sesuatu perkataan yang mempunyai kaitan rapat dengan maksudnya yang sebenar.
9.	Sinekdoki	Apabila disebut sebahagian maksudnya adalah keseluruhannya maksudnya adalah sebahagian.
10.	Paradoks	Penyataan yang bertentangan dengan kenyataan.
11.	Anafora	Repetisi yang berupa pengulangan kata pertama pada setiap baris.
12.	Epifora	Pengulangan kata atau frasa pada akhir baris yang berurutan.
13.	Simplok	Pengulangan pada awal dan akhir beberapa baris berturut-turut.
14.	Responsi	Kewujudan perulangan kata atau frasa di tengah-tengah baris atau beberapa kalimat berurutan.
15.	Anadiplosis	Perulangan kata atau frasa terakhir daripada suatu klausa atau kalimat menjadi kata atau frasa pertama daripada klausa atau kalimat berikutnya.
16.	Satira	Kritikan moral.
17.	Inuendo	Mengecilkan kenyataan yang sebenar.
18.	Sinisme	Berbentuk kesangsian yang mengandungi ejekan

Bil	Elemen	Maksud
	Gaya Bahasa	
		terhadap keikhlasan hati.
19.	Sarkasme	Mengandungi sindiran yang pedas dan menyakitkan hati.
20.	Akronim	Cantuman dua suku kata atau lebih perkataan.
21.	Anagogi	Menekankan aspek penafsiran sesuatu kata berasaskan pengertian spiritual atau mistik.
22.	Arkaisme	Kosa kata kunoan atau using.
23.	Hibrid	Cantuman dua perkataan yang berfungsi untuk menambahkan kekayaan bahasa.
24.	Onomotopoeia	Tiruan bunyi.
25.	Elepsis	Pemakaian kata untuk dua objek yang daripada segi tatabahasanya betul tetapi mempunyai makna yang lain.
26.	Sinkop	Penyingkiran kata dengan menghilangkan huruf atau suku kata untuk membentuk singkatan.
27.	Zuegma	Pengucapan kata atau ayat yang mempunyai dua objek tetapi yang betul hanya satu objek.
28.	Alegori	Bahasa kiasan.
29.	Simile	Membuat perbandingan terus.
30.	Metafora	Membuat perbandingan tidak terus yang mengandungi satu kata konkrit dan satu kata abstrak.
31.	Litotes	Mengandungi penyataan yang dikecil-kecilkan atau dikurangi daripada penyataan yang sebenarnya.
32.	Homoioteleuton	Menekankan persamaan bunyi di hujung perkataan di dalam satu ayat yang disertai rentak.
33.	Konotasi	Asosiasi atau idea yang dimaksudkan oleh sesuatu perkataan atau ungkapan selain maknanya yang tersurat.
34.	Denotasi	Makna eksplisit sesuatu perkataan.
35.	Citra bebas	Bermaksud secara literalnya memiliki ketaksaan makna yang khusus tetapi ini bergantung kepada kepelbagaian tafsiran.
36.	Kolokasi	Pengulangan kata atau perkataan dalam sesuatu baris.
37.	Polysyndeton	Penggunaan partikel yang berulang-ulang untuk menerbitkan keindahan bahasa atau kepuitisan walaupun tidak diperlukan dari segi bahasa.
38.	Simbol	Melambangkan atau mewakili sesuatu yang lain untuk menerangkan unsur atau maksud sesuatu bahasa.
39.	Imej bebas	Ungkapan yang terdedah kepada ambiguity, yakni ketaksaan makna dan bergantung kepada kepelbagaian tafsiran.

Bil	Elemen	Maksud
	Bait	
40.	Inversi	Merujuk kepada pengubahan kedudukan perkataan dalam ayat.
41.	Paralelisme	Merujuk kepada pengulangan bentuk frasa, ayat atau baris.
42.	Prolog	Bahagian pembukaan dalam sesebuah puisi.
43.	Isi	Bahagian kandungan utama sesebuah puisi.
44.	Epilog	Bahagian penutup dalam sesebuah puisi.
45.	Baris	Gabungan ayat menghasilkan karya.
46.	Ayat	Sekumpulan perkataan yang membentuk karya.
47.	Perkataan	Gabungan kata-kata yang menghasilkan karya.
48.	Jumlah kata dan suku kata	Penggunaan perkataan dan suku kata yang sejajar dan terkawal dalam sesebuah puisi.
	Prosodi	
49.	Jeda	Hentian dalam baris atau ayat yang sama ketika mendeklamasi atau melagukan puisi.
50.	Rima	Bunyi yang sama pada huruf akhir atau kata akhir dalam sesuatu rangkap.
51.	Disfemisme	Ungkapan kasar.
52.	Eufemisme	Ungkapan yang halus.
53.	Emotif	Ungkapan menujukkan emosi atau perasaan.

Diadaptasi dari Ferdinand de Saussure (1983)

Aspek gaya bahasa memberi tumpuan kepada pemilihan kata, frasa dan ayat yang digunakan oleh penulis atau pengarang dalam sesebuah karya untuk menyampaikan ceritanya. Diksi dikaitkan dengan pemilihan kata yang tepat dan berkesan untuk mengungkapkan idea dalam sesebuah karya. Bait pula memberi tumpuan kepada penyusunan baris atau rangkap untuk menghasilkan struktur sesebuah karya manakala prosodi menekankan aspek persajakan dan rima. Struktur ini dihasilkan oleh simbol-simbol fonem yang membentuk kata-kata yang menjadi tanda linguistik (Fedinand de Saussure, 1983a:97). Ini menunjukkan bahawa puisi *ramban* dianalisis dengan mendalam dari aspek kata-kata yang menjadikannya sebuah karya yang lengkap dan unggul.

Struktur puisi *ramban* dianalisis secara menyeluruh berdasarkan setiap elemen bahasa yang diadunkan untuk menghasilkan makna. Ini yang diperjelas oleh de Saussure sebagai sistem bahasa yang memiliki pelbagai elemen yang saling berkaitan dan memerlukan antara satu dengan lain agar kewujudannya membawa makna. Elemen-elemen bahasa ini akan mewujudkan struktur linguistik yang menjadikan sesebuah karya itu bermakna. Setiap satu patah perkataan yang dipilih membawa makna untuk menyokong keseluruhan struktur karya yang memberi pengertian kepada gabungan kata-kata yang akan membentuk ayat. Tambahan itu, de Saussure menjelaskan bahawa makna intrinsik dan kemutlakan sesuatu bahasa sukar untuk dirungkai tanpa ilmu struktur linguistik. Oleh itu, gabungan konsep dan ujaran sesebuah karya membawa makna yang tersendiri bagi setiap penulis. Ini sangat relevan dengan kajian yang dijalankan ini dengan berfokuskan kepada aspek tema dan struktur dalam puisi *ramban*.

Dalam konteks kajian, puisi yang dikaji adalah gabungan kata-kata atau perkataan dalam bahasa Iban yang digunakan untuk membentuk puisi *ramban*. Kajian ini mengupas keseluruhan struktur puisi *ramban* dari pelbagai aspek termasuk bentuk, gaya bahasa, struktur binaan teks dan persembahannya. Menurut Chemaline (2006) kajian yang mengkaji puisi rakyat dalam kehidupan sesuatu kaum harus menyeluruh langkauannya. Ini kerana elemen yang membentuk dan menyampaikan sesebuah puisi rakyat itu bukan sekadar fonem semata-mata. Fonem yang menghasilkan bunyi-bunyi yang bermakna terdiri daripada bahasa yang lengkap bentuk yang harus dikaji dari aspek baris, rangkap, elemen prosodi dan elemen polysyndeton. Selain itu, struktur binaan teks dan persembahan puisi rakyat yang dikaji dari aspek prolog, bahagian isi dan epilog.

Terdapat enam prinsip yang ditekankan dalam teori strukturalisme untuk memahami makna dan menganalisis puisi-puisi *ramban*.

i. Keseluruhan - Strukturalisme menekankan keseluruhan unsur kerana menganggap sastera sebagai suatu sistem atau struktur yang memiliki konvensi dan tradisi sendiri.

ii. Perkaitan - Pendekatan ini melihat karya sastera sebagai suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain.

iii. Regulasi diri - Teks mementingkan aturan-aturan kesusasteraan, corak serta peralatan yang menyebabkan terbentuk dan keseluruhan sistem terlaksana.

iv. Transformasi - Ahli-ahli strukturalisme tidak percaya kepada hukum sebab-akibat dan mereka hanya percaya kepada hukum perubahan bentuk.

v. Analisis sinkronik - Pendekatan ini menumpukan perhatian kepada permasalahan bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

vi. Desentralisasi perkara - Unsur-unsur sejarah, pengarang dan pembaca diketepikan kerana berfokuskan kepada unsur-unsur dalam teks.

3.3.2 Teori Pragmatisme

Teori Pragmatisme yang dipelopori oleh Grice (1975) iaitu ahli falsafah yang telah mengemukakan konsep “implikatur perbualan” dalam makalahnya yang bertajuk *“Logic and Conversation”* pada tahun 1975. Puisi *ramban* yang dianalisis maknanya dengan kaedah implikatur, yang hanya mengambil kira tujuan penggunaan implikatur-implikatur berkenaan, strategi penggunaannya serta kesimpulan yang diperoleh daripada penggunaan implikatur dalam puisi ramban.

Grice (1975), Austin (1962) dan Searle (1969) telah memformulasikan beberapa kaedah pentafsiran makna yang pada masa sekarang secara utuhnya

dikenal sebagai kaedah pragmatik (Zulkifley Hamid, 1991:571). Berdasarkan kepada hujah oleh ahli-ahli falsafah dapatlah dikenal pasti bahawa bidang pragmatik adalah bidang yang mengkaji struktur dalaman bahasa dan memberi penjelasan tentang bagaimana bahasa itu digunakan serta mentafsir makna mengikut penggunaan bahasa dalam pelbagai konteks. Analisa makna dengan hanya merujuk kepada makna perkataan dan perhubungan sintaksis yang dibentuk oleh perkataan-perkataan di dalam sesebuah ayat kadangkala menghasilkan makna yang tidak tepat. Pragmatik mengambil kira faktor-faktor penting, iaitu faktor-faktor bukan linguistik yang diabaikan oleh kaedah semantik. Kemampuan semantik hanyalah menghuraikan makna yang tersurat atau makna literal, bagi pragmatik pula, ia bukan sahaja mampu menghuraikan makna yang tersurat, malahan mampu menghuraikan ayat-ayat yang mempunyai makna tersirat.

Implikatur *(implicatures)* telah diperkenalkan oleh Grice (1975). Konsep implikatur ini telah diperbincangkan dalam William James Lectures (1967) di Universiti Harvard, dengan judul *Logic and Conversation* (1975:52) (Raja Masittah Raja Ariffin,1990:473). Istilah ini menjadi popular dan kajian-kajian mengenai implikatur terus diperbincangkan dan mendapat tempat di kalangan ahli-ahli bahasa sama ada di Barat mahupun di Malaysia. Stanford Encyclopedia of Philosophy (2005) menyatakan bahawa:

> *"An implicature is something meant, implied or suggested distinct from what is said"*

Berdasarkan definisi tersebut, implikatur merupakan sesuatu yang bermakna dan sesuatu yang dibayangkan dalam ujaran serta berupa bentuk cadangan yang sama sekali berbeza daripada apa yang diujarkan dalam sesebuah pertuturan. Sementara itu Laurence R. Horn (2004) menyatakan bahawa :

> *"Implicature is a component of speaker meaning that constitutes the aspect of what is meant in a speaker 16 utterance without being part of what is said. what speaker intends to communicate is characteristically far richer than what she directly expresses…"*
>
> (The Handbook of Pragmatics 2004:3)

Daripada definisi tersebut, implikatur merupakan satu komponen yang wujud dalam pertuturan di mana makna atau sesuatu yang diimplikasikan oleh seseorang penutur berbeza daripada apa yang diujarkan oleh penutur tersebut. Searle (1975), menjelaskan implikatur juga dikenali sebagai pertuturan yang tidak dinyatakan secara terus terang.

Grice (1975) menyatakan bahawa penutur bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kehadiran implikatur perbualan mesti disedari oleh pendengar dan mudah pula bagi pendengar menginterpretasikannya. Selain dari itu, Grice (1975) turut memberikan penerangan tentang konsep makna di dalam sesuatu ayat iaitu apa yang dipentingkan ialah tentang apa yang ingin disampaikan atau tujuan sebenar penutur *(what is conveyed)* dan bukan apa yang diperkatakan *(what is said)*. Pandangan yang diutarakan oleh Grice (1975) telah dibuktikan oleh Fatimah (1999) dalam kajian beliau berkaitan kewujudan implikatur dalam pantun Melayu Sarawak.

Ungkapan dalam pantun 'kasihmu tuan sudah berbeda, tidak dapat macam selamak' telah mewujudkan implikatur. Penggunaan perkataan 'macam', dapat diandaikan bahawa dahulu wujud ikatan kasih yang amat mendalam antara sepasang kekasih ataupun suami isteri. Walau bagaimanapun, kasih sayang yang wujud antara dua orang pasangan ini telah pudar dan sudah berubah, ekoran perubahan yang di rasai oleh salah seorang pasangan tersebut. Justeru perkataan macam memberi gambaran tentang kerisauan hati si pengujar pantun apabila kasih

pasangannya yang seakan pudar dan sudah berubah dan menerusi perkataan macam ini merupakan makna yang melangkaui makna yang literal.

Kajian fungsi puisi *ramban* yang berfokuskan kepada ekspresi ujaran penyair yang menyanyikannya dan penerimaan pendengar yang membuat andaian dapat dijelaskan dengan kaedah implikatur. Menurut Grice (1975), implikatur ialah satu bentuk pentafsiran makna yang melewati batas-batas makna literal sesebuah ayat. Tambahan itu, implikatur perbualan dianggap sebagai satu kenyataan yang harus diambil kira oleh pendengar mengenai apa-apa yang ingin atau hendak disampaikan oleh seorang penutur atau penyair untuk pendengar membuat andaian.

Kajian yang dijalankan oleh Nelson (2017) turut mengaplikasi teori pragmatisme dalam mengkaji fungsi puisi *pelandai bulan* dalam masyarakat Iban. Beliau menjelaskan kesesuaian teori pragmatisme untuk menghuraikan unsur-unsur sosiopolitik dalam sesebuah karya juga dapat diaplikasi kepada puisi *pelandai bulan*. Asas politik dalam masyarakat Iban bermula dengan peranan seorang ketua keluarga, *tuai rumah* (ketua kampung) dan ketua peringkat daerah seperti *penghulu, pemanca* dan *temenggong*. Peranan pemimpin dalam masyarakat Iban begitu sinonim dengan kehidupan mereka yang mementingkan perpaduan dan taat setia kepada pemimpin. Ia juga mempunyai kaitan dengan sosiobudaya dalam masyarakat Iban, kerana budaya dan kepercayaan masyarakat Iban sering diterapkan dalam puisi-puisi lisan. Beliau menjelaskan tentang sosiobudaya Iban, sebahagian besar daripadanya dipancarkan melalui karya kesusasteraan.

Teori pragmatisme turut menghuraikan fungsi sebuah puisi lisan dari aspek moral, psikologi, sosial dan ekonomi. Ini dapat dilihat dari aspek moral melihat sebuah puisi yang berunsur ajaran atau pegangan berkaitan baik buruknya sesuatu perbuatan, sikap atau cara berkelakuan. Dalam kajian ini, mesej dalam puisi *ramban*

dilihat dari aspek mengingat, menegur dan menasihati pendengar dalam masyarakat Iban. Begitu juga dari sudut psikologi yang menegur pola pemikiran dan perlakuan manusia dan aspek sosioekonomi serta sosiopolitik yang mempunyai perkaitan dalam cara hidup dan adat istiadat masyarakat Iban.

Dalam kajian ini, teori pragmatisme Grice ini menekankan prinsip kerjasama yang merupakan prinsip utama sebagai garis panduan dalam perbualan. Dalam prinsip kerjasama ini, terdapat empat maksim yang harus dipatuhi oleh penutur dan pendengar. Maksim-maksim tersebut ialah:

i. Maksim kualiti – jangan mengatakan sesuatu yang anda sendiri tahu atau percaya itu palsu dan jangan mengatakan sesuatu kalau tidak ada bukti;
ii. Maksim kuantiti – cuba buat sumbangan anda dengan mengatakan yang perlu sahaja, jangan terlebih atau terkurang;
iii. Maksim hubungan atau maksim relevan – buat sumbangan atau katakan yang relevan dengan topik perbualan sahaja dan;
iv. Maksim perlakuan – elakkan daripada melakukan sesuatu yang tidak jelas atau elakkan ketaksaan yang tidak perlu dengan bercakap secara ringkas, tidak meleret-leret dan teratur.

Maksim-maksim tersebut menurut Grice menentukan perkara yang perlu dibuat oleh pendengar supaya lebih lancar, lebih rasional dan ada kerjasama. Maksim-maksim berkenaan apabila dilanggar akan menghasilkan ujaran-ujaran yang terselindung dan ini mewujudkan implikatur serta terpulanglah kepada pendengar untuk mentafsirnya. Untuk sesuatu penyampaian yang berjaya, Grice dalam kaedah implikaturnya mensyaratkan penutur-pendengar perlu patuh kepada keempat-empat maksim tersebut.

3.4 Instrumen Kajian

Kaedah analisis kandungan telah diaplikasikan dalam bidang penyelidikan seawal abad ke-18 di Scandinavia (Rosengren, 1981). Dalam konteks penyelidikan kualitatif, pendekatan ini memberi tumpuan kepada aspek linguistik sebagai medium komunikasi, dengan menitikberatkan kandungan serta makna kontekstual yang terkandung dalam teks (Budd, Thorp & Donohew, 1967; Lindkvist, 1981; McTavish & Pirro, 1990; Tesch, 1990). Sumber data yang dianalisis boleh merangkumi pelbagai bentuk teks seperti respons naratif, soal selidik, temu bual, pemerhatian, artikel, buku serta bahan bertulis lain dalam bentuk bercetak atau digital (Kondracki & Wellman, 2002). Melalui kaedah ini, data dianalisis secara sistematik untuk dikenal pasti dan dikategorikan kepada tema-tema utama yang mencerminkan persamaan makna dalam data tersebut (Weber, 1990). Pemilihan analisis kandungan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk memperoleh kefahaman yang lebih mendalam serta menjana pengetahuan yang holistik berkenaan fenomena yang dikaji (Downe-Wamboldt, 1992). Oleh itu, analisis kandungan merupakan instrumen kajian yang sesuai untuk menganalisis struktur dan fungsi puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban*.

Dalam kajian ini, terdapat dua perkara yang dianalisis, iaitu struktur yang membentuk puisi *ramban* dan fungsi puisi *ramban* dalam masyarakat Iban. Struktur berfokuskan aspek gaya bahasa, bait, prosodi dan tema yang membentuk puisi *ramban* berdasarkan teori strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983). Seterusnya, analisis kandungan fungsi puisi ramban yang berfokuskan kepada kaedah implikatur, iaitu satu bentuk pentafsiran makna yang melewati batas-batas makna literal sesebuah ayat. Fungsi puisi *ramban* dikategorikan berdasarkan beberapa strategi untuk menyindir, menegur, menasihati dan menyindir seseorang. Oleh itu, analisis kandungan digunakan sebagai pendekatan utama bagi menganalisis data kualitatif yang diperoleh daripada teks puisi *ramban*. Kaedah ini

membolehkan peneliti meneliti kandungan teks secara sistematik dan objektif bagi mengenal pasti struktur, tema, dan fungsi puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban*.

3.5 Penilaian Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen

Kesahan dan kebolehpercayaan memainkan peranan penting dalam konteks pengukuran dan teknik pengumpulan data. Azizi et. al (2020), kesahan sesuatu alat pengukuran merujuk kepada sejauh mana alat itu mengukur data yang sepatutnya. Justeru itu, pengkaji telah membentuk instrumen kajian iaitu senarai semak untuk memastikan sama ada indikator yang digunakan mengandungi semua ciri atau gagasan yang baru. Proses penganalisisan telah melibatkan para pakar dalam bahasa Iban tentang kajian sastera lisan yang dikaji. Pengkaji telah meminta beberapa orang pakar menilai instrumen kajian yang terdiri daripada Dr Nelson Tandang Anak Edwin Unting, pensyarah cemerlang dalam bahasa Iban di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak dan Encik Inggit Anak Barau, pensyarah dalam bahasa Iban di Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang. Peranan pakar instrumen yang dilantik oleh pengkaji adalah untuk menilai kesesuaian instrumen kajian untuk mencapai objektif kajian yang telah digariskan.

Maxwell (1996) kesahan adalah berkaitan dengan soal ketepatan atau kredibiliti sesuatu deskripsi, kesimpulan, penerangan dan interpretasi. Creswell dan Miller (2000; 124) menyatakan kesahan sebagai ketepatan pernyataan atau penjelasan dalam mewakili realiti partisipan tentang sesuatu fenomena sosial. Manakala, kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif berkait dengan soal kebolehsandaran dan ketekalan keputusan atau hasil daripada data yang dikumpul. Oleh itu, kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini merujuk kepada dapatan


kajian adalah benar dan pasti dengan disokong oleh bukti dan tiada asas untuk meraguinya.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Dalam pengumpulan data, pengkaji mengumpulkan maklumat melalui sumber sekunder. Kaedah penyelidikan bagi kajian ini akan memanfaatkan kaedah kualitatif yang memberi penekanan kepada kaedah kepustakaan dan kaedah analisis kandungan teks. Prosedur pengumpulan data dapat dilihat melalui rajah yang berikut.

Rajah 3.2

Prosedur Pengumpulan Data



3.6.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan telah dipilih bagi menjalankan kajian ini dalam mengumpul maklumat-maklumat yang diperlukan bagi menjalankan kajian. Langkah ini bertujuan mencari bahan-bahan ilmiah seperti buku-buku penulisan akademik yang berkaitan dengan kesusasteraan, teori strukturalisme dan teori pragmatisme. Bahan-bahan ilmiah yang diperolehi akan diguna pakai bagi membantu dalam pengukuhan penulisan kajian. Kajian ini juga akan meneliti hasil-hasil kajian lalu sama ada dari dalam atau luar negara, tesis, jurnal, kertas kerja seminar atau persidangan, buku dan artikel dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan bidang kajian yang dijalankan. Carian laman web bagi mengumpul maklumat-maklumat terutamanya jurnal, tesis dan artikel-artikel juga dimanfaatkan sepenuhnya.

Untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan di atas, pengkaji telah memohon kebenaran untuk menggunakan beberapa buah perpustakaan. Perpustakaan yang pengkaji kunjung iaitu Perpustakaan Muzium Negeri Sarawak, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Pusat Sumber Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, Pusat Sumber Yayasan Tun Jugah dan melayari internet untuk mendapatkan maklumat tambahan. Kunjungan pengkaji ke perpustakaan bertujuan untuk mencari bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian tentang puisi-puisi masyarakat Iban. Selain itu, pengkaji turut mendapatkan bahan-bahan rujukan berkaitan puisi masyarakat lain di Malaysia dan barat. Ini memperlihatkan aspek yang dikaji mempunyai perkaitan dengan kerelevanan puisi dalam sesebuah masyarakat memang banyak telah dikaji para sarjana tempatan dan luar negara. Oleh itu, kaedah kepustakaan memfokuskan kepada bahan-bahan dari sumber-sumber berkenaan yang berkaitan dengan tajuk kajian.

3.6.2 Kaedah Analisis Kandungan Teks

Kajian ini menganalisis sepuluh buah puisi *ramban* yang terdapat dalam buku *Leka Main Asal Iban* karya Jimmy Donald (1993). Buku ini mempunyai dua puluh tujuh buah puisi *ramban* dan kajian dibataskan kepada sepuluh buah puisi *ramban*. Puisi-puisi ramban yang dipilih, iaitu *Ramban Nanyaka Pejalai, Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula, Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai, Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa, Ramban Mejah Pisin Lelaki, Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang, Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya, Ramban Indu Dara Ringat Asa, Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki* dan *Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta*. Kesemua puisi ini melalui proses pembacaan yang mendalam dan berulang.

Pemilihan puisi-puisi *ramban* ini kerana mempunyai kekuatan yang dimiliki, iaitu kekuatan terhadap tema, struktur yang merangkumi aspek gaya bahasa, bait dan prosodi serta fungsi yang menonjolkan identiti masyarakat Iban. Sebagaimana yang diketahui, masyarakat Iban adalah merupakan komuniti yang sangat teguh mempertahankan identiti mereka dalam kehidupan seharian. Pemilihan puisi-puisi ini dilihat sesuai dijadikan sebagai teks kajian dalam merungkai elemen yang membentuk puisi *ramban* yang mempunyai nilai estetika, tema dan laras bahasa yang unik dan tersendiri.

3.7 Prosedur Penganalisisan Data


Kajian berfokuskan kepada data sekunder yang diperoleh dari buku *Leka Main Asal Iban* dianalisis secara deskriptif. Teks daripada sepuluh buah puisi *ramban* telah dikumpul, diterjemah, dikodkan serta dianalisis menggunakan analisis kandungan

untuk membuat perbandingan mengenai bentuk, gaya bahasa dan mesej yang terkandung di dalam puisi-puisi ini.

Analisis kandungan telah digunakan dalam penyelidikan sejak abad ke-18 di Scandinavia (Rosengren, 1981). Penyelidikan kualitatif menggunakan analisis kandungan memfokuskan karakteristik bahasa sebagai komunikasi dengan memberi perhatian kepada kandungan atau makna kontekstual dalam teks. Teks data mungkin berbentuk verbal, cetakan atau elekronik yang diperoleh daripada tindak balas naratif, soal selidik, temu bual, pemerhatian, artikel, buku dan kajian bertulis (Kondracki & Wellman, 2002). Matlamat utama analisis kandungan ialah untuk memberi pengetahuan dan pemahaman terhadap fenomena kajian (Downe-Wamboldt, 1992). Dalam kajian ini, sumber sekunder, iaitu buku *Leka Main Asal Iban* sebagai data utama manakala sumber sekunder seperti tesis, jurnal, kertas kerja seminar atau persidangan, buku dan artikel yang mengandungi perkara berkaitan dengan teori-teori dan puisi lisan ini dijadikan rujukan tambahan untuk memantapkan dapatan kajian. Prosedur menganalisis data diringkaskan melalui rajah berikut.

Rajah 3.3

Prosedur Menganalisis Data



Rajah 3.3 menunjukkan prosedur menganalisis data kajian. Sebelum melaksanakan penganalisisan, pengkaji telah menterjemahkan teks puisi *ramban* bahasa Iban ke dalam bahasa Melayu. Kaedah terjemahan yang digunakan pada peringkat awal, iaitu terjemahan secara literal perkataan demi perkataan. Seterusnya, terjemahan secara bebas dengan berfokuskan kepada makna atau mesej utama tanpa mengikut ayat asal. Namun demikian, pengkaji sentiasa membuat semakan makna menggunakan *Bup Sereba Reti Jaku Iban* dan melibatkan pakar bahasa untuk memastikan terjemahan tepat dan sesuai dengan konteks kajian.

Dalam melaksanakan proses analisis data, pengkaji menggunakan kaedah kod (*coding*) dan mewujudkan tema. Norfishah (2020), menjelaskan menyusun data menggunakan kod dapat membantu pembinaan tema dan menjadikan proses analisis lebih berfokus. Analisis kandungan dalam puisi *ramban* dengan menggunakan dua jenis pengekodan, iaitu pengekodan terbuka *(open-ended coding)* untuk menjelaskan corak dan konsep yang menggabungkan setiap bahagian merentasi data. Pengekodan kedua, iaitu pengekodan substansif ialah data di dalam teks dipecahkan kepada bahagian-bahagian yang berasingan, diteliti dengan mendalam dan seterusnya dibandingkan untuk dikategorikan.

Kajian ini menganalisis tema dan struktur yang terdapat dalam teks *ramban* yakni terdapat aspek gaya bahasa, prosodi dan bait yang mendasari sesebuah puisi. Aspek gaya bahasa yang terdapat dalam puisi memberi tumpuan kepada pemilihan kata, frasa dan ayat yang digunakan oleh pengarang untuk menyampaikan puisinya. Bait pula memberi tumpuan kepada penyusunan baris atau rangkap untuk menghasilkan struktur sesebuah puisi dan prosodi ialah aspek tema persajakan dan tema. Ketiga-tiga aspek ini bersandarkan teori strukturalisme yang dipelopori oleh Ferdinand de Saussure (1983). Manakala kajian mengenai fungsi puisi *ramban* itu

dinyanyikan atau dilafazkan bersandarkan teori pragmatisme yang dipelopori Grice pada tahun 1975 yang memperlihatkan penggunaan implikatur-implikatur, strategi penggunaannya serta kesimpulan yang diperoleh daripada penggunaan implikatur dalam puisi-puisi *ramban*. Pemprosesan analisis data struktur dapat dirujuk dalam Jadual 3.2 seperti berikut.

Jadual 3.3

Kaedah de Saussure – Pemprosesan Data Struktur

Puisi Ramban	**Struktur**	
	Bukti dalam teks puisi *ramban*	Terjemahan dalam bahasa Melayu
Ramban Nanyaka Pejalai	*Nyangka bisi utai ga deka digaga kita,*	Mungkin ada sesuatu yang ingin dilakukan oleh kalian semua,
	Enti mega bisi, anang malu ga nuan nanya,	Kalau ada, jangan malu bertanya,
	Enti aku bisi, lagi meri, enti nadai, ga aku enda,	Kalau ada, nanti beri, kalau tiada, tiadalah memberi,
Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki	*Ninga ga kita laki,*	Dengarlah kalian yang lelaki,
	Lauk nadai, ga nadai apai ngiga.	Lauk tiada, tiada bapa yang mencari.
Ramban Ngerara Indu Kelalu Nganta	*Lain aih patisin sida dara ga maya dia.*	Berbeza sungguh fesyen kaum perempuan sekarang.
	Mulut Jawai da enselup,	Mulut Jawai bergincu,
	Manah agi pentik da tisi jalai…	Cantik lagi patung kecil di tepi jalan…
	Ngajat ma sida indai	Menarilah kalian ibu

Jadual 3.3 menunjukkan contoh kaedah de Saussure yang digunakan untuk menganalisis dan menjelaskan struktur dari aspek gaya bahasa, bait dan prosodi yang terdapat dalam puisi *ramban*. Teks di setiap rangkap akan dikodkan serta diasingkan mengikut elemen struktur masing-masing untuk menunjukkan identiti puisi *ramban* dalam kehidupan masyarakat Iban. Ketiga-tiga elemen struktur dari aspek gaya bahasa, bait dan prosodi akan menjelaskan bentuk puisi *ramban* secara terperinci. Pengkategorian akan memperlihatkan aspek pada struktur yang

membentuk setiap puisi *ramban* ini dianalisis secara berasingan. Ini bermakna kesemua sepuluh puisi *ramban* akan dinilai berdasarkan strukturnya. Ini bertujuan untuk membuat penjelasan tentang struktur puisi ini mempunyai identiti yang tersendiri dalam kesusasteraan masyarakat Iban.

Jadual 3.4

Kaedah de Saussure – Pemprosesan Data Tema

Bukti dalam teks puisi *ramban*	Terjemahan dalam bahasa Melayu
Nama pejalai seduai mega Tuntung, Pungga?	Apa tujuan perjalanan kalian Tuntung, Pungga?
Enti mega bisi, anang malu dek nanya,	Kalau ada, jangan malu bertanya,
Nyangka bisi utai ga deka digaga kita,	Mungkin ada sesuatu yang ingin diperlukan oleh kalian semua,
Enti mega bisi, anang malu ga nuan nanya,	Kalau ada, jangan malu bertanya,
Enti aku bisi, lagi meri, enti nadai, ga aku enda,	Kalau ada, nanti beri, kalau tiada, tiadalah memberi,
Anang seduai Pungga	Jangan kalian Pungga
Malu madahka pejalai seduai tu datai.	Malu memberitahu tujuan kalian berdua datang.

Ramban Nanyaka Pejalai, 1993: 186

Jadual 3.4 menunjukkan contoh kaedah de Saussure yang digunakan untuk menganalisis tema yang terdapat dalam puisi *ramban*. Aspek tema akan dijelaskan melalui carta yang mengasingkan atau mengkategorikan setiap elemen yang akan menjelaskan mesej dan nada puisi *ramban* dalam masyarakat Iban. Pemprosesan dan pengkategorian data teks melalui kaedah de Saussure tersebut dapat menjelaskan dengan terperinci serta sistematik bagaimana puisi *ramban* menyampaikan mesej dan makna yang menggambarkan aspek yang menyeluruh berkaitan kehidupan masyarakat Iban. Ini menunjukkan terdapat mesej yang ingin disampaikan serta dengan iringan nada yang terdapat dalam puisi *ramban*. Mesej yang disampaikan dalam puisi *ramban* dihuraikan sama ada mencerminkan atau sebaliknya kehidupan masyarakat Iban dari aspek sosial, ekonomi, politik dan

sosiobudaya. Teks yang dianalisis serta dikodkan melalui carta pemprosesan tema yang menghuraikan dengan terperinci tentang idea yang diterapkan dalam tema puisi *ramban*.

Jadual 3.5

Kaedah Grice – Pemprosesan Data Fungsi

Bukti dalam teks puisi *ramban*	Terjemahan dalam bahasa Melayu
Dikena iya antin, dikumbai iya manah dipeda,	Dipakaikan dia anting, supaya tampan dilihat,
Tang gambar Pungga baka antu kamba	Tetapi muka Pungga seperti hantu

Ramban Mejah Pisin Lelaki, 1993: 197

Jadual 3.5 menunjukkan prosedur menganalisis data teks untuk menjelaskan fungsi puisi *ramban* dalam masyarakat Iban dijalankan dengan menggunakan kaedah implikatur. Implikatur menurut Grice (1975) ialah satu bentuk pentafsiran makna yang melewati batas-batas makna literal sesebuah ayat. Menurut Grice, implikatur perbualan dianggap sebagai satu kenyataan yang harus diambil kira oleh pendengar mengenai apa-apa yang ingin atau hendak disampaikan oleh seorang penutur untuk pendengar membuat andaian. Dalam puisi *ramban*, terdapat pelbagai strategi penggunaan implikatur diselitkan untuk menyampaikan suara hati atau keluhan perasan penyair.

3.8 Kesimpulan

Kajian ini merupakan analisis teks puisi *ramban* masyarakat Iban yang datanya diperoleh melalui kaedah kajian kepustakaan dengan menganalisis teks yang terdapat dalam sepuluh buah puisi *ramban*. Puisi *ramban* ini diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu bagi memudahkan analisis aspek tema, struktur dan fungsi dalam sesebuah puisi. Kaedah kajian kepustakaan melalui analisis kandungan atau teks

sememangnya sesuai dan pilihan yang utama memandangkan bahan-bahan berkenaan sangatlah kurang. Maka, kaedah kajian kepustakaan ini amat relevan untuk diaplikasikan dalam kajian ini bagi memperoleh data sekunder iaitu buku *Leka Main Asal Iban* yang ditulis oleh Jimmy Donald pada tahun 1993. Penganalisisan data dengan memanfaatkan teori strukturalisme dan teori pragmatisme sememangnya selari dengan objektif-objektif kajian ini. Justeru, data yang lengkap, relevan, kesahihan yang tinggi akan diperoleh dengan mengaplikasikan kedua-dua teori dalam kajian ini.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini memberi fokus terhadap dapatan huraian yang dibuat secara terperinci mengenai puisi *ramban* yang merupakan puisi lisan masyarakat Iban. Data diperoleh melalui data sekunder dari buku *Leka Main Asal Iban* hasil karya Jimmy Donald. Sebanyak sepuluh buah puisi *ramban* telah dikumpul, diterjemah, dikodkan serta dianalisis menggunakan analisis kandungan untuk membuat perbandingan mengenai bentuk, gaya bahasa dan mesej yang terkandung di dalam puisi terpilih.

Keseluruhan perbincangan mengenai dapatan kajian dibahagikan kepada tiga bahagian. Hasil dapatan kajian ini menggambarkan interpretasi daripada analisis teks yang diperoleh semasa penterjemahan dan pengekodan berdasarkan urutan soalan kajian. Fokus kajian kepada puisi lisan, iaitu *ramban* berjaya menambah kepelbagaian genre dalam bidang kesusasteraan masyarakat Iban. Kewujudan puisi *ramban* dalam lingkungan puisi lisan masyarakat Iban menjadi isu atau fenomena

baru yang perlu diperjelaskan agar pemahaman dan pengetahuan masyarakat Iban terhadap struktur, tema dan fungsi puisi lebih mendalam.

4.2 Struktur Puisi *Ramban* dalam Buku *Leka Main Asal Iban* Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983)

Kajian yang berfokuskan sumber sekunder dengan analisis teks kepada kesemua sepuluh buah puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* hasil karya Jimmy Donald (1993). Menurut Keraf (2006), gaya bahasa didefinisikan sebagai cara mengungkapkan fikiran melalui bahasa yang menggambarkan jiwa dan keperibadian penulis. Gaya bahasa yang ditekankan dalam puisi-puisi *ramban* seperti denotasi, konotasi, anagogi, arkaisme, hybrid, onomatopoeia, elepsis, sinkop, zeugma, alegori, simile, metafora, litotes, personifikasi, imej, hiperbola, ironi, asonansi, aliterasi, alusi, metanimi, sinekdoki, homoioteleuton dan polysyndeton. Seterusnya, dari aspek bait dijelaskan elemen seperti prolog, isi, epilog, inversi, paralelisme, rangkap, jumlah perkataan dan suku kata. Manakala dari aspek prosodi pula dinilai dari aspek rima, jeda, disfemisme, eufemisme dan emotif.

4.2.1 Struktur Elemen Gaya Bahasa Puisi *Ramban* Dalam Buku *Leka Main Asal Iban* Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983)

Jadual 4.1

Elemen Gaya Bahasa Simplok Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur
Ramban Nanyaka Pejalai	*Kajang kunda wa,* *Kajang kunda wa,*
Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula	*Kajang kunda wu,* *Kajang kunda wu*
Ramban Indu Dara Ringat Engai Ngibun	*Barang kunda uji tusah,*

Puisi Ramban	Struktur
Indai	*Barang kunda uji tusah*
Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa	*Dulu dih kunda aie,* *Endai dulu… dek kunda aie,*
Ramban Mejah Pisin Lelaki	*Lalang kunda wa,* *Aih… Lalang kunda wa.*
Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya	*Takang ga enda wa,* *Endai takang da enda wa.*
Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa	*Sungai dek kunda wa,* *Aih sungai dek kunda wa.*
Ramban Indu Serabana Ditingalka Lelaki	*Kajang kunda wa,* *Aih, kajang kunda wa.*
Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta	*Ngajat … aku enda jaga,* *Aih ngajat kunda jaga.*

Jadual 4.1 menunjukkan dapatan analisis elemen gaya bahasa simplok yang ditemui dalam sembilan buah puisi *ramban*. Elemen simplok menekankan pengulangan kata pada awal dan akhir beberapa baris berturut-turut. Dalam konteks ini, pengulangan kata yang digunakan berulang-ulang bertujuan supaya orang ramai atau pendengar memberi perhatian semasa *ramban* ini didendangkan. Dalam puisi *ramban*, elemen simplok dapat diteliti dalam baris pertama dan kedua yang berperanan sebagai permulaan pelafazan *ramban*.

Penggunaan elemen simplok yang dominan dalam puisi-puisi *ramban*, iaitu *kajang kunda wa, kajang kunda wa.* Pengulangan gaya bahasa simplok ini dapat menggambarkan kronologi peristiwa yang dipaparkan pada awal dan akhir baris berturut-turut. Elemen simplok dapat menimbulkan kesan rima yang harmoni dan turutan peristiwa dapat disampaikan dengan jayanya berdasarkan aturan kata yang diolah dengan bijak oleh penyair. Ini merujuk kepada prinsip analisis sinkronik dalam teori strukturalisme yang menyatakan bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 4.2

Elemen Gaya Bahasa Polysyndeton Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur	
Ramban Nanyaka Pejalai	*Nyangka bisi utai ga deka digaga kita,*	Mungkin ada sesuatu yang ingin dilakukan oleh kalian semua,
	Enti mega bisi, anang malu ga nuan nanya,	Kalau ada, jangan malu bertanya,
	Enti aku bisi, lagi meri, enti nadai, ga aku enda,	Kalau ada, nanti beri, kalau tiada, tiadalah memberi,
Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya	*Takang ga enda wa,* *Takang ga sa indai,*	*Takang ga enda wa,* *Takang ga sa indai,*
Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki	*Ninga ga kita laki,*	Dengarlah kalian yang lelaki,
	Lauk nadai, ga nadai apai ngiga.	Lauk tiada, tiada bapa yang mencari.
Ramban Ngerara Indu Kelalu Nganta	*Lain aih patisin sida dara ga maya dia.*	Berbeza sungguh fesyen kaum perempuan sekarang.
	Mulut Jawai da enselup,	Mulut Jawai bergincu,
	Manah agi pentik da tisi jalai…	Cantik lagi patung kecil di tepi jalan…
	Ngajat ma sida indai	Menarilah kalian ibu
Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa	*Ngema sintung, endai nyandik ga anak raga?*	Membawa sintung, eh menyandang lagi raga?
	Enti aku datai, endai, iya ga tentu ka."	Kalau aku datang, eh, tentu dia nak."
	Endai, kami ga ngiga manuk ke Gawai Dayak,	Eh, kami mencari ayam untuk perayaan Gawai Dayak,

Jadual 4.2 menunjukkan elemen gaya bahasa polysyndeton yang terdapat dalam lima buah puisi *ramban*. Elemen polysyndeton menekankan penggunaan partikel yang berulang-ulang untuk menerbitkan keindahan bahasa atau kepuitisan. Elemen polysyndeton yang dapat dikesan dalam puisi *ramban* ini dengan menyelitkan partikel *ga, da* dan *ma*. Kata partikel *ga*, *da* dan *ma* dalam konteks ayat-ayat ini tidak diperlukan dan boleh digugurkan, namun untuk keindahan irama dan rentak diselitkan oleh penyair.

Kata partikel *ga* yang terdapat dalam *Ramban Nanyaka Pejalai* menunjukkan pengulangan bagi mewujudkan keindahan irama dan rentak dalam puisi *ramban*. Dalam erti kata lain, partikel *ga* ini memberi penegasan pada bahagian tertentu dalam petikan ayat puisi *ramban*. Ini merujuk kepada prinsip transformasi dalam teori strukturalisme yang lebih mementingkan hukum perubahan bentuk berbanding hukum sebab-akibat.

Jadual 4.3

Elemen Gaya Bahasa Anafora Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur	
Ramban Nanyaka Pejalai	*Enti mega bisi, anang malu ga nuan nanya,*	Kalau ada, jangan malu bertanya,
	Enti aku bisi, lagi meri, enti nadai, ga aku enda,	Kalau ada, nanti beri, kalau tiada, tiadalah memberi,
Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula	*Dinga kita kumang mereti, kita ti enggai tuyu,*	Dengarlah dewi cantik yang memahami, kalian yang tidak nakal,
	Dinga kita anak asi, bala kita ti anak indu,	Dengarlah anak yang dikasihi, kalian yang anak perempuan,
	Dinga bala kita ti tengan besekula,	Dengarlah kalian yang masih bersekolah,
Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai	*Enti dek Keling Jamu kitu,*	Kalau kamu Jamu datang,
	Enti indai nemu, iya sigi lalu ngeludah!	Kalau ibu mengetahui, dia akan meludah!
	Enti sema dek Jamu kitu,	Kalau kamu Jamu datang,
	Enti indai nemu, iya sigi lalu tak nyumpah,	Kalau ibu mengetahui, dia akan menyumpah seranah,
Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang	*Enti baka mata hari, nyau udah ngalih mang ke petang;*	Jika seperti matahari, sudah beralih ke petang,
	Enti baka bulan, nyau udah keleman terang;	Jika seperti bulan, sudah beralih purnama;
Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda	*Anang ngeduan kami aja dek Renggan,*	Jangan mengajuk kami Renggan,

Puisi Ramban	Struktur	
Ditanya Ambai Iya	*<u>Anang</u> bejera kami aja dek Bujang Pungga,*	Jangan menyerikkan kami Bujang Pungga,
Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki	*<u>Enti</u> bekuli anang lama.*	Kalau bekerja jangan terlalu lama.
	<u>Enti</u> embih sain,	Kalau habis kontrak,
	<u>Kita</u> badu minta.	Kalian berhentilah kerja.
	<u>Kita</u> lelaki nyamai mati,	Kalian lelaki terlalu senang,
Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa	*<u>Enti</u> kita ngiga uduk, engkami nadai, endai siku aja;*	Kalau hendak mencari anjing, kami tiada, eh seekor ada;
	<u>Enti</u> kita ngiga indu, aku enggau! Endai, aku ka!	Kalau hendak mencari gadis, aku ikut! Eh, aku nak!

Jadual 4.3 menunjukkan elemen anafora yang ditemui dalam puisi-puisi *ramban*. Unsur anafora merupakan repetisi yang berupa pengulangan kata pertama pada setiap baris. Ini menjadikan puisi-puisi ini mempunyai keindahan rentak dan puitis apabila dinyanyikan.

Penggunaan elemen anafora yang kerap digunakan oleh penyair, iaitu *enti* (jika), *dinga* (dengarlah), *anang* (jangan) dan *kita* (kalian). Penggunaan elemen anafora yang berturutan ini menimbulkan penegasan maksud dan memberikan keindahan irama dalam puisi *ramban*. Penegasan ini mengingatkan pendengar untuk memberi perhatian apa yang disampaikan oleh penyair. Oleh itu, prinsip perkaitan dalam teori strukturalisme yang menjelaskan pendekatan ini melihat karya sastera sebagai suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain dan memberikan keindahan irama dalam puisi *ramban*.

Jadual 4.4

Elemen Gaya Bahasa Asonansi Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur	
Ramban Nanyaka Pejalai	*Nama pejalai seduai mega Tuntung, Pungga?*	Apa tujuan perjalanan kalian Tuntung, Pungga?
	Enti mega bisi, anang malu dek nanya,	Kalau ada, jangan malu bertanya,
	Nyangka bisi utai ga deka digaga kita,	Mungkin ada sesuatu yang ingin dilakukan oleh kalian semua,
Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula	*Enti orang agi bisi nundi, diau diri, anang mega dek sinu,*	Kalau ada orang yang menganggu, kawal diri, tapi jangan bersedih,
	Enti orang lelaki ngirum surat,	Kalau ada lelaki yang mengirim surat,
	Bacha jampat lalu terus tunu,	Baca cepat dan terus bakar,
Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang	*Rambau ga nadai bedau, endai sida udah belaki magang*	Sebaya masih belum, yang lain sudah bersuami semua;
	Nyampau penusah meda bala diri serumah	Cukup susah melihat rakan serumah,
	Sida Renggan udah ga nyadi apai orang	Renggan pula sudah menjadi bapa,
Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya	*Ngumbai diri deka berandau enggau sida apai*	Beranggapan ingin berbincang dengan bapa,
	Nganti dek ila Janggi mandi	Menunggu kamu nanti Janggi mandi,
	Kati ke aku mali enda bejaku munyi tu	Bagaimana aku tidak bersuara sedemikian,
Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki	*Kami indu ti ditu,*	Kami kaum perempuan yang di sini,
	Gaji diberi kumpani,	Gaji diberi syarikat,
	Aih, apai sida nadai ngema.	Aih, bapa kalian tiada menggendong.
Ramban Ngerara Indu Kelalu Nganta	*Endai, mua Jawai udu dipuda,*	Endai, muka Jawai terlalu dibedak,
	Guntin pandak endai, nunda kera rasung Belanda,	Digunting pendek, seperti kera Belanda,
	Kenaka baju tusu, baju jarang enda temu gaya	Dipakaikan baju dalam, baju seksi tiada rupa
	Pejalai kuit-kuit enda temu tunga,	Berjalan seperti tiada arah tuju,

Jadual 4.4 menunjukkan elemen asonansi yang terdapat dalam puisi-puisi *ramban*. Elemen asonansi merujuk kepada pengulangan bunyi vokal dalam sesuatu baris puisi dan pengulangan bunyi vokal yang dominan dalam puisi-puisi *ramban*, iaitu ‘a’, ‘e’, ‘i’ dan ‘u’. Perulangan bunyi vokal ini menimbulkan kesan kehalusan, kelembutan, kemerduan dan keindahan bunyi. Contohnya, pengulangan bunyi vokal ‘a’ dalam baris puisi *Ramban Nanyaka Pejalai* seperti *Nama pejalai seduai mega Tuntung, Pungga?* ini mewujudkan kesan keindahan bunyi apabila disampaikan oleh penyair. Penggunaan elemen ini menekan prinsip perkaitan, iaitu sesebuah karya sastera harus saling berkait antara satu sama lain seperti pengulangan bunyi vokal yang sama pada perkataan yang berurutan dalam baris-baris puisi.

Jadual 4.5

Elemen Gaya Bahasa Aliterasi Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur	
Ramban Nanyaka Pejalai	*Enti mega bisi, anang malu ga nuan nanya,*	Kalau ada, jangan malu bertanya,
Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa	*Endur kita anak ngalika sida Singgai*	Tempat kalian anak tidur bersama Singgai.
Ramban Lelaki Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang	*Ila aku mayar tunggu ukum adat butang* *Anang mih Jang dek kakang*	Nanti aku bayar denda hukum berzina; Usahlah Jang ragu-ragu,
Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya	*Ngejang penyambang kaki tangga ila*	Menuruni kaki tangga nanti,
Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki	*Dini nya alah tunda kita,* *Anak bekeriak nyabak,*	Memang sentiasa ada untuk kalian, Anak menangis teresak-esak,
Ramban Ngerara Indu Kelalu Nganta	*Pasukka tanchut bangat sendat,* *Kenaka kasut tinggi,*	Dipakaikan seluar terlalu ketat, Dipakaikan kasut tinggi,
Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa	*Ngema sintung, endai nyandik ga anak raga?* *Aram tua Wai Nangi, endai, nguji ngabas ngapa,*	Membawa sintung, eh menyandang lagi raga? Marilah Wai Nangi, eh, cuba menjenguk sekejap,

Jadual 4.5 menunjukkan elemen aliterasi yang terdapat dalam puisi-puisi *ramban*. Aliterasi ialah pengulangan bunyi konsonan yang sama dalam baris-baris puisi dan pengulangan bunyi konsonan yang dominan dalam puisi-puisi *ramban*, iaitu ‘n’, ‘k’, ‘t’ dan ‘g’. Penyair menggunakan unsur aliterasi bagi mewujudkan kepelbagaian dan keindahan bunyi di dalam puisinya. Tambahan itu, menerapkan elemen perulangan bunyi konsonan mengindahkan setiap bait kata-kata apabila dinyanyikan. Contohnya, dalam baris puisi *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki* seperti *Anak bekeriak nyabak* yang menunjukkan pengulangan bunyi konsonan ‘k’. Oleh itu, penyair menekankan pengulangan bunyi konsonan yang beurutan dalam satu baris puisi bagi mewujudkan prinsip perkaitan yang berfokuskan kepada saling berkait antara satu sama lain.

Jadual 4.6

Elemen Gaya Bahasa Simile Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur	
Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula	*Dinga kita kumang mereti, kita ti enggai tuyu,*	Dengarlah dewi cantik yang memahami, kalian yang tidak nakal
Ramban Ngerara Indu Kelalu Nganta	*Enda ngelala, mua baka engkeramba,* *Manah agi pentik da tisi jalai…*	Tidak mengenali, muka seperti patung, Cantik lagi patung kecil di tepi jalan…
Ramban Mejah Pisin Lelaki	*Dikena iya antin, dikumbai iya manah dipeda,* *Tang gambar Pungga baka antu kamba*	Dipakaikan dia anting, supaya tampan dilihat, Tetapi muka Pungga seperti hantu

Jadual 4.6 menunjukkan elemen simile yang ditemui dalam puisi-puisi *ramban*. Elemen simile merujuk kepada membuat perbandingan terus atau kiasan yang membandingkan dua benda yang berbeza. Untuk mewujudkan perbandingan maka kata *baka* yang bermaksud seperti, umpama, bak dan bagai bagi membandingkan sesuatu benda, keadaan atau suasana dengan jelas.

Elemen simile dalam puisi *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula* yang merujuk kepada perkataan *kumang* dan *tuyu* memperlihatkan perbandingan terus dari aspek sikap, personiliti dan perwatakan. *Kumang* dalam masyarakat Iban diibaratkan perempuan yang cantik dan mempunyai perwatakan yang terpuji. Dalam puisi ini, *kumang* merujuk kepada anak perempuan bersekolah yang sentiasa mendengar nasihat, pandai dan sentiasa menjaga batasan dengan lelaki. Manakala, perkataan *tuyu* merujuk kepada perwatakan yang negatif iaitu buas atau nakal. Ini terbukti, petikan ini mengambarkan wujudnya perbandingan terus agar pendengar dapat mentafsir perbezaan dari sudut positif dan negatif.

Dalam puisi *Ramban Ngerara Indu Kelalu Nganta*, unsur simile digunakan penyair untuk membuat perbandingan penampilan kaum perempuan yang disamakan dengan objek yang buruk iaitu *engkeramba*. Ungkapan ini disampaikan oleh kaum lelaki kepada kaum perempuan yang terlalu bergaya sehingga menutupi kecantikan sedia ada.

Selain itu, dapatan dalam puisi *Ramban Mejah Pisin Lelaki* turut menemui ungkapan yang membuat perbandingan fesyen atau penampilan kaum lelaki yang berlebihan. Penyair menggambarkan fesyen lelaki tersebut *baka antu kamba* yang membawa maksud penampilan seperti hantu. Ini menunjukkan kaum perempuan mengkritik dan menegur fesyen lelaki yang bergaya dengan memakai anting-anting dan mungkin tidak sesuai dengan arus pemodenan.

Kesimpulannya, elemen simile yang diterapkan dalam puisi-puisi *ramban* menjelaskan penyair menitikberat prinsip analisis sinkronik dalam penulisan sesebuah puisi yang mana pendekatan ini menumpukan perhatian kepada permasalahan bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 4.7

Elemen Gaya Bahasa Satira Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur	
Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula	*Maya belajar dalam kelas, runding anang aja kin kitu,*	Bila di dalam kelas, fikiran jangan melayang,
Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa	*Badu kita endu, badu,* *Kita ke jai ngemalu kami.*	Berhentilah kalian gadis, berhenti, Kalian yang nakal memalukan kami,
Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai	*Dupah aku deka ngibun dek ila indai,* *Laban dek nya pala de pe… mangah!*	Aku tak kan menjaga kamu nanti Ibu, Kerana kamu seorang yang pemarah!

Jadual 4.7 menunjukkan elemen satira yang terdapat dalam puisi-puisi *ramban*. Penerapan elemen satira dalam sesebuah puisi untuk menyatakan sindiran terhadap suatu keadaan atau seseorang. Elemen satira ini dapat diteliti dalam puisi *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula* yang memberi kritikan moral terhadap anak perempuan semasa belajar di dalam kelas supaya fikiran tidak melayang memikirkan perkara lain yang tidak berfaedah.

Antara contoh lain yang menerapkan elemen satira, iaitu dalam puisi *Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai*. Ini dapat diteliti apabila anak perempuan memberontak dan merajuk dengan sikap ibunya yang tegas dan mengongkong setiap perlakuannya. Oleh itu, anak perempuan tersebut bertindak dengan mengeluarkan kata-kata negatif terhadap ibunya bagi menunjukkan ketidakpuashatian. *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa* turut menerapkan elemen satira yang mana memberi impak kepada pendengar khususnya kaum perempuan agar tidak melakukan perkara yang boleh mencemarkan nama keluarga.

Fungsi yang jelas puisi untuk memberi kritikan dan satira terhadap isu yang berlaku dalam sebuah masyarakat. Semua kritikan dan sindiran yang diberikan

dijelaskan untuk mengelakkan perasaan tersinggung oleh individu bertujuan untuk sindiran dan kritikan seperti itu. Selain itu, elemen satira dalam puisi boleh menjadi jenaka atau serius dan mungkin mengandungi elemen yang lain seperti keseronokan, ketenangan, fantasi dan impian.

Kesimpulannya, penerapan elemen satira dalam puisi-puisi *ramban* menjelaskan penyair menekankan prinsip perkaitan, iaitu penggunaan perkataan-perkataan saling berkait antara satu sama lain. Pendekatan perkaitan yang digunakan sebagai medium untuk menyampaikan rasa tidak puas hati terhadap sesuatu yang menggambarkan sikap masyarakat Iban yang mengambil berat keharmonian dan ketidakcekapan kritikan dan pendapat.

Jadual 4.8

Elemen Gaya Bahasa Homoioteleuton Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	**Struktur**	
Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula	*Ari Sematan, nyentuk ke Lawas datai ke Ulu Teru,*	Dari Sematan hingga ke Lawas dan sampai ke Ulu Teru,
Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya	*Anak tuai suba, Singgai, nadai apai* *Belubah-lubah mih dek Singgai pulai*	Anak sulung dahulu, Singgai, tiada bapa. Berhati-hatilah balik Singgai.
Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki	*Anak bekeriak nyabak,* *Kami ngibun anak udah nadai apai.*	Anak menangis teresak-esak, Kami menjaga anak yang tiada bapa.
Ramban Ngerara Indu Kelalu Nganta	*Pasukka tanchut bangat sendat,* *Mansa sida Singgai endai wai kepai*	Dipakaikan seluar terlalu ketat, Berselisih dengan Singgai lalu dilambai
Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa	*Mansang nanya, aih, kitai wai."* *Enggau bejera sida indai Singgai."*	Marilah bertanya, aih, kita semua." Untuk menyerikkan ibu Singgai."

Jadual 4.8 menunjukkan elemen homoioteleuton yang terdapat dalam puisi-puisi *ramban*. Elemen homoioteleuton menekankan persamaan bunyi di hujung perkataan di dalam satu ayat yang disertai rentak. Rangkaian kata yang digunakan penyair dengan menitikberatkan persamaan bunyi mewujudkan keindahan bait bunyi dan rentak pada penghujung perkataan.

Antara contoh penggunaan elemen homoioteleuton dengan menekankan persamaan bunyi *'ai'* di hujung perkataan, iaitu dalam puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya, Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki, Ramban Ngerara Indu Kelalu Nganta* dan *Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa.* Ungkapan *"Anak tuai suba, Singgai, nadai apai"* dan *"Belubah-lubah mih dek Singgai pulai"* dalam *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya* mewujudkan keindahan bait dan bunyi dan rentak pada penghujung perkataan.

Penggunaan elemen homoioteleuton dalam puisi-puisi *ramban* ini menekankan prinsip regulasi diri, iaitu teks yang diolah mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan corak yang menyebabkannya terbentuk dan keseluruhan sebuah puisi *ramban* yang unggul. Ini merujuk kepada teks ialah hasil sesuatu struktur yang menjadi pelengkap kepada struktur itu sendiri.

Jadual 4.9

Elemen Gaya Bahasa Sinisme Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur	
Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa	*Nadai kami indai nadai, Endai sapa, aih, tak nusi?*	Tiada kami Ibu tiada, Siapa yang memberitahu?
Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya	*Dek lalu ke beempai-empai, lalu beenda-enda.*	Tapi belum lagi, lalu bertidak-tidak
	Anang ngeduan kami aja dek Renggan,	Jangan mengajuk kami Renggan,
	Anang bejera kami aja dek Bujang Pungga,	Jangan menyerikkan kami Bujang Pungga,

Jadual 4.9 menunjukkan elemen sinisme yang ditemui dalam puisi *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa* dan *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya*. Elemen sinisme diselitkan dalam puisi-puisi *ramban* untuk menggambarkan kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan hati.

Ini dapat diteliti dalam puisi *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa* yang mana anak perempuan menidakkan apa yang diceritakan oleh orang lain kepada orang tuanya mengenai tingkah laku yang tidak senonoh tersebut. Selain itu, dalam puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya* turut menceritakan kaum perempuan yang kurang mempercayai kaum lelaki dengan janji yang tidak ditepati. Oleh itu, kaum perempuan tersebut mengungkapkan kata-kata yang berunsur sinisme, iaitu kesangsian yang mengandungi ejekan terhadap keikhlasan hati kaum lelaki untuk menerimanya sebagai kekasih hati.

Oleh itu, elemen sinisme merupakan ungkapan yang berunsur sindiran dengan cara menyindir seseorang secara langsung dan kasar. Penyair menerapkan sinisme dalam puisi *ramban* bagi menggambarkan ketidakpuasan hati dengan mengeluarkan kata-kata yang kasar tanpa berselindung. Penemuan ini merujuk kepada prinsip transformasi dalam teori strukturalisme, iaitu penyair mengubah struktur atau penulisan teks dengan mewujudkan kepelbagaian gaya bahasa namun masih mementingkan aturan-aturan struktural.

Jadual 4.10

Elemen Gaya Bahasa Kolokasi Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur	
Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa	*Salam, anak, enda alah salam,*	Rahsia, anak, tak dapat dirahsiakan,
Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang	*Buai bini tuai dek Singgai buai,*	Ceraikan isteri tua kamu Singgai ceraikan,

Puisi Ramban		Struktur
Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa	*<u>Ukai</u> kami endu, <u>ukai</u>*	"Bukan kami endu, bukan,

Jadual 4.10 menunjukkan elemen gaya bahasa kolokasi yang terdapat dalam puisi *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa, Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang* dan *Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa.* Elemen kolokasi ini menjelaskan pengulangan kata atau perkataan dalam sesuatu baris. Selain itu, kolokasi diteliti bagi memahami makna sesuatu kata dan makna kolokasi terbentuk daripada gabungan sesuatu kata dengan beberapa kata lain yang melingkunginya.

Penerapan elemen kolokasi dalam puisi *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa* yang menyelitkan elemen perulangan kata *salam* yang bermaksud merahsiakan atau menyembunyikan sesuatu perkara. Dalam puisi *Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang* turut menyelitkan elemen kolokasi yang bertujuan untuk penegasan oleh penyair kepada pendengar dalam puisi ini dapat dilihat dengan perulangan frasa *buai*. Pengulangan kata *ukai* yang membawa maksud bukan dalam puisi *Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa* menjelaskan penekanan ungkapan yang perlu diberi perhatian oleh pendengar. Oleh itu, makna sesuatu kata tidak hanya dimiliki oleh kata itu secara sendirian, tetapi turut dipengaruhi oleh perkataan-perkataan lain yang hadir bersama-sama kata tersebut.

Penyair menerapkan elemen kolokasi untuk melibatkan hubungan antara satu kata dengan kata yang lain. Oleh itu, perkara yang penting dalam kolokasi ialah hubungan atau kombinasi kata yang tipikal dan benar-benar wujud dalam sesuatu bahasa. Daripada kombinasi kata ini, sesuatu kata boleh diketahui dan difahami maknanya dengan melihat perkataan yang wujud bersama-samanya. Ini merujuk

kepada prinsip perkaitan yang melihat sesebuah karya sastera sebagai suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain.

Jadual 4.11

Elemen Gaya Bahasa Citra Bebas Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur	
Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa	*Sebelah market babi,* *Endur kita anak ngalika sida Singgai.*	Di pasar basah berjual babi, Tempat kalian anak tidur bersama Singgai.

Jadual 4.11 menunjukkan elemen gaya bahasa citra bebas dalam puisi *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa*. Citra bebas merupakan perlambangan yang digunakan dalam pengertiannya yang luas merujuk kepada penggunaan sesuatu perkataan untuk membawa makna yang lebih daripada maknanya yang biasa. Dalam puisi *ramban* ini, penyair memasukkan citra bebas sebagai pengias serta berupaya menerbitkan makna yang berbeza-beza menurut tafsiran pendengar dan ini boleh diteladani manusia.

Dalam puisi *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa* turut memuatkan elemen citra bebas yang mana ungkapan terdedah kepada ambiguiti, yakni ketaksaan makna dan bergantung kepada kepelbagaian tafsiran oleh pendengar. Ungkapan "*sebelah market babi, endur kita anak ngalika sida Singgai"* mengandungi ketaksaan makna yang khusus tetapi ini bergantung kepada kepelbagaian tafsiran oleh pendengar. Ia agak menyimpang dari isi puisi ini tetapi penyair mengaitkannya dengan perlakuan yang dilakukan oleh kaum perempuan yang sanggup mencemar maruah diri dengan melakukan perkara tidak baik ti tempat awam. Jadi, citra bebas ini mengingatkan dan menegur kaum perempuan perlu menjaga batasan lelaki dan perempuan serta pandai menjaga maruah diri.

Citra bebas yang terkandung dalam sesebuah puisi mempunyai maksud dan ciri yang tertentu. Ini membawa kepada gambaran atau kesan gambaran yang timbul daripada penggunaan kata-kata. Penggunaan citra bebas jelas menekankan prinsip analisis sinkronik yang mana pendekatan ini menumpukan perhatian kepada permasalahan bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks tersebut dapat difahami oleh pendengar melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 4.12

Elemen Gaya Bahasa Hiperbola Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	**Struktur**	
Ramban Mejah Pisin Lelaki	*Tang ambar Pungga baka antu kamba*	Tetapi muka Pungga seperti hantu

Jadual 4.12 menunjukkan elemen hiperbola dalam puisi *Ramban Mejah Pisin Lelaki*. Elemen hiperbola digunakan oleh penyair untuk menjelaskan pernyataan yang dibuat secara berlebih-lebihan dalam usaha menekankan sesuatu pandangan, idea atau peristiwa.

Elemen hiperbola yang diselitkan dalam puisi *Ramban Mejah Pisin Lelaki* menambahkan kepelbagaian elemen gaya bahasa dalam puisi kerana digunakan untuk meluahkan perasaan mahupun perasaan secara melampau. Ini dapat diteliti dalam petikan "*tang gambar Pungga baka antu kamba"*. Dalam teks *ramban* ini, kaum perempuan menggambarkan fesyen kaum lelaki sangat buruk seperti jelmaan hantu. Ungkapan ini menggambarkan kaum perempuan meluahkan perasaan mahupun tanggapan secara melampau mengenai penampilan kaum lelaki yang suka mengubah penampilan secara berlebihan.

Justeru, elemen hiperbola yang diterapkan oleh penyair menekankan prinsip analisis sinkronik, iaitu perkataan-perkataan yang digunakan di dalam teks saling berhubung untuk memahami makna sebenar walaupun digunakan secara berlebihan. Oleh itu, gaya bahasa yang menunjukkan perbandingan ialah bentuk bahasa perbandingan yang indah yang digunakan untuk menambahkan kesan dan makna tertentu dengan cara perbandingan sesuatu perkara dengan perkara lain.

Jadual 4.13

Elemen Gaya Bahasa Konotasi Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	**Struktur**	
Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang	*Aku nguji berumpang kita apai orang.*	Aku cuba mengoda kalian yang bapa orang.
Ramban Mejah Pisin Lelaki	*Enda ampit pemakai!*	Tidak dapat makanan!
Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki	*Kita lelaki nyamai mati*	Kalian lelaki terlalu senang,

Jadual 4.13 menunjukkan elemen gaya bahasa konotasi yang terdapat dalam puisi *Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang, Ramban Mejah Pisin Lelaki* dan *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki*. Konotasi merujuk asosiasi atau idea yang dimaksudkan oleh sesuatu perkataan atau ungkapan selain maknanya yang tersurat.

Melalui petikan yang terdapat dalam puisi-puisi *ramban,* pendengar akan menyedari wujud elemen konotasi dalam teks puisi *ramban* yang menjelaskan ungkapan dimaksudkan oleh sesuatu perkataan selain maknanya yang tersurat. Contohnya, dalam petikan "*Aku nguji berumpang kita apai orang"* mempunyai elemen konotasi melalui perkataan *berumpang* yang membawa pelbagai maksud. Ini terpulang kepada pembaca dan pendengar untuk mentafsir. Dari sudut literal *berumpang* boleh disamakan dengan perbuatan membuka atau meruntuhkan, tetapi

dalam konteks puisi ini ia membawa pengertian menggoda atau dalam erti kata lain merosakkan hubungan orang lain.

Selain itu, dapatan turut menemukan elemen konotasi dalam teks puisi *Ramban Mejah Pisin Lelaki*. Ungkapan "*Enda ampit pemakai!"* menggambarkan elemen konotasi yang pendengar membuat dua andaian jika tidak berada di situasi yang sebenar. Secara literalnya ungkapan tersebut bermaksud makanan tidak mencukupi tetapi dalam konteks teks ramban ini, ia bermaksud penampilan kaum lelaki yang ditegur oleh kaum perempuan iaitu sangat kurus seperti tidak makan.

Seterusnya, ungkapan "*kita lelaki nyamai mati"* yang terkandung dalam puisi *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki* jelas menunjukkan elemen konotasi. Penggunaan ungkapan *'nyamai mati'* bukan bermaksud mudah untuk meninggal dunia atau mati secara literal tetapi lebih kepada terlalu senang dengan kehidupan yang ada segalanya tanpa memikirkan anak dan isteri yang berjauhan. Oleh itu, situasi ini menunjukkan betapa pentingnya keperluan seorang anak dan isteri perlu dijaga oleh suami walaupun tinggal berjauhan tetapi sudah memadai mengirimkan duit ringgit.

Kesimpulannya, elemen konotasi dalam puisi-puisi *ramban* menjelaskan prinsip analisis sinkronik diperlukan kerana pendekatan ini dapat membawa pendengar menumpukan perhatian kepada perkataan-perkataan di dalam teks yang mengandungi isi tersurat kerana saling berhubung antara satu sama lain serta memerlukan kebijaksanaan pendengar memahami maksud melalui aturan kesusasteraan.

Jadual 4.14

Elemen Gaya Bahasa Responsi Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur	
Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya	*Anang ngeduan <u>kami</u> aja dek Renggan,* *Anang bejera <u>kami</u> aja dek Bujang Pungga,*	Jangan mengajuk kami Renggan, Jangan menyerikkan kami Bujang Pungga,

Jadual 4.14 menunjukkan elemen gaya bahasa responsi yang terdapat dalam puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya*. Gaya bahasa responsi yang menekankan perulangan kata atau frasa di tengah-tengah baris berurutan. Ungkapan "*Anang ngeduan <u>kami</u> aja dek Renggan"* dan *"Anang bejera <u>kami</u> aja dek Bujang Pungga"* jelas menunjukkan elemen responsi. Perulangan kata *'kami'* di tengah-tengah baris memberi penegasan oleh penyair kepada pendengar.

Penerapan elemen responsi jelas menekankan prinsip regulasi diri, iaitu teks mementingkan aturan-aturan kesusasteraan, corak serta peralatan yang menyebabkannya terbentuk dan keseluruhan sistem terlaksana. Oleh itu, penyair menitikberatkan cara penyampaian dengan meluahkan buah fikiran mereka mengikut pengetahuan penggunaan kata-kata dan penyusunan ayat untuk menimbulkan seni dalam hasil karya kesusasteraan, secara tidak langsung akan dapat memikat dan seterusnya menarik pendengar memahami apa yang ingin disampaikan.

Jadual 4.15

Elemen Gaya Bahasa Sinkop Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur	
Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa	*Enti kita ngiga uduk, <u>engkami</u> nadai, endai siku aja*	Kalau hendak mencari anjing, kami tiada, eh seekor ada;

Jadual 4.15 menunjukkan elemen gaya bahasa sinkop yang terdapat dalam puisi *Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa*. Sinkop merupakan pemendekan sesuatu kata dengan menggugurkan satu atau lebih huruf atau suku kata dari tengah-tengah kata itu. Elemen sinkop ini kerap digunakan oleh penyair untuk mengindahkan rentak dan rima dalam puisi.

Penyair menggunakan unsur sinkop, iaitu penyingkiran kata dengan menghilangkan huruf atau suku kata seperti dalam ungkapan "*enti kita ngiga uduk, engkami nadai, endai siku aja"*. Perkataan *engkami* dalam baris tersebut adalah singkatan daripada perkataan *'enggi kami'* yang bermaksud kepunyaan kami. Dalam baris ini ia disingkatkan untuk menghasilkan rentak puisi. Penerapan elemen sinkop dalam puisi membawa kepada perubahan bentuk yang menekankan prinsip transformasi dalam sesebuah karya.

Jadual 4.16

Elemen Gaya Bahasa Denotasi Dalam Puisi Ramban

Puisi Ramban	Struktur	
Ramban Indu Dara Asa Ngapa	*Enahka makai, endai sungkitka asi mata,*	Hidanglah makanan, eh berilah nasi mentah,
Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya	*Ngajih ke dek diempa jagu, dipakai baya mata'*	Berharap kamu dimakan buaya, dimakan buaya mentah,

Jadual 4.16 menunjukkan elemen denotasi yang terdapat dalam puisi *Ramban Indu Dara Asa Ngapa* dan *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya*. Elemen denotasi adalah makna eksplisit sesuatu perkataan atau pemberian makna yang tepat atau tiada makna lain bagi sesuatu kata itu.

Elemen denotasi ini dikenal pasti dalam dua buah puisi *ramban* yang menggunakan perkataan *mata*. Dalam puisi *Ramban Indu Dara Asa Ngapa*,

perkataan *mata* dalam petikan "*enahka makai, endai sungkitka asi mata"* bermaksud mentah atau belum dimasak yang merujuk kepada gadis tersebut ingin menghidangkan nasi mentah kepada tetamu yang datang berkunjung. Begitu juga penggunaan perkataan *'mata'* dalam puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya*. Dalam puisi ramban ini, istilah *mata* mempunyai dua tafsiran yang berbeza, iaitu yang pertama biji mata atau alat untuk melihat dan kedua membawa makna masih mentah atau belum dimasak. Namun dalam puisi ini *mata* merujuk kepada benda yang masih hidup atau masih bernyawa.

Dapatan ini membuktikan prinsip analisis sinkronik penting dalam mengenal pasti maksud setiap perkataan. Hal ini demikian kerana pendekatan ini menumpukan perhatian kepada permasalahan bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks berhubungan antara satu sama lain dan bagaimana teks dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

4.2.2 Struktur Elemen Bait Puisi *Ramban* Dalam Buku *Leka Main Asal Iban* Berdasarkan Teori Strukturisme oleh Ferdinand de Saussure (1983)

Jadual 4.17

Elemen Bait Dalam Puisi Ramban Nanyaka Pejalai

Bait	Struktur	
Prolog	*Kajang kunda wa,* *Kajang kunda wa,*	Kajang kunda wa, Kajang kunda wa,
Isi	*Nama pejalai seduai mega Tuntung, Pungga?*	Apa tujuan perjalanan kalian Tuntung, Pungga?
	Enti mega bisi, anang malu dek nanya,	Kalau ada, jangan malu bertanya,
	Nyangka bisi utai ga deka digaga kita,	Mungkin ada sesuatu yang ingin diperlukan oleh kalian semua,
	Enti mega bisi, anang malu ga nuan nanya,	Kalau ada, jangan malu bertanya,
	Enti aku bisi, lagi meri, enti nadai, ga aku enda,	Kalau ada, nanti beri, kalau tiada, tiadalah memberi,

Bait	Struktur	
	Anang seduai Pungga *Malu madahka pejalai seduai tu datai.*	Jangan kedua-dua Pungga Malu memberitahu tujuan kalian berdua datang.
Epilog	*Kajang sa apai,* *Kati bela gerai kita menua, kajang…*	Kajang sa apai, Bagaimana khabar kalian di kampung, Kajang…
Paralelisme	Kajang kunda wa, Kajang kunda wa,	
Baris	11 baris	
Perkataan	Terdiri daripada 3 hingga 10 perkataan	
Ayat	11 baris ayat	

Jadual 4.17 menunjukkan elemen bait dalam puisi *Ramban Nanyaka Pejalai*. *Ramban Nanyaka Pejalai* terdiri daripada 11 baris ayat. Setiap satu satu baris ayat mempunyai tiga ke 10 patah perkataan. Kalau diteliti dengan lebih terperinci, empat baris ayat mempunyai tiga perkataan, tiga baris ayat mengandungi enam perkataan, dua baris ayat memiliki tujuh perkataan, dua baris ayat yang dibentuk dengan lapan perkataan dan 10 perkataan.

Puisi *Ramban Nanyaka Pejalai* menekankan prinsip keseluruhan kerana mempunyai suatu sistem atau struktur, iaitu suatu keseluruhan yang memiliki konvensi dan tradisi tersendiri. Selain itu, setiap bait puisi *ramban* ini menerapkan prinsip perkaitan yang mana karya sastera ini memiliki suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain. Seterusnya, prinsip regulasi diri turut ditemui di dalam teks *ramban*, iaitu mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan corak yang menyebabkan terbentuknya dan keseluruhan sistem terlaksana. Prinsip atau pendekatan analisis sinkronik turut diterapkan oleh penyair yang berfokuskan kepada bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks *ramban* berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks tersebut dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 4.18

Elemen Bait Dalam Puisi Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula

Bait	Struktur	
Prolog	*Kajang kunda wu,*	Kajang kunda wu,
	Kajang kunda wu,	Kajang kunda wu,
Isi	*Dinga kita kumang mereti, kita ti enggai tuyu,*	Dengarlah dewi cantik yang memahami, kalian yang tidak nakal,
	Dinga kita anak asi, bala kita ti anak indu,	Dengarlah anak yang dikasihi, kalian yang anak perempuan,
	Dinga bala kita ti tengan besekula,	Dengarlah kalian yang masih bersekolah,
	Ti deka belajar enggai badu-badu	Yang sentiasa belajar bersungguh-sungguh
	Enti pagila sekula, malam tu gaga kereja rumah,	Kalau esok bersekolah, malam ini buatlah kerja rumah,
	Anang tak bangat mayuh jaku,	Janganlah banyak bercakap,
	Maya belajar dalam kelas, runding anang aja kin kitu,	Bila di dalam kelas, fikiran jangan melayang,
	Enti orang agi bisi nundi, diau diri, anang mega dek sinu,	Kalau ada orang yang menganggu, kawal diri, tapi jangan bersedih,
	Enti orang lelaki ngirum surat,	Kalau ada lelaki yang mengirim surat,
	Bacha jampat lalu terus tunu,	Baca cepat dan terus bakar,
	Enti lelaki ngirum SMS, padah ke iya salah send,	Kalau ada lelaki mengirim SMS, beritahu dia salah kirim,
	Padahka nya salah tuju,	Beritahulah dia salah orang,
	Enti iya mai nuan pansut malam,	Kalau dia mengajak kamu keluar malam,
	Padahka nuan takut ke antu,	Beritahulah dia yang kamu takut dengan hantu,
	Enti iya mai nuan raun ke Kuching,	Kalau dia mengajak kamu pergi melancong ke Kuching,
	Padahka dek ka ke Bintulu,	Beritahulah dia yang kamu hendak ke Bintulu,
	Endai, enti iya mai nuan raun ke Miri,	Kalau dia mengajak kamu melancong ke Miri,
	Padahka nuan deka ke Sibu,	Beritahulah dia yang kamu hendak ke Sibu,
	Enti sema iya agi nundi, anang enda madah ngagai cikgu,	Kalau dia masih menganggu, jangan lupa beritahu kepada guru,
	Tau ngasuh apai dek madah ngagai tuai rumah,	Suruhlah bapa kamu beritahu kepada ketua kampung,
	Tau ngasuh indai nawa ngagai pemancha,	Suruhlah ibu kamu mendakwa kepada pemancha,

Bait	Struktur	
	Tau ngasuh aki nusi ngagai YB Jimmy,	Suruhlah datuk kamu beritahu kepada YB Jimmy,
	Tau ngasuh ini ngereput ngagai penghulu,	Suruhlah nenek kamu membuat laporan kepada penghulu,
	Nya baru nuan nyadi indu Iban ke teladan,	Ini barulah kamu menjadi perempuan Iban yang menjadi contoh,
	Ari Sematan, nyentuk ke Lawas datai ke Ulu Teru,	Dari Sematan hingga ke Lawas dan sampai ke Ulu Teru,
	Nya baru tau digelar Dara Numur Satu,	Ini barulah kamu diberi gelaran gadis nombor satu,
	Tampun puji berari manah perangai…	Sentiasa dipuji budi bahasa
Epilog	*Mupuk mih ku sida indai,*	Pergilah aku duhai ibu,
	Anang lama mih dek singgai bejalai,	Janganlah lama pergi meninggalkan kami,
	Kami enda betah ditinggalka dek mupuk	Kami sentiasa merindui kamu yang pergi jauh
Paralelisme	Kajang kunda wu, Kajang kunda wu,	
Baris	32 baris	
Perkataan	Terdiri daripada 3 hingga 11 perkataan	
Ayat	32 baris ayat	

Jadual 4.18 menunjukkan elemen bait yang terdapat dalam puisi *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula. Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula* mengandungi 32 baris. Dua baris mempunyai tiga patah perkataan, dua baris dibentuk empat perkataan dan lapan baris mengandungi lima patah perkataan. Seterusnya, enam baris mempunyai enam patah perkataan, tiga baris dibentuk tujuh patah perkataan, lima baris lapan perkataan, empat baris sembilan perkataan dan satu baris masing-masing mengandungi 10 perkataan dan 11 perkataan. Untuk membentuk sebuah puisi *ramban* yang puitis, elemen prolog memainkan peranan penting agar pendengar dapat memahami kata-kata pembukaan atau pendahuluan dalam memperkenalkan cerita. Elemen prolog dalam puisi *ramban* ini terdiri daripada baris satu dan dua yang menjadi pembuka kata supaya pendengar memberi perhatian kepada siapa puisi tersebut dinyanyikan.

Puisi *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula* menekankan prinsip keseluruhan kerana mempunyai suatu sistem atau struktur, iaitu suatu keseluruhan yang memiliki konvensi dan tradisi tersendiri. Selain itu, setiap bait puisi *ramban* ini menerapkan prinsip perkaitan yang mana karya sastera ini memiliki suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain. Seterusnya, prinsip regulasi diri turut ditemui di dalam teks *ramban*, iaitu mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan corak yang menyebabkan terbentuknya dan keseluruhan sistem terlaksana. Prinsip atau pendekatan analisis sinkronik turut diterapkan oleh penyair yang berfokuskan kepada bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks *ramban* berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks tersebut dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 4.19

Elemen Bait Dalam Puisi Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai

Bait	**Struktur**	
Prolog	*Barang… kunda uji tusah,* *Barang kunda uji tusah.*	Barang… kunda uji tusah, Barang kunda uji tusah.
Isi	*Sangka ke senang-senang,* *Enda siti-siti utai meri tusah,* *Ka enda mai sida Janggi gali,* *Meda tubuh diri baka ke agi manah.* *Da bai ga kami sida Janggi gali, tua ka dianu sida.* *Apai kami pama baik agi,* *Engkami indai nya pala pemangah,* *Enti dek Keling Jamu kitu,*	Ku sangkakan mudah Setiap perkara menyusahkan, Niat di hati ingin membawa Janggi berbaring, Memerhati penampilan diri masih bergaya, Dibawa Janggi baring bersama, tapi dimarahi oleh mereka. Ayah kami lebih mesra, Namun ibu seorang yang pemarah, Kalau kamu Jamu datang,
	Enti indai nemu, iya sigi lalu ngeludah! *Enti sema dek Jamu kitu,* *Enti indai nemu, iya sigi lalu tak nyumpah,* *Dupah aku deka ngibun dek ila indai,* *Laban dek nya pala de pe…*	Kalau ibu mengetahui, dia akan meludah! Kalau kamu Jamu datang, Kalau ibu mengetahui, dia akan menyumpah seranah, Aku tak kan menjaga kamu nanti Ibu, Kerana kamu seorang yang

Bait	Struktur	
	mangah!	pemarah!
Epilog	*Barang … sida indai,* *Sebayan denjang Mandai,* *Bai parai ma aku berang…*	Barang … Ibu, Alam roh kian mendekati, Bawalah aku mati…
Paralelisme	Barang… kunda uji tusah, Barang kunda uji tusah.	
Baris	18 baris	
Perkataan	Terdiri daripada 3 hingga 11 perkataan	
Ayat	18 baris ayat	

Jadual 4.19 menunjukkan elemen bait dalam puisi *Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai*. Dari aspek bait pula, *Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai* mengandungi 18 baris. Tiga baris mempunyai tiga patah perkataan, dua baris dibentuk empat perkataan dan enam baris mengandungi lima patah perkataan. Seterusnya, dua baris mempunyai enam patah perkataan, tiga baris dibentuk tujuh patah perkataan dan satu baris dibentuk lapan perkataan dan 11 perkataan. Elemen paralelisme turut terdapat dalam puisi *ramban* iaitu merujuk kepada pengulangan bentuk frasa, ayat atau baris. Elemen ini biasanya ditekankan oleh penyair pada bahagian pembukaan puisi *ramban* didendangkan agar pendengar dapat memberi perhatian. Keseluruhan struktur *Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai* terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu prolog, isi dan epilog. Bahagian prolog adalah ungkapan baris pertama hingga kedua. Bahagian isi pula terdiri daripada baris ketiga hingga ke-15 dan epilog ungkapan baris ke-16 hingga ke-18 sebagai penutup puisi.

Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai menekankan prinsip keseluruhan kerana mempunyai suatu sistem atau struktur, iaitu suatu keseluruhan yang memiliki konvensi dan tradisi tersendiri. Selain itu, setiap bait puisi *ramban* ini menerapkan prinsip perkaitan yang mana karya sastera ini memiliki suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain. Seterusnya, prinsip regulasi diri turut ditemui di dalam teks ramban, iaitu mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan corak yang menyebabkan terbentuknya dan keseluruhan sistem terlaksana. Prinsip

atau pendekatan analisis sinkronik turut diterapkan oleh penyair yang berfokuskan kepada bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks *ramban* berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks tersebut dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 4.20

Elemen Bait dalam Puisi Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa

Bait	**Struktur**	
Prolog	*Dulu dih kunda aie,* *Endai dulu… dek kunda aie,*	Dulu dih kunda aie, Endai dulu… dek kunda aie,
Isi	*Di Bintulu ngintu taun baru,*	Di Bintulu menyambut tahun baharu,
	Endai di Miri ga bisi rami. *Aram kitai wai adai undur kili,* *Ngambi enda lama, dua tiga hari.* *Malam enggau Renggan dance,* *Bepegai lengan, bepaut kaki.* *Pulai ke rumah panjai,* *Kumang Jawai ngumbai diri tuchi,* *Badu kita endu, badu,* *Kita ke jai ngemalu kami.* *Nadai kami indai nadai,* *Endai sapa, aih, tak nusi?* *Salam, anak, enda alah salam,*	Di Miri juga sungguh meriah, Marilah kita pergi ke hilir, Ambil waktu yang singkat, dua tiga hari. Waktu malam bersama Renggan menari, Berpegang tangan, berpaut kaki. Balik ke rumah panjang, Jawai beritahu diri masih suci, Berhentilah kalian gadis, berhenti, Kalian yang nakal memalukan kami, Tiada kami Ibu tiada, Siapa yang memberitahu? Rahsia, anak, tak dapat disembunyikan,
Epilog	*Orang ke bukai endai mayuh nusi ke kami,* *Sebelah market babi,* *Endur kita anak ngalika sida Singgai.*	Orang lain yang beritahu kami, Di pasar basah berjual babi, Tempat kalian anak tidur bersama Singgai.
Paralelisme	Dulu dih kunda aie, Endai dulu… dek kunda aie,	
Baris	18 baris	
Perkataan	Terdiri daripada 3 hingga 11 perkataan	
Ayat	18 baris ayat	

Jadual 4.20 menunjukkan elemen bait dalam puisi *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa*. Dapatan kajian menunjukkan *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa* yang memiliki 18 baris ayat. Satu baris memiliki tiga patah perkataan, enam baris terdiri daripada empat patah perkataan, enam baris memiliki lima patah perkataan, empat baris mengandungi enam patah perkataan dan satu baris mempunyai lapan patah perkataan. Keseluruhan struktur puisi *ramban* ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu prolog, isi dan epilog. Elemen prolog dari baris pertama hingga kedua yang menjadi pengenalan kepada puisi ini. Ini diikuti oleh bahagian isi dari baris ketiga hingga ke-14 yang penyair menegur perbuatan anak perempuan mempunyai hubungan terlarang dengan lelaki sehingga orang tua menemukan bukti. Bahagian yang ketiga ialah elemen epilog bermula pada baris ke-15 sampai 18 yang menjadi penutup puisi dengan penyair menceritakan orang tua menjawab persoalan yang diajukan mengenai tingkah laku anak perempuan mereka yang suka keluar dengan lelaki dan sanggunp menggadaikan maruah diri.

Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa menekankan prinsip keseluruhan kerana mempunyai suatu sistem atau struktur, iaitu suatu keseluruhan yang memiliki konvensi dan tradisi tersendiri. Selain itu, setiap bait puisi *ramban* ini menerapkan prinsip perkaitan yang mana karya sastera ini memiliki suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain. Seterusnya, prinsip regulasi diri turut ditemui di dalam teks *ramban*, iaitu mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan corak yang menyebabkan terbentuknya dan keseluruhan sistem terlaksana. Prinsip atau pendekatan analisis sinkronik turut diterapkan oleh penyair yang berfokuskan kepada bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks *ramban* berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks tersebut dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 4.21

Elemen Bait Dalam Puisi Ramban Mejah Pisin Lelaki

Bait	**Struktur**	
Prolog	*Lalang kunda wa,* *Aih… Lalang kunda wa.*	Lalang kunda wa, Aih… Lalang kunda wa.
Isi	*Lain pisin atas sida Aya Pungga,* *Kena Renggan jam tangan, muak ke kiba,* *Dikena iya antin, dikumbai iya manah dipeda,*	Lain fesyen Pungga, Dipakai Renggan jam tangan, sebelah kiri, Dipakaikan dia anting, supaya tampan dilihat,
Epilog	*Tang gambar Pungga baka antu kamba* *Enda ampit pemakai!*	Tetapi muka Pungga seperti hantu Tidak dapat makanan!
Paralelisme	Lalang kunda wa, Aih… Lalang kunda wa.	
Baris	7 baris	
Perkataan	Terdiri daripada 3 hingga 7 perkataan	
Ayat	7 baris ayat	

Jadual 4.21 menunjukkan *elemen bait dalam puisi Ramban Mejah Pisin Lelaki. Ramban Mejah Pisin Lelaki* di atas dibina menggunakan tujuh baris ayat. Dua baris memiliki tiga perkataan, satu baris terdiri daripada empat patah perkataan dan tiga baris memiliki enam patah perkataan serta satu baris mengandungi tujuh patah perkataan. Puisi *ramban* ini dibentuk dengan enam hingga 17 suku kata. *Ramban Mejah Pisin Lelaki* dibentuk oleh tiga bahagian, iaitu prolog, isi dan epilog. Baris pertama hingga kedua sebagai prolog yang menjadi kata pembukaan puisi. Manakala baris ketiga hingga kelima adalah bahagian isi yang menceritakan kaum perempuan menegur fesyen kaum lelaki yang tidak sesuai dengan penampilan lelaki yang gagah kerana memakai anting-anting. Ini diikuti oleh baris keenam hingga ketujuh sebagai epilog yang mana kaum perempuan membuat gambaran keseluruhan penampilan lelaki sebagai hantu.

Ramban Mejah Pisin Lelaki menekankan prinsip keseluruhan kerana mempunyai suatu sistem atau struktur, iaitu suatu keseluruhan yang memiliki konvensi dan tradisi tersendiri. Selain itu, setiap bait puisi *ramban* ini menerapkan

prinsip perkaitan yang mana karya sastera ini memiliki suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain. Seterusnya, prinsip regulasi diri turut ditemui di dalam teks *ramban,* iaitu mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan corak yang menyebabkan terbentuknya dan keseluruhan sistem terlaksana. Prinsip atau pendekatan analisis sinkronik turut diterapkan oleh penyair yang berfokuskan kepada bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks *ramban* berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks tersebut dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 4.22

Elemen Bait Dalam Puisi Ramban Lelaki Nimban Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang

Bait	**Struktur**	
Isi	*Nyampau penusah kitai wai dara udah nunggang*	Cukup sengsara kami gadis menanti,
	Enti baka mata hari, nyau udah ngalih mang ke petang;	Jika seperti matahari, sudah beralih ke petang,
	Enti baka bulan, nyau udah keleman terang;	Jika seperti bulan, sudah beralih purnama;
	Rambau ga nadai bedau, endai sida udah belaki magang;	Sebaya masih belum, yang lain sudah bersuami semua;
	Nyampau penusah meda bala diri serumah	Cukup susah melihat rakan serumah,
	Sida Renggan udah ga nyadi apai orang,	Renggan pula sudah menjadi bapa,
	Lagi aku nguji nyarak dek Aya Janggi,	Nanti aku mencuba menceraikan kamu Janggi,
	Aku nguji berumpang kita apai orang.	Aku cuba mengoda kalian yang bapa orang.
	Buai bini tuai dek Singgai buai,	Ceraikan isteri tua kamu Singgai,
	Iya ti udah tuai amai penama Indai Jang;	Dia sudah tua yang bernama Ibu Jang;
	Aku tu mih empu dek Kedu,	Pilihlah aku Kedu,
	Ila aku mayar tunggu ukum adat butang;	Nanti aku bayar denda hukum berzina;
Epilog	*Anang mih Jang dek kakang,*	Usahlah Jang ragu-ragu,
	Nya baru aku ila senang begulai enggau dek Singgai.	Nanti di kemudian hari bahagia bersama dengan kamu Singgai

Bait	Struktur
Baris	14 baris
Perkataan	Terdiri daripada 5 hingga 10 perkataan
Ayat	14 baris ayat

Jadual 4.22 menunjukkan elemen bait dalam puisi *Ramban Lelaki Nimban Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang*. Struktur bait *Ramban Lelaki Nimban Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang* mengandungi 14 baris. Satu baris mempunyai lima patah perkataan, empat baris dibentuk dengan enam patah perkataan, lima baris mengandungi tujuh patah perkataan, satu baris memiliki lapan patah perkataan, dua baris dibentuk dengan sembilan patah perkataan dan satu baris memiliki 10 patah perkataan. Puisi *ramban* ini berbeza dengan puisi ramban yang sebelumnya kerana tidak mempunyai struktur prolog. Penyair lebih menekankan struktur isi dan epilog bagi keseluruhan struktur teks puisi ramban ini. Elemen isi terdapat dalam baris satu hingga 12 menceritakan kaum perempuan yang masih belum bersuami dan cuba merosakkan hubungan orang lain. Walaupun sudah berusia, tetapi kaum perempuan tersebut masih belum berkahwin berbanding dengan rakan sekampung yang lain sudah bersuami dan beristeri. Baris ke-13 hingga ke-14 adalah bahagian epilog iaitu ungkapan penutup atau rumusan keseluruhan struktur puisi *ramban* ini. Dalam bahagian epilog ini, kaum perempuan tersebut cuba mengambil hati kaum lelaki agar dapat berkahwin dengannya untuk meneruskan kehidupan yang bahagia.

Ramban Lelaki Nimban Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang menekankan prinsip keseluruhan kerana mempunyai suatu sistem atau struktur, iaitu suatu keseluruhan yang memiliki konvensi dan tradisi tersendiri. Selain itu, setiap bait puisi *ramban* ini menerapkan prinsip perkaitan yang mana karya sastera ini memiliki suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain. Seterusnya, prinsip regulasi diri turut ditemui di dalam teks *ramban*, iaitu mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan corak yang menyebabkan terbentuknya dan keseluruhan sistem terlaksana.

Prinsip atau pendekatan analisis sinkronik turut diterapkan oleh penyair yang berfokuskan kepada bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks *ramban* berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks tersebut dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 4.23

Elemen Bait Dalam Puisi Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya

Bait	**Struktur**	
Prolog	*Takang ga enda wa,* *Endai takang da enda wa.*	Takang ga enda wa, Endai takang da enda wa.
Isi	*Nuan anggat udah ngayap, nyampau pengelama-lama,* *Ngumbai diri deka berandau enggau sida apai,* *Dek lalu ke beempai-empai, lalu beenda-enda.* *Anang ngeduan kami aja dek Renggan,*	Kamu mengunjugi si dara setelah sekian lama, Beranggapan ingin berbincang dengan bapa, Tapi belum lagi, lalu bertidak-tidak Jangan mengajuk kami Renggan,
	Anang bejera kami aja dek Bujang Pungga, *Ngajih ke dek pulai ila Bujang Singgai,* *Ngejang penyambang kaki tangga ila,* *Dek pantuk ular ila, diipa sawa,* *Nganti dek ila Janggi mandi,* *Ngajih ke dek diempa jagu, dipakai baya mata',* *Kati ke aku mali enda bejaku munyi tu,* *Nyumpah dek kelalu iga,* *Laban aku tu udah jera,* *Anak tuai suba, Singgai, nadai apai.*	Jangan menyerikkan kami Bujang Pungga, Berharap kamu balik nanti Bujang Singgai, Menuruni kaki tangga nanti, Kamu kena patuk ular, ditunggu oleh sawa Menunggu kamu nanti Janggi mandi, Berharap kamu dimakan buaya, dimakan buaya mentah, Bagaimana aku tidak bersuara sedemikian, Menyumpah seranah dengan keterlaluan, Sebab aku sudah serik, Anak sulung dahulu, Singgai, tiada bapa.
Epilog	*Takang ga sa indai,* *Belubah-lubah mih dek Singgai pulai.*	Takang ga sa indai, Berhati-hatilah balik Singgai.

Bait	Struktur
Paralelisme	Takang ga enda wa, Endai takang da enda wa.
Baris	18 baris
Perkataan	Terdiri daripada 4 hingga 8 perkataan
Ayat	18 baris ayat

Jadual 4.23 menunjukkan elemen bait dalam puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya*. Puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya* mengandungi 18 baris. Tiga baris mempunyai empat patah perkataan, lima baris dibentuk dengan lima patah perkataan, lima baris memiliki enam patah perkataan, tiga baris mempunyai tujuh patah perkataan dan dua baris dibentuk dengan lapan patah perkataan serta mengandungi antara enam hingga 16 suku kata. Puisi *ramban* ini memiliki elemen prolog, isi dan epilog dalam strukturnya. Elemen prolog ditunjukkan dalam baris satu hingga dua sebagai kata-kata pengenalan kepada puisi supaya pendengar dapat memberikan perhatian kepada siapa puisi *ramban* didendangkan. Seterusnya diikuti bahagian isi dari baris tiga hingga 16 yang menceritakan kaum perempuan sentiasa mengungkit janji-janji kaum lelaki yang tiada kesudahan untuk menjadikannya kekasih hati. Oleh itu kaum perempuan tersebut mengungkapkan kata-kata kasar menyindir dan menyumpah kaum lelaki tersebut.

Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya menekankan prinsip keseluruhan kerana mempunyai suatu sistem atau struktur, iaitu suatu keseluruhan yang memiliki konvensi dan tradisi tersendiri. Selain itu, setiap bait puisi *ramban* ini menerapkan prinsip perkaitan yang mana karya sastera ini memiliki suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain. Seterusnya, prinsip regulasi diri turut ditemui di dalam teks *ramban*, iaitu mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan corak yang menyebabkan terbentuknya dan keseluruhan sistem terlaksana. Prinsip atau pendekatan analisis sinkronik turut diterapkan oleh penyair yang

berfokuskan kepada bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks *ramban* berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks tersebut dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 4.24

Elemen Bait Dalam Puisi Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki

Bait	**Struktur**	
Prolog	*Kajang kunda wa,* *Aih, kajang kunda wa.*	Kajang kunda wa, Aih, kajang kunda wa.
Isi	*Ninga ga kita laki,* *Enti bekuli anang lama.* *Enti embih sain,* *Kita badu minta.* *Kita lelaki nyamai mati,* *Chukup bulan kita terima.* *Gaji diberi kumpani,* *Dini nya alah tunda kita,* *Kami indu ti ditu,* *Aih, chukup pemerinsa,* *Anak bekeriak nyabak,* *Aih, apai sida nadai ngema.* *Enti maya deka makai,*	Dengarlah kalian yang lelaki, Kalau bekerja jangan terlalu lama. Kalau habis kontrak, Kalian berhentilah kerja. Kalian lelaki terlalu senang, Cukup bulan kalian terima. Gaji diberi syarikat, Memang sentiasa ada untuk kalian, Kami kaum perempuan yang di sini, Aih, cukup sengsara, Anak menangis teresak-esak, Aih, bapa kalian tiada menggendong. Kalau hendak makan,
	Lauk nadai, ga nadai apai ngiga. *Enti iya deka mandi,* *Paip bisi, nadai apai muka.*	Lauk tiada, tiada bapa yang mencari. Kalau hendak mandi, Paip ada, bapa tiada membuka.
Epilog	*Pemadu pemerinsa-rinsa,* *Kami ngibun anak udah nadai apai.*	Cukup sengsara, Kami menjaga anak yang tiada bapa.
Paralelisme	*Kajang kunda wa,* *Aih, kajang kunda wa.*	
Baris	20 baris	
Perkataan	Terdiri daripada 3 hingga 6 perkataan	
Ayat	20 baris ayat	

Jadual 4.24 menunjukkan elemen bait dalam puisi *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki*. Dari aspek bait, puisi ramban ini dibina dengan menggunakan 20 baris. Tujuh baris memiliki tiga patah perkataan, lapan baris mengandungi empat patah perkataan, tiga baris terdiri daripada lima patah perkataan dan dua baris memiliki daripada enam patah perkataan serta puisi ramban ini terbentuk daripada lima hingga 12 suku kata. *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki* terdiri daripada tiga bahagian yang terbahagi kepada prolog, isi dan epilog. Prolog terdiri daripada baris pertama hingga kedua iaitu kaum perempuan tersebut yang menyanyikan puisi ini meminta perhatian kaum lelaki atau suaminya untuk mendengar rintihan hatinya. Manakala baris ke-3 hingga 18 adalah mengenai isi hati yang disuarakan oleh seorang isteri ditinggalkan oleh suami untuk mencari rezeki. Namun suami tersebut telah mempunyai kehidupan yang senang tanpa memikirkan keperluan anak dan isteri. Oleh itu, isteri tersebut menceritakan segala kesusahan dan rintihan yang dirasai apabila berjauhan dengan suami. Aspek penutup atau epilog terdiri dari baris ke-19 hingga 20 yang menceritakan isteri tidak dapat memendam rasa dengan ketiadaan seorang suami untuk menjaga anak tanpa keperluan seperti duit ringgit dan kasih sayang yang mencukupi.

Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki menekankan prinsip keseluruhan kerana mempunyai suatu sistem atau struktur, iaitu suatu keseluruhan yang memiliki konvensi dan tradisi tersendiri. Selain itu, setiap bait puisi *ramban* ini menerapkan prinsip perkaitan yang mana karya sastera ini memiliki suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain. Seterusnya, prinsip regulasi diri turut ditemui di dalam teks *ramban*, iaitu mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan corak yang menyebabkan terbentuknya dan keseluruhan sistem terlaksana. Prinsip atau pendekatan analisis sinkronik turut diterapkan oleh penyair yang berfokuskan kepada bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks ramban berhubung antara satu sama

lain dan bagaimana teks tersebut dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 4.25

Elemen Bait Dalam Puisi Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta

Bait	**Struktur**	
Prolog	*Ngajat … aku enda jaga,* *Aih ngajat kunda jaga.*	Ngajat … aku enda jaga, Aih ngajat kunda jaga.
Isi	*Lain aih patisin sida dara ga maya dia.* *Mulut Jawai da enselup,*	Berbeza sungguh fesyen kaum perempuan sekarang. Mulut Jawai bergincu,
	Endai, mua Jawai udu dipuda, *Buk Jawai da karan, nyau enda temu gaya,* *Guntin pandak endai, nunda kera rasung Belanda,* *Kenaka baju tusu, baju jarang enda temu gaya* *Pasukka tanchut bangat sendat,* *Ngambi ke berupai amai dipeda Laja,* *Kenaka kasut tinggi,* *Pejalai kuit-kuit enda temu tunga,* *Mansa sida Singgai endai wai kepai* *Lali kijap, aih, ka mata.* *Enda ngelala, mua baka engkeramba,* *Manah agi pentik da tisi jalai…*	Endai, muka Jawai terlalu dibedak, Rambut Jawai lurus, seolah tiada rupa, Digunting pendek, seperti kera Belanda, Dipakaikan baju dalam, baju seksi tiada rupa Dipakaikan seluar terlalu ketat, Agar Laja melihat tergoda, Dipakaikan kasut tinggi, Berjalan seperti tiada arah tuju, Berselisih dengan Singgai lalu dilambai Kelipkan mata. Tidak mengenali, muka seperti patung, Cantik lagi patung kecil di tepi jalan…
Epilog	*Ngajat ma sida indai* *Naka penyayau aku meda dek Singgai…*	Menarilah kalian ibu Begitu sayang aku melihat mu Singgai…
Paralelisme	*Ngajat … aku enda jaga,* *Aih ngajat kunda jaga.*	
Baris	18 baris	
Perkataan	Terdiri daripada 3 hingga 8 perkataan	
Ayat	18 baris ayat	

Jadual 4.25 menunjukkan elemen bait dalam puisi *Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta*. Dari aspek bait, *Ramban Ngerara Indu Kelalu Nganta* dibina menggunakan 18 baris. Satu baris memiliki tiga patah perkataan, lima baris mempunyai empat patah perkataan, empat baris terdiri daripada lima patah perkataan, empat baris memiliki enam patah perkataan, satu baris mempunyai tujuh patah perkataan dan tiga baris diwakili oleh lapan patah perkataan serta terdiri daripada enam hingga 17 suku kata. Puisi *ramban* ini masih dibentuk oleh tiga bahagian, iaitu prolog, isi dan epilog. Baris pertama dan kedua sebagai prolog yang menjadi kata pembukaan dalam puisi *ramban*. Manakala baris ketiga hingga 16 adalah bahagian isi dan diikuti oleh baris 17 hingga 18 sebagai epilog yang menutup puisi sebelum penyair mengundur diri.

Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta menekankan prinsip keseluruhan kerana mempunyai suatu sistem atau struktur, iaitu suatu keseluruhan yang memiliki konvensi dan tradisi tersendiri. Selain itu, setiap bait puisi ramban ini menerapkan prinsip perkaitan yang mana karya sastera ini memiliki suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain. Seterusnya, prinsip regulasi diri turut ditemui di dalam teks *ramban*, iaitu mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan corak yang menyebabkan terbentuknya dan keseluruhan sistem terlaksana. Prinsip atau pendekatan analisis sinkronik turut diterapkan oleh penyair yang berfokuskan kepada bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks *ramban* berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks tersebut dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 4.26

Elemen Bait Dalam Puisi Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa

Bait	Struktur	
Prolog	*Sungai dek kunda wa,* *Aih sungai dek kunda wa.*	Sungai dek kunda wa, Aih sungai dek kunda wa.
Isi	*"Ninga dek Wai Nangi"* *"Endai nama ku dek Wai Kaba?"* *"Sapa temuai da puting ga setak nya,* *Ngema sintung, endai nyandik ga anak raga?* *Aram tua Wai Nangi, endai, nguji ngabas ngapa,* *Nyangka indai sida Pungga,* *Mansang nanya, aih, kitai wai."* *Datai Jawai lalu nanya indai Pungga,* *"Nama pejalai, endai, kita ibu,* *Enti kita ngiga uduk, engkami nadai, endai siku aja;* *Enti kita ngiga indu, aku enggau! Endai, aku ka!*	"Dengarlah Wai Nangi' "Eh apa yang hendak kamu katakan Wai Kaba?" "Siapa tetamu yang berkunjung di hujung sana, Membawa sintung, eh menyandang lagi raga? Marilah Wai Nangi, eh, cuba menjenguk sekejap, Mungkin ibu Pungga, Marilah bertanya, aih, kita semua." Jawai terus menyapa ibu Pungga, "Apa tujuan ke mari, eh, kalian ibu, Kalau hendak mencari anjing, kami tiada, eh seekor ada; Kalau hendak mencari gadis, aku ikut! Eh, aku nak!
	Anak dek ibu enda ibuh, aih, ditanya. *Enti aku datai, endai, iya ga tentu ka."* *"Ukai kami endu, ukai,* *Endai, kami ga ngiga manuk ke Gawai Dayak,* *Ngiga telu, endai, nadai ke dikena."* *Pulai Jawai lalu nyumpah indai Pungga,*	Anak kamu ibu tak perlu, aih, ditanya. Kalau aku datang, eh, tentu dia nak." "Bukan kami endu, bukan, Eh, kami mencari ayam untuk perayaan Gawai Dayak, Mencari telur, eh, untuk diguna." Balik Jawai terus menyumpah ibu Pungga,
Epilog	*"Ninga dek wai Nangi?* *Endai, ninga mih dek wai Kaba?* *Enti indai Jamu kitu,* *Seduai iya apai Pungga,* *Enahka makai, endai sungkitka asi mata,* *Enahka garam aja,* *Enggau bejera sida indai Singgai."*	"Dengar wai Nangi? Eh, dengar wai Kaba? Kalau ibu Jamu kemari, Bersama ayah Pungga, Hidanglah makanan, eh berilah nasi mentah, Hidangkan garam, Untuk menyerikkan ibu Singgai."
Paralelisme	*Sungai dek kunda wa,*	

Bait	Struktur
	Aih sungai dek kunda wa.
Baris	26 baris
Perkataan	Terdiri daripada 3 hingga 9 perkataan
Ayat	26 baris ayat

Jadual 4.26 menunjukkan elemen bait dalam puisi *Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa*. Dari aspek bait, puisi *ramban* ini dibentuk dengan menggunakan 26 baris. Satu baris memiliki tiga patah perkataan, tujuh baris mempunyai empat patah perkataan, empat baris terdiri daripada lima patah perkataan, enam baris memiliki enam patah perkataan, tiga baris dibentuk tujuh patah perkataan serta tiga baris dan dua baris masing-masing mempunyai lapan patah perkataan dan sembilan patah perkataan. *Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa* ini terdiri daripada tiga bahagian yang terbahagi kepada prolog, isi dan epilog. Prolog terdiri daripada baris pertama hingga kedua, isi dalam baris ketiga hingga 19 dan epilog terbentuk dalam baris 20 hingga 26 iaitu penutup yang menceritakan gadis tersebut kecewa dan berasa tidak puas hati dengan layanan apabila dia menyapa serta bertanya kepada tetamu yang datang berkunjung ke rumah panjang mereka.

Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa menekankan prinsip keseluruhan kerana mempunyai suatu sistem atau struktur, iaitu suatu keseluruhan yang memiliki konvensi dan tradisi tersendiri. Selain itu, setiap bait puisi *ramban* ini menerapkan prinsip perkaitan yang mana karya sastera ini memiliki suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain. Seterusnya, prinsip regulasi diri turut ditemui di dalam teks *ramban*, iaitu mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan corak yang menyebabkan terbentuknya dan keseluruhan sistem terlaksana. Prinsip atau pendekatan analisis sinkronik turut diterapkan oleh penyair yang berfokuskan kepada bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks ramban berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks tersebut dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

4.2.3 Struktur Elemen Prosodi Puisi *Ramban* dalam Buku *Leka Main Asal Iban* Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983)

Dapatan kajian mengenai elemen prosodi dalam puisi-puisi *ramban* dianalisis melalui kaedah de Saussure (1983). Pemprosesan dan pengkategorian data teks tersebut memperincikan elemen jeda, rima, disfemisme, eufemisme dan emotif yang terdapat dalam puisi *ramban*.

Jadual 4.27

Elemen Prosodi Dalam Puisi Ramban Nanyaka Pejalai

Prosodi	Struktur	
Rima	*Kajang kunda wa,* *Kajang kunda wa,* *Nama pejalai seduai mega Tuntung, Pungga?* *Enti mega bisi, anang malu dek nanya,* *Nyangka bisi utai ga deka digaga kita,* *Enti mega bisi, anang malu ga nuan nanya,* *Enti aku bisi, lagi meri, enti nadai, ga aku enda,* *Anang seduai Pungga* *Malu madahka pejalai seduai tu datai.*	Kajang kunda wa, Kajang kunda wa, Apa tujuan perjalanan kalian Tuntung, Pungga? Kalau ada, jangan malu bertanya, Mungkin ada sesuatu yang ingin diperlukan oleh kalian semua, Kalau ada, jangan malu bertanya, Kalau ada, nanti beri, kalau tiada, tiadalah memberi, Jangan kedua-dua Pungga Malu memberitahu tujuan kalian berdua datang.
	Kajang sa apai, *Kati bela gerai kita menua,* *kajang…*	Kajang sa bapa, Bagaimana khabar kalian di kampung, Kajang…
Jeda	*Nama pejalai seduai mega Tuntung, Pungga?* *Enti mega bisi, anang malu deka nanya,* *Nyangka bisi utai ga deka digaga kita,* *Enti mega bisi, anang malu ga nuan nanya,* *Enti aku bisi, lagi meri, enti nadai, ga aku enda,*	Apa tujuan perjalanan kalian Tuntung, Pungga? Kalau ada, jangan malu bertanya, Mungkin ada sesuatu yang ingin dilakukan oleh kalian semua, Kalau ada, jangan malu bertanya, Kalau ada, nanti beri, kalau tiada, tiadalah memberi,

Jadual 4.27 menunjukkan elemen prosodi dalam puisi *Ramban Nanyaka Pejalai.* Dapatan elemen prosodi dalam puisi *Ramban Nanyaka Pejalai* memperlihatkan elemen rima akhir puisi ini menekankan bunyi ‘a’ iaitu petikan baris satu hingga lapan manakala bunyi ‘i’ di baris sembilan dan 10 serta bunyi rima akhir untuk menutup puisi ramban ini, iaitu ‘g’. *Ramban* ini turut menunjukkan elemen jeda yang mana terdapat hentian bagi ayat yang mengandungi tanda koma apabila puisi ini didendangkan. Ini dapat dilihat dalam baris ayat seperti *Enti mega bisi, anang malu deka nanya* yang ditandakan dengan tanda koma untuk mewujudkan rentak pada puisi yang membawa keindahan alunan puisi *ramban* ini.

Dapatan menunjukkan *Ramban Nanyaka Pejalai* menerapkan prinsip keseluruhan dan perkaitan. Hal ini dapat dikenal pasti melalui keseluruhan teks puisi *ramban* yang mementingkan keseluruhan unsur atau elemen dan hubungkait sistem struktur yang ada dalam teks. Selain itu, elemen rima yang di setiap baris ayat memaparkan prinsip regulasi diri yang mana teks *ramban* mementingkan aturan kesusasteraan dan corak yang menjadi pelengkap kepada struktur itu sendiri. Analisis sinkronik yang ditekankan dalam penggunaan rima dan jeda memperlihatkan perhubungan antara satu sama lain dalam karya yang menunjukkan bagaimana unsur-unsur ini bekerjasama dan akhirnya terhasil sebuah puisi *ramban* yang padu.

Jadual 4.28

Elemen Prosodi Dalam Puisi Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula

Prosodi	Struktur	
Rima	*Kajang kunda wu, kajang kunda wu*	Kajang kunda wu, kajang kunda wu
	Dinga kita kumang mereti, kita ti enggai tuyu,	Dengarlah dewi cantik yang memahami, kalian yang tidak nakal,
	Dinga kita anak asi, bala kita	Dengarlah anak yang dikasihi,

Prosodi	Struktur	
	ti anak indu,	kalian yang anak perempuan,
	Dinga bala kita ti tengan besekula,	Dengarlah kalian yang masih bersekolah,
	Ti deka belajar enggai badu-badu	Yang sentiasa belajar bersungguh-sungguh
	Enti pagila sekula, malam tu gaga kereja rumah,	Kalau esok bersekolah, malam ini buatlah kerja rumah,
	Anang tak bangat mayuh jaku,	Janganlah banyak bercakap,
	Maya belajar dalam kelas, runding anang aja kin kitu,	Bila di dalam kelas, fikiran jangan melayang,
	Enti orang agi bisi nundi, diau diri, anang mega dek sinu,	Kalau ada orang yang menganggu, kawal diri, tapi jangan bersedih,
	Enti orang lelaki ngirum surat,	Kalau ada lelaki yang mengirim surat,
	Bacha jampat lalu terus tunu,	Baca cepat dan terus bakar,
	Enti lelaki ngirum SMS, padah ke iya salah send,	Kalau ada lelaki mengirim SMS, beritahu dia salah kirim,
	Padahka nya salah tuju,	Beritahulah dia salah orang,
	Enti iya mai nuan pansut malam,	Kalau dia mengajak kamu keluar malam,
	Padahka nuan takut ke antu,	Beritahulah dia yang kamu takut dengan hantu,
	Enti iya mai nuan raun ke Kuching,	Kalau dia mengajak kamu pergi melancong ke Kuching,
	Padahka dek ka ke Bintulu,	Beritahulah dia yang kamu hendak ke Bintulu,
	Endai, enti iya mai nuan raun ke Miri,	Kalau dia mengajak kamu melancong ke Miri,
	Padahka nuan deka ke Sibu,	Beritahulah dia yang kamu hendak ke Sibu,
	Enti sema iya agi nundi, anang enda madah ngagai cikgu,	Kalau dia masih menganggu, jangan lupa beritahu kepada guru,
	Tau ngasuh apai dek madah ngagai tuai rumah,	Suruhlah bapa kamu beritahu kepada ketua kampung,
	Tau ngasuh indai nawa ngagai pemancha,	Suruhlah ibu kamu mendakwa kepada pemancha,
	Tau ngasuh aki nusi ngagai YB Jimmy,	Suruhlah datuk kamu beritahu kepada YB Jimmy,
	Tau ngasuh ini ngereput ngagai penghulu,	Suruhlah nenek kamu membuat laporan kepada penghulu,
	Nya baru nuan nyadi indu	Ini barulah kamu menjadi

Prosodi	Struktur	
	Iban ke teladan,	perempuan Iban yang menjadi contoh,
	Ari Sematan, nyentuk ke Lawas datai ke Ulu Teru,	Dari Sematan hingga ke Lawas dan sampai ke Ulu Teru,
	Nya baru tau digelar Dara Numur Satu,	Ini barulah kamu diberi gelaran gadis nombor satu,
	Tampun puji berari manah perangai…	Sentiasa dipuji budi bahasa
	Mupuk mih ku sida indai,	Pergilah aku duhai ibu,
	Anang lama mih dek singgai bejalai,	Janganlah lama pergi meninggalkan kami,
	Kami enda betah ditinggalka dek mupuk	Kami sentiasa merindui kamu yang pergi jauh
Jeda	*Maya belajar dalam kelas, runding anang aja kin kitu,*	Bila di dalam kelas, fikiran jangan melayang,
	Enti orang agi bisi nundi, diau diri, anang mega dek sinu,	Kalau ada orang yang menganggu, kawal diri, tapi jangan bersedih,
Eufemisme	*Mupuk mih ku sida indai,*	Pergilah aku duhai ibu,
	Anang lama mih dek singgai bejalai,	Janganlah lama pergi meninggalkan kami,
Emotif	*Kami enda betah ditinggalka dek mupuk*	Kami sentiasa merindui kamu yang pergi jauh

Jadual 4.28 menunjukkan elemen prosodi dalam puisi *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula. Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula* memiliki bunyi yang berakhir dengan ‘u’ kecuali empat belas baris, iaitu baris 5, 11, 12, 14, 16, 18, 21, 22, 23, 25, 28, 29, 30 dan 31 yang diakhiri dengan rima berbunyi ‘a’, ‘h’, ‘t’, ‘m’, ‘n’, ‘k’ dan ‘i’. Manakala dari aspek jeda, puisi *ramban* ini memiliki jeda untuk mengindahkan alunan atau rentak apabila dilagukan. Tambahan itu, elemen emotif turut terdapat dalam epilog bagi menggambarkan emosi atau perasaan kedua-dua orang tua yang sentiasa merindui anak perempuan mereka yang jauh di perantauan untuk tujuan belajar.

Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula menekankan prinsip keseluruhan untuk menghasilkan sebuah puisi yang memiliki konvensi dan tradisi tersendiri dalam karya sastera masyarakat Iban. Penggunaan suatu gagasan atau unsur rima yang

saling berkait antara satu sama lain menunjukkan puisi *ramban* menerapkan prinsip perkaitan. Tambahan itu, penggunaan rima dan jeda dalam puisi *ramban* menyerlahkan regulasi diri dalam teks kerana penyair mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan corak yang menyebabkan terbentuk dan keseluruhan sistem terlaksana. Elemen eufemisme dan emotif memaparkan prnsip analisis sinkronik perlu dalam sesebuah puisi *ramban* kerana pendekatan ini menumpukan perhatian kepada permasalahan bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks berhubung antara satu sama lain dan bagaimana teks dapat difahami melalui aturan-aturan kesusasteraan.

Jadual 4.29

Elemen Prosodi Dalam Puisi Ramban Indu Dara Enggai Ngibun Indai

Prosodi	**Struktur**	
Rima	*Barang… kunda uji tusah,*	Barang… kunda uji tusah,
	Barang kunda uji tusah.	Barang kunda uji tusah.
	Sangka ke senang-senang,	Ku sangkakan mudah
	Enda siti-siti utai meri tusah,	Setiap perkara menyusahkan,
	Ka enda mai sida Janggi gali,	Niat di hati ingin membawa Janggi berbaring,
	Meda tubuh diri baka ke agi manah,	Memerhati penampilan diri masih bergaya,
	Da bai ga kami sida Janggi gali, tua ka dianu sida.	Dibawa Janggi baring bersama, tapi dimarahi oleh mereka.
	Apai kami pama baik agi,	Ayah kami lebih mesra,
	Engkami indai nya pala pemangah,	Namun ibu seorang yang pemarah,
	Enti dek Keling Jamu kitu,	Kalau kamu Jamu datang,
	Enti indai nemu, iya sigi lalu ngeludah!	Kalau ibu mengetahui, dia akan meludah!
	Enti sema dek Jamu kitu,	Kalau kamu Jamu datang,
	Enti indai nemu, iya sigi lalu tak nyumpah,	Kalau ibu mengetahui, dia akan menyumpah seranah,
	Dupah aku deka ngibun dek ila indai,	Aku tak kan menjaga kamu nanti Ibu,
	Laban dek nya pala de pe… mangah!	Kerana kamu seorang yang pemarah!
	Barang … sida indai,	Barang … Ibu,
	Sebayan denjang Mandai,	Alam roh kian mendekati,

Prosodi	Struktur	
	Bai parai ma aku berang…	Bawalah aku mati…
Jeda	*Enti indai nemu, iya sigi lalu ngeludah!*	Kalau ibu mengetahui, dia akan meludah!
	Enti indai nemu, iya sigi lalu tak nyumpah,	Kalau ibu mengetahui, dia akan menyumpah seranah,
Disfemisme	*Enti indai nemu, iya sigi lalu tak nyumpah,*	Kalau ibu mengetahui, dia akan menyumpah seranah,
	Dupah aku deka ngibun dek ila indai,	Aku tak kan menjaga kamu nanti Ibu,
	Laban dek nya pala de pe… mangah!	Kerana kamu seorang yang pemarah!

Jadual 4.29 menunjukkan elemen prosodi dalam puisi *Ramban Indu Dara Enggai Ngibun Indai. Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai* mempunyai rima yang berakhir dengan ‘h’, ‘g’, ‘i’, ‘a’ dan ‘u’ serta elemen jeda yang berfokuskan kepada tanda koma di pertengahan ayat dan tanda seru di penghujung ayat. Puisi *ramban* ini turut menekankan elemen disfemisme, iaitu ungkapan kasar yang digunakan oleh anak perempuan semasa memberontak terhadap ibunya.

Dapatan ini menunjukkan *Ramban Indu Dara Enggai Ngibun Indai* menekankan prinsip keseluruhan untuk menghasilkan sebuah puisi *ramban* yang mempunyai suatu sistem atau struktur yang tersendiri. Selain itu, prinsip perkaitan dan regulasi diri dari aspek rima dan jeda yang wujud dalam setiap bait puisi *ramban* jelas menunjukkan sebuah karya yang unggul kerana mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan penyair peka terhadap perhubungan elemen dalam sesebuah karya. Analisis sinkronik turut diterapkan dalam puisi *ramban* bagi menghasilkan bait kata yang dapat memberi impak kepada pendengar untuk menilai dan memahami apa yang ingin disampaikan oleh penyair.

Jadual 4.30

Elemen Prosodi Dalam Puisi Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa

Prosodi	Struktur	
Rima	*Dulu dih kunda aie,*	Dulu dih kunda aie,
	Endai dulu… dek kunda aie,	Endai dulu… dek kunda aie,
	Di Bintulu ngintu taun baru,	Di Bintulu menyambut tahun baharu,
	Endai di Miri ga bisi rami.	Di Miri juga sungguh meriah,
	Aram kitai wai adai undur kili,	Marilah kita pergi ke hilir,
	Ngambi enda lama, dua tiga hari.	Ambil waktu yang singkat, dua tiga hari.
	Malam enggau Renggan dance,	Waktu malam bersama Renggan menari,
	Bepegai lengan, bepaut kaki.	Berpegang tangan, berpaut kaki.
	Pulai ke rumah panjai,	Balik ke rumah panjang,
	Kumang Jawai ngumbai diri tuchi,	Jawai beritahu diri masih suci,
	Badu kita endu, badu,	Berhentilah kalian gadis, berhenti,
	Kita ke jai ngemalu kami.	Kalian yang nakal memalukan kami,
	Nadai kami indai nadai,	Tiada kami Ibu tiada,
	Endai sapa, aih, tak nusi?	Siapa yang memberitahu?
	Salam, anak, enda alah salam,	Rahsia, anak, tak dapat disembunyikan,
	Orang ke bukai endai mayuh nusi ke kami,	Orang lain yang beritahu kami,
	Sebelah market babi,	Di pasar basah berjual babi,
	Endur kita anak ngalika sida Singgai.	Tempat kalian anak tidur bersama Singgai.
Jeda	*Endai sapa, aih, tak nusi?*	Siapa yang memberitahu?
	Salam, anak, enda alah salam,	Rahsia, anak, tak dapat disembunyikan,

Jadual 4.30 menunjukkan elemen prosodi dalam puisi *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa*. Keseluruhan rima akhir puisi *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa* berakhir dengan bunyi ‘i’ kecuali baris 1, 2, 3, 7, 11 dan 15 yang mempunyi bunyi ‘ie’, ‘u’ dan ‘m’. Namun bunyi ‘i’ dan ‘ie’ memiliki persamaan dalam lekuk lidah sebutan orang Iban. Ini tidak memberi impak negatif kepada nilai puitis keseluruhan puisi ini. Pada masa yang sama, dapatan kajian mengenalpasti

keseluruhan puisi *ramban* dipenuhi dengan elemen jeda untuk penjelasan makna dalam setiap ungkapan bagi mewujudkan rentak yang menarik dan bermakna.

Dapatan ini menunjukkan *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa* menerapkan beberapa prinsip untuk menghasilkan sebuah puisi yang memenuhi aspek karya sastera yang unggul, iaitu prinsip keseluruhan, perkaitan, regulasi diri dan analisis sinkronik. Melalui prinsip yang ditekankan dalam menghasilkan puisi *ramban* jelas menunjukkan penyair mementingkan aspek struktur dan hubungkait sistem struktur yang ada dalam teks. Tambahan itu, penerapan pendekatan ini dalam puisi *ramban* menjadi dasar membentuk makna teks yang saling berkait dan memberikan kepelbagaian dalam sesebuah karya.

Jadual 4.31

Elemen Prosodi Dalam Puisi Ramban Mejah Pisin Lelaki

Prosodi	**Struktur**	
Rima	*Lalang kunda wa,* *Aih… Lalang kunda wa.* *Lain pisin atas sida Aya Pungga,*	Lalang kunda wa, Aih… Lalang kunda wa. Lain fesyen Pungga,
	Kena Renggan jam tangan, muak ke kiba, *Dikena iya antin, dikumbai iya manah dipeda,* *Tang gambar Pungga baka antu kamba* *Enda ampit pemakai!*	Dipakai Renggan jam tangan, sebelah kiri, Dipakaikan dia anting, supaya tampan dilihat, Tetapi muka Pungga seperti hantu Tidak dapat makanan!
Jeda	*Kena Renggan jam tangan, muak ke kiba,* *Dikena iya antin, dikumbai iya manah dipeda,* *Enda ampit pemakai!*	Dipakai Renggan jam tangan, sebelah kiri, Dipakaikan dia anting, supaya tampan dilihat, Tidak dapat makanan!
Disfemisme	*Enda ampit pemakai!*	Tidak dapat makanan!

Jadual 4.31 menunjukkan elemen prosodi dalam puisi *Ramban Mejah Pisin Lelaki. Ramban Mejah Pisin Lelaki* mempunyai keseluruhan rima akhir puisi yang berbunyi ‘a’ kecuali baris yang terakhir mempunyai bunyi ‘i’. Manakala unsur jeda masih menjadi elemen penting dalam mengindahkan rentak dan alunan semasa puisi *ramban* ini dinyanyikan. Dapatan kajian memperlihatkan puisi ini meletakkan tanda koma (,) di pertengahan ayat dan tanda seru (!) di penghujung ayat bagi ungkapan petikan yang terakhir. Tambahan itu, petikan terakhir terkandung unsur disfemisme yang mana kaum perempuan mengungkapkan kata-kata yang kasar terhadap orang lelaki tersebut. Ini menunjukkan kaum perempuan tersebut tidak berkenan dengan penampilan kaum lelaki dengan fesyen yang berlebihan dan tidak sesuai dengan seorang lelaki yang gagah.

Dapatan menunjukkan *Ramban Mejah Pisin Lelaki* menerapkan prinsip keseluruhan dan perkaitan. Hal ini dapat dikenal pasti melalui keseluruhan teks puisi *ramban* yang mementingkan keseluruhan unsur atau elemen dan hubungkait sistem struktur yang ada dalam teks. Selain itu, elemen rima yang di setiap baris ayat memaparkan prinsip regulasi diri yang mana teks *ramban* mementingkan aturan kesusasteraan dan corak yang menjadi pelengkap kepada struktur itu sendiri. Analisis sinkronik yang ditekankan dalam penggunaan rima dan jeda memperlihatkan perhubungan antara satu sama lain dalam karya yang menunjukkan bagaimana unsur-unsur ini bekerjasama dan akhirnya terhasil sebuah puisi *ramban* yang padu.

Jadual 4.32

Elemen Prosodi Dalam Puisi Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang

Prosodi	Struktur	
Rima	*Nyampau penusah kitai wai dara udah nunggang*	Cukup sengsara kami gadis menanti,
	Enti baka mata hari, nyau udah ngalih mang ke petang;	Jika seperti matahari, sudah beralih ke petang,
	Enti baka bulan, nyau udah keleman terang;	Jika seperti bulan, sudah beralih purnama;
	Rambau ga nadai bedau, endai sida udah belaki magang;	Sebaya masih belum, yang lain sudah bersuami semua;
	Nyampau penusah meda bala diri serumah	Cukup susah melihat rakan serumah,
	Sida Renggan udah ga nyadi apai orang,	Renggan pula sudah menjadi bapa,
	Lagi aku nguji nyarak dek Aya Janggi,	Nanti aku mencuba menceraikan kamu Janggi,
	Aku nguji berumpang kita apai orang.	Aku cuba mengoda kalian yang bapa orang.
	Buai bini tuai dek Singgai buai,	Ceraikan isteri tua kamu Singgai,
	Iya ti udah tuai amai penama Indai Jang;	Dia sudah tua yang bernama Ibu Jang;
	Aku tu mih empu dek Kedu,	Pilihlah aku Kedu,
	Ila aku mayar tunggu ukum adat butang;	Nanti aku bayar denda hukum berzina;
	Anang mih Jang dek kakang,	Usahlah Jang ragu-ragu,
	Nya baru aku ila senang begulai enggau dek Singgai.	Nanti di kemudian hari bahagia bersama dengan kamu Singgai
Jeda	*Enti baka mata hari, nyau udah ngalih mang ke petang;*	Jika seperti matahari, sudah beralih ke petang,
	Enti baka bulan, nyau udah keleman terang;	Jika seperti bulan, sudah beralih purnama;

Jadual 4.32 menunjukkan elemen prosodi dalam puisi *Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang. Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang* menekankan rima akhir yang berakhir dengan rima ‘g’, ‘h’, ‘i’ dan ‘u’. Unsur jeda dapat dilihat dengan merujuk tanda koma dan sebahagian baris tidak

mempunyai tanda koma turut memiliki hentian atau jeda di pertengahan ayat setiap baris ayat.

Dapatan unsur rima akhir dan jeda yang mendasari keseluruhan puisi *ramban* jelas menunjukkan hubungan antara setiap unsur memiliki susunan bahasa yang menarik, indah dan memiliki ciri kehalusan budi pekerti penuturnya. Sehubungan itu, penelitian penggunaan jeda memberi pengertian yang bermakna kepada pendengar untuk menilai atau mentafsir apa yang disampaikan oleh penyair. Elemen rima dan jeda yang terdapat di setiap baris ayat memaparkan prinsip regulasi diri yang mana teks *ramban* mementingkan aturan kesusasteraan dan corak yang menjadi pelengkap kepada struktur itu sendiri. Oleh itu, penggunaan hubungkait sistem struktur dalam teks dengan memberi penekanan terhadap prinsip keseluruhan dan perkaitan berperanan penting kerana dapat mengaitkan elemen pemikiran, kognisi dan emosi pendengar untuk memahami perkara yang disampaikan oleh penyair.

Jadual 4.33

Elemen Prosodi Dalam Puisi Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya

Prosodi	Struktur	
Rima	*Takang ga enda wa,* *Endai takang da enda wa.* *Nuan anggat udah ngayap, nyampau pengelama-lama,* *Ngumbai diri deka berandau enggau sida apai,*	Takang ga enda wa, Endai takang da enda wa. Kamu mengunjugi si dara setelah sekian lama, Beranggapan ingin berbincang dengan bapa,
	Dek lalu ke beempai-empai, lalu beenda-enda. *Anang ngeduan kami aja dek Renggan,* *Anang bejera kami aja dek Bujang Pungga,* *Ngajih ke dek pulai ila*	Tapi belum lagi, lalu bertidak-tidak Jangan mengajuk kami Renggan, Jangan menyerikkan kami Bujang Pungga, Berharap kamu balik nanti

Prosodi	Struktur	
	Bujang Singgai,	Bujang Singgai,
	Ngejang penyambang kaki tangga ila,	Menuruni kaki tangga nanti,
	Dek pantuk ular ila, diipa sawa,	Kamu kena patuk ular, ditunggu oleh sawa
	Nganti dek ila Janggi mandi,	Menunggu kamu nanti Janggi mandi,
	Ngajih ke dek diempa jagu, dipakai baya mata',	Berharap kamu dimakan buaya, dimakan buaya mentah,
	Kati ke aku mali enda bejaku munyi tu,	Bagaimana aku tidak bersuara sedemikian,
	Nyumpah dek kelalu iga,	Menyumpah seranah dengan keterlaluan,
	Laban aku tu udah jera,	Sebab aku sudah serik,
	Anak tuai suba, Singgai, nadai apai.	Anak sulung dahulu, Singgai, tiada bapa.
	Takang ga sa indai,	Takang ga sa indai,
	Belubah-lubah mih dek Singgai pulai.	Berhati-hatilah balik Singgai.
Jeda	*Dek pantuk ular ila, diipa sawa,*	Kamu kena patuk ular, ditunggu oleh sawa
	Nganti dek ila Janggi mandi,	Menunggu kamu nanti Janggi mandi,
Disfemisme	*Ngejang penyambang kaki tangga ila,*	Menuruni kaki tangga nanti,
	Dek pantuk ular ila, diipa sawa,	Kamu kena patuk ular, ditunggu oleh sawa
	Nganti dek ila Janggi mandi,	Menunggu kamu nanti Janggi mandi,
	Ngajih ke dek diempa jagu, dipakai baya mata',	Berharap kamu dimakan buaya, dimakan buaya mentah,

Jadual 4.33 menunjukkan elemen prosodi dalam puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya. Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya* mempunyai rima akhir yang berakhir dengan bunyi 'a', 'i', 'n' dan 'u'. Bagi elemen jeda, *ramban* ini sama seperti puisi *ramban* sebelumnya, iaitu elemen jeda ditekankan untuk tujuan pembahagian makna supaya jelas dan juga menimbulkan rentak. *Ramban* ini turut mengandungi unsur disfemisme yang

menjelaskan konotasi tidak sopan namun ia bertujuan untuk menguatkan sesuatu maksud, meluahkan kekecewaan, kemarahan dan emosi lain. Dalam puisi *ramban* ini, kaum perempuan telah meluahkan segala kekecewaan dan kemarahan kepada kaum lelaki dengan mengeluarkan kata-kata kasar.

Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya menerapkan prinsip keseluruhan dan perkaitan. Hal ini dapat dikenal pasti melalui keseluruhan teks puisi *ramban* yang mementingkan keseluruhan unsur atau elemen dan hubungkait sistem struktur yang ada dalam teks. Selain itu, elemen rima yang di setiap baris ayat memaparkan prinsip regulasi diri yang mana teks *ramban* mementingkan aturan kesusasteraan dan corak yang menjadi pelengkap kepada struktur itu sendiri. Analisis sinkronik yang ditekankan dalam penggunaan rima dan jeda memperlihatkan perhubungan antara satu sama lain dalam karya yang menunjukkan bagaimana unsur-unsur ini bekerjasama dan akhirnya terhasil sebuah puisi *ramban* yang padu.

Jadual 4.34

Elemen Prosodi Dalam Puisi Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa

Prosodi	**Struktur**	
Rima	*Sungai dek kunda wa,* *Aih sungai dek kunda wa.* *“Ninga dek Wai Nangi”* *“Endai nama ku dek Wai Kaba?”* *“Sapa temuai da puting ga setak nya,* *Ngema sintung, endai nyandik ga anak raga?*	Sungai dek kunda wa, Aih sungai dek kunda wa. “Dengarlah Wai Nangi’ “Eh apa yang hendak kamu katakan Wai Kaba?” “Siapa tetamu yang berkunjung di hujung sana, Membawa sintung, eh menyandang lagi raga?
	Aram tua Wai Nangi, endai, nguji ngabas ngapa, *Nyangka indai sida Pungga,* *Mansang nanya, aih, kitai wai.”*	Marilah Wai Nangi, eh, cuba menjenguk sekejap, Mungkin ibu Pungga, Marilah bertanya, aih, kita semua.”

Prosodi	Struktur	
	Datai Jawai lalu nanya indai Pungga,	Jawai terus menyapa ibu Pungga,
	“Nama pejalai, endai, kita ibu,	“Apa tujuan ke mari, eh, kalian ibu,
	Enti kita ngiga uduk, engkami nadai, endai siku aja;	Kalau hendak mencari anjing, kami tiada, eh seekor ada;
	Enti kita ngiga indu, aku enggau! Endai, aku ka!	Kalau hendak mencari gadis, aku ikut! Eh, aku nak!
	Anak dek ibu enda ibuh, aih, ditanya.	Anak kamu ibu tak perlu, aih, ditanya.
	Enti aku datai, endai, iya ga tentu ka.”	Kalau aku datang, eh, tentu dia nak.”
	“Ukai kami endu, ukai,	“Bukan kami endu, bukan,
	Endai, kami ga ngiga manuk ke Gawai Dayak,	Eh, kami mencari ayam untuk perayaan Gawai Dayak,
	Ngiga telu, endai, nadai ke dikena.”	Mencari telur, eh, untuk diguna.”
	Pulai Jawai lalu nyumpah indai Pungga,	Balik Jawai terus menyumpah ibu Pungga,
	“Ninga dek wai Nangi?	“Dengar wai Nangi?
	Endai, ninga mih dek wai Kaba?	Eh, dengar wai Kaba?
	Enti indai Jamu kitu,	Kalau ibu Jamu kemari,
	Seduai iya apai Pungga,	Bersama ayah Pungga,
	Enahka makai, endai sungkitka asi mata,	Hidanglah makanan, eh berilah nasi mentah,
	Enahka garam aja,	Hidangkan garam,
	Enggau bejera sida indai Singgai.”	Untuk menyerikkan ibu Singgai.”
Jeda	*Ngema sintung, endai nyandik ga anak raga?*	Membawa sintung, eh menyandang lagi raga?
	Aram tua Wai Nangi, endai, nguji ngabas ngapa,	Marilah Wai Nangi, eh, cuba menjenguk sekejap,
	Enti kita ngiga indu, aku enggau! Endai, aku ka!	Kalau hendak mencari gadis, aku ikut! Eh, aku nak!
Disfemisme	*Enahka makai, endai sungkitka asi mata,*	Hidanglah makanan, eh berilah nasi mentah,
	Enahka garam aja,	Hidangkan garam,
	Enggau bejera sida indai Singgai.”	Untuk menyerikkan ibu Singgai.”

Jadual 4.34 menunjukkan elemen prosodi dalam puisi *Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa. Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa* memiliki aspek rima yang berakhir dengan bunyi ‘a’, ‘i’ dan ‘u’. Selain itu, unsur jeda yang diterapkan di dalam puisi *ramban* seperti penggunaan tanda koma (,), tanda tanya (?) dan tanda seru (!) di pertengahan ayat dan hujung ayat telah mewujudkan rentak. Manakala bagi ungkapan yang tiada mempunyai tanda jeda namun jika dinyanyikan ia menghasilkan jeda di pertengahan ayat (/). Ia terdapat pada keseluruhan puisi yang menjadikan rentak dan hentian sementara semasa menyanyikan puisi *ramban* ini. Dalam bahagian penutup, puisi ini menekankan elemen disfemisme yang menceritakan gadis tersebut kecewa dan berasa tidak puas hati dengan layanan apabila dia menyapa serta bertanya kepada tetamu yang datang berkunjung ke rumah panjang mereka dengan mengungkapkan kata-kata yang kasar agar tetamu yang datang berkunjung tersebut serik.

Dapatan unsur rima akhir dan jeda yang mendasari keseluruhan puisi *Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa* jelas menunjukkan hubungan antara setiap unsur memiliki susunan bahasa yang menarik, indah dan memiliki ciri kehalusan budi pekerti penuturnya. Sehubungan itu, penelitian penggunaan jeda memberi pengertian yang bermakna kepada pendengar untuk menilai atau mentafsir apa yang disampaikan oleh penyair. Elemen rima yang berakhir dengan bunyi ‘a’, ‘i’, ‘u’ dan jeda seperti penggunaan tanda (,), (?) dan (!) yang terdapat di setiap baris ayat memaparkan prinsip regulasi diri. Hal ini menunjukkan teks *ramban* mementingkan aturan kesusasteraan dan corak yang menjadi pelengkap kepada struktur itu sendiri. Oleh itu, penggunaan hubungkait sistem struktur dalam teks dengan memberi penekanan terhadap prinsip keseluruhan dan perkaitan berperanan penting kerana dapat mengaitkan elemen pemikiran, kognisi dan emosi pendengar untuk memahami perkara yang disampaikan oleh penyair.

Jadual 4.35

Elemen Prosodi Dalam Puisi Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki

Prosodi	Struktur	
Rima	*Kajang kunda wa,*	Kajang kunda wa,
	Aih, kajang kunda wa.	Aih, kajang kunda wa.
	Ninga ga kita laki,	Dengarlah kalian yang lelaki,
	Enti bekuli anang lama.	Kalau bekerja jangan terlalu lama.
	Enti embih sain,	Kalau habis kontrak,
	Kita badu minta.	Kalian berhentilah kerja.
	Kita lelaki nyamai mati,	Kalian lelaki terlalu senang,
	Chukup bulan kita terima.	Cukup bulan kalian terima.
	Gaji diberi kumpani,	Gaji diberi syarikat,
	Dini nya alah tunda kita,	Memang sentiasa ada untuk kalian,
	Kami indu ti ditu,	Kami kaum perempuan yang di sini,
	Aih, chukup pemerinsa,	Aih, cukup sengsara,
	Anak bekeriak nyabak,	Anak menangis teresak-esak,
	Aih, apai sida nadai ngema.	Aih, bapa kalian tiada menggendong.
	Enti maya deka makai,	Kalau hendak makan,
	Lauk nadai, ga nadai apai ngiga.	Lauk tiada, tiada bapa yang mencari.
	Enti iya deka mandi,	Kalau hendak mandi,
	Paip bisi, nadai apai muka.	Paip ada, bapa tiada membuka.
	Pemadu pemerinsa-rinsa,	Cukup sengsara,
	Kami ngibun anak udah nadai apai.	Kami menjaga anak yang tiada bapa.
Jeda	*Aih, apai sida nadai ngema.*	Aih, bapa kalian tiada menggendong.
	Lauk nadai, ga nadai apai ngiga.	Lauk tiada, tiada bapa yang mencari.
	Enti iya / deka mandi,	Kalau hendak mandi,
	Paip bisi, nadai apai muka	Paip ada, bapa tiada membuka.
Emotif	*Pemadu pemerinsa-rinsa,*	Cukup sengsara,
	Kami ngibun anak udah nadai apai.	Kami menjaga anak yang tiada bapa.

Jadual 4.35 menunjukkan elemen prosodi dalam puisi *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki*. *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki* memiliki rima yang berakhir dengan bunyi ‘a’, ‘i’, ‘n’, ‘u’ dan ‘k’. Unsur jeda seperti penggunaan tanda koma (,) dipertengahan ayat dan sebahagian ayat yang tidak mengandungi tanda koma dapat dijadikan unsur jeda (/) untuk mewujudkan rentak. Ia terdapat pada keseluruhan puisi yang menjadikan retak irama serta hentian sementara semasa menyanyikan puisi *ramban* ini. Malahan puisi ramban ini mengandungi elemen emotif iaitu ungkapan yang menunjukkan emosi dan perasaan. Ini dapat dilihat dalam baris ke-19 dan 20 yang mengisahkan isteri tidak dapat menahan perasaan dan emosi dengan ketiadaan suami untuk menjaga makan minum dan kebajikan seorang anak.

Dapatan mengenai penggunaan elemen rima yang teratur dan penekanan unsur jeda dalam setiap baris ayat jelas menunjukkan *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki* menekankan prinsip keseluruhan dan perkaitan. Tambahan itu, *ramban* ini turut menerapkan prinsip analisis sinkronik melalui penggunaan unsur emotif oleh penyair, iaitu bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks berhubung antara satu sama lain serta mempunyai maksud yang dapat difahami oleh pendengar untuk menilainya. Oleh itu, jelas terbukti *ramban* ini mementingkan aturan-aturan kesusasteraan dan memberi perspektif yang menunjukkan masyarakat Iban mempunyai karya yang menekankan teori strukturalisme.

Jadual 4.36

Elemen Prosodi Dalam Puisi Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta

Prosodi	**Struktur**	
Rima	*Ngajat … aku enda jaga,* *Aih ngajat kunda jaga.* *Lain aih patisin sida dara ga maya dia.*	Ngajat … aku enda jaga, Aih ngajat kunda jaga. Berbeza sungguh fesyen kaum perempuan sekarang.

Prosodi	Struktur	
	Mulut Jawai da enselup,	Mulut Jawai bergincu,
	Endai, mua Jawai udu dipuda,	Endai, muka Jawai terlalu dibedak,
	Buk Jawai da karan, nyau enda temu gaya,	Rambut Jawai lurus, seolah tiada rupa,
	Guntin pandak endai, nunda kera rasung Belanda,	Digunting pendek, seperti kera Belanda,
	Kenaka baju tusu, baju jarang enda temu gaya	Dipakaikan baju dalam, baju seksi tiada rupa
	Pasukka tanchut bangat sendat,	Dipakaikan seluar terlalu ketat,
	Ngambi ke berupai amai dipeda Laja,	Agar Laja melihat tergoda,
	Kenaka kasut tinggi,	Dipakaikan kasut tinggi,
	Pejalai kuit-kuit enda temu tunga,	Berjalan seperti tiada arah tuju,
	Mansa sida Singgai endai wai kepai	Berselisih dengan Singgai lalu dilambai
	Lali kijap, aih, ka mata.	Kelipkan mata.
	Enda ngelala, mua baka engkeramba,	Tidak mengenali, muka seperti patung,
	Manah agi pentik da tisi jalai…	Cantik lagi patung kecil di tepi jalan…
	Ngajat ma sida indai	Menarilah kalian ibu
	Naka penyayau aku meda dek Singgai…	Begitu sayang aku melihat mu Singgai…
Jeda	*Lali kijap, aih, ka mata.*	Kelipkan mata.
	Enda ngelala, mua baka engkeramba,	Tidak mengenali, muka seperti patung,
Emotif	*Naka penyayau aku meda dek Singgai…*	Begitu sayang aku melihat mu Singgai…

Jadual 4.36 menunjukkan elemen prosodi dalam puisi *Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta*. *Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta* mendapati *ramban* ini mempunyai rima akhir yang diakhiri dengan bunyi ‘a’, ‘p’, ‘t’ dan ‘i’. Unsur jeda seperti penggunaan tanda koma (,) masih diterapkan oleh penyair dalam menjadikan keseluruhan puisi memiliki rentak irama serta hentian sementara ketika menyanyikan puisi ini. Tambahan itu, penyair turut menyelitkan unsur emotif, iaitu ungkapan yang menunjukkan emosi atau perasaan. Ungkapan kata *‘naka penyayau’*

yang membawamaksud sungguh cinta atau sayang memberi gambaran perasaan disampaikan oleh kaum perempuan tersebut terhadap lelaki yang disukainya.

Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta menekankan prinsip keseluruhan melalui penggunaan elemen rima akhir yang tersusun dan berhubungkait serta elemen jeda yang terdapat di setiap baris ayat puisi ramban. Hubungkait antara elemen rima dan jeda ini turut menjelaskan prinsip perkaitan yang mana pendekatan ini melihat karya sastera sebagai suatu gagasan yang saling berkait antara satu sama lain. Selain itu, penyair menyelit unsur emotif bagi memberi imaginasi dan emosi sesebuah karya kerana pendekatan analisis sinkronik menumpukan bagaimana perkataan-perkataan di dalam teks berhubungkait serta bagaimana teks dapat difahami oleh pendengar.

Jadual 4.37

Rumusan Huraian Dapatan Struktur Puisi Ramban dalam Buku Leka Main Asal Iban Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983)

Puisi *Ramban*	**Gaya Bahasa**	**Bait dan Prosodi**
Ramban Nanyaka Pejalai	simplok, metonimi, polysyndeton, anafora, asonansi, aliterasi	Terdiri daripada 11 baris ayat, setiap satu-satu baris ayat mempunyai 3 ke 10 patah perkataan. Secara terperinci, 4 baris ayat mempunyai 3 perkataan, 3 baris ayat mengandungi 6 perkataan, 2 baris ayat memiliki 7 perkataan, 2 baris ayat yang dibentuk dengan 8 perkataan dan 10 perkataan. Memiliki elemen rima yang berakhir dengan bunyi ‘a’, ‘i’ dan ‘ng’ serta jeda. Terbentuk daripada bahagian prolog, isi dan epilog.
Ramban Ngajar Indu	simplok, simile,	Terdiri daripada 32 baris iaitu dua baris mempunyai 3 patah perkataan, dua baris dibentuk 4 perkataan dan lapan baris

Puisi *Ramban*	Gaya Bahasa	Bait dan Prosodi
Ti Tengan Sekula	anafora, satira, homoioteleuton, asonansi	mengandungi 5 patah perkataan. Seterusnya, enam baris mempunyai 6 patah perkataan, tiga baris dibentuk 7 patah perkataan,
		lima baris 8 perkataan, empat baris 9 perkataan dan satu baris masing-masing mengandungi 10 perkataan dan 11 perkataan. Mempunyai unsur eufemisme, jeda dan rima yang berakhir dengan bunyi ‘a’, ‘h’, ‘t’, ‘m’, ‘n’, ‘k’ dan ‘i’. Terbentuk dariapada bahagian prolog, isi dan epilog.
Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai	anafora, satira, asonansi	Terdiri daripada 18 bari iaitu tiga baris mempunyai 3 patah perkataan, dua baris dibentuk 4 perkataan dan enam baris mengandungi 5 patah perkataan. Seterusnya, dua baris mempunyai 6 patah perkataan, tiga baris dibentuk 7 patah perkataan dan satu baris dibentuk 8 perkataan dan 11 perkataan. Manakala, dari aspek rima mempunyai bunyi yang berakhir dengan ‘ah’, ‘ng’, ‘i’, ‘a’ dan ‘u’. Memiliki unsur paralelisme, disfemisme, jeda serta terbentuk daripada bahagian prolog, isi dan epilog.
Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa	simplok, satira, sinisme, kolokasi, citra bebas, asonansi, aliterasi	Terdiri daripada 18 baris iaitu satu baris memiliki 3 patah perkataan, enam baris terdiri daripada 4 patah perkataan, enam baris memiliki 5 patah perkataan, empat baris mengandungi 6 patah perkataan dan satu baris mempunyai 8 patah perkataan. Keseluruhan rima akhir berakhir dengan bunyi ‘i’ kecuali baris 1, 2, 3, 7, 11 dan 15 yang mempunyi bunyi ‘ie’, ‘u’ dan ‘m’. Memiliki elemen jeda, prolog, isi dan epilog.
		Terdiri daripada 14 baris iaitu satu baris mempunyai 5 patah perkataan, empat baris dibentuk

Puisi *Ramban*	Gaya Bahasa	Bait dan Prosodi
Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang	anafora, kolokasi, konotasi, aliterasi, asonansi	dengan 6 patah perkataan, lima baris mengandungi 7 patah perkataan, satu baris memiliki 8 patah perkataan, dua baris dibentuk dengan 9 patah perkataan dan satu baris memiliki 10 patah perkataan. Rima akhir mempunyai bunyi yang berakhir dengan rima ‘ng’, ‘ah’, ‘ai’ dan ‘du’.
		Memiliki elemen jeda, isi dan epilog.
Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya	simplok, anafora, sinisme, responsi, epifora, polysyndeton, citra bebas, homoioteleuton, aliterasi asonansi	Terdiri daripada 18 baris iaitu tiga baris mempunyai 4 patah perkataan, lima baris dibentuk dengan 5 patah perkataan, lima baris memiliki 6 patah perkataan, tiga baris mempunyai 7 patah perkataan dan dua baris dibentuk dengan 8 patah perkataan serta mengandungi antara 6 hingga 16 suku kata. Rima akhir dalam puisi ini berakhir dengan bunyi ‘a’, ‘i’, ‘n’ dan ‘u’. Memiliki elemen disfemisme, jeda, prolog, isi dan epilog.
Ramban Mejah Pisin Lelaki	simplok, homoioteleuton, hiperbola, aliterasi, asonansi, konotasi	Terdiri daripada 7 baris iaitu dua baris memiliki 3 perkataan, satu baris terdiri daripada 4 patah perkataan dan tiga baris memiliki 6 patah perkataan serta satu baris mengandungi 7 patah perkataan. Puisi ramban ini dibentuk dengan 6 hingga 17 suku kata. Manakala hampir keseluruhan rima akhir puisi ini mempunyai bunyi ‘a’ kecuali baris
		yang terakhir mempunyai bunyi ‘i’. Memiliki elemen jeda, prolog, isi dan epilog.
Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa	simplok, polysyndeton, homoioteleuton, anafora, sinkop, kolokasi,	Terdiri daripada 26 baris iaitu satu baris memiliki 3 patah perkataan, tujuh baris mempunyai 4 patah perkataan, empat baris terdiri daripada 5 patah perkataan, enam baris memiliki 6 patah perkataan, tiga baris dibentuk 7 patah

Puisi *Ramban*	Gaya Bahasa	Bait dan Prosodi
	denotasi, asonansi, aliterasi	perkataan serta tiga baris dan dua baris masing-masing mempunyai 8 patah perkataan dan 9 patah perkataan. Manakala dari aspek rima, puisi ramban ini berakhir dengan bunyi ‘a’, ‘i’ dan ‘u’ serta memiliki 6 hingga 19 suku kata. Memiliki elemen disfemisme, jeda, prolog, isi dan epilog.
Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki	simplok, polysyndeton, anafora, konotasi, homoioteleuton, asonansi, aliterasi	Terdiri daripada 20 baris iaitu tujuh baris memiliki 3 patah perkataan, lapan baris mengandungi 4 patah perkataan, tiga baris terdiri daripada 5 patah perkataan dan dua baris
		memiliki daripada 6 patah perkataan serta puisi ramban ini terbentuk daripada 5 hingga 12 suku kata. Manakala dari aspek rima, puisi ramban ini mempunyai rima yang berakhir dengan bunyi ‘a’, ‘i’, ‘n’, ‘u’ dan ‘k’. Memiliki unsur emotif, jeda, prolog, isi dan epilog.
Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta	simplok, polysyndeton, homoioteleuton, simile, sarkasme, asonansi, aliterasi	Terdiri daripada 18 baris iaitu satu baris memiliki 3 patah perkataan, lima baris mempunyai 4 patah perkataan, empat baris terdiri daripada 5 patah perkataan, empat baris memiliki 6 patah perkataan, satu baris mempunyai 7 patah perkataan dan tiga baris diwakili oleh 8 patah perkataan serta terdiri daripada 6 hingga 17 suku kata. Rima akhir puisi ramban ini diakhiri dengan bunyi ‘a’, ‘p’, ‘t’ dan ‘i’. Memiliki unsur emotif, jeda, prolog, isi dan emotif.

Elemen gaya bahasa terdiri daripada hiperbola, asonansi, aliterasi, metonimi, anafora, simplok, satira, sinisme, sinkop, simile, homoioteleuton, konotasi, denotasi, citra bebas, kolokasi dan polysyndeton yang membentuk struktur semua puisi

ramban membuktikan bahawa puisi ini mempunyai diksi sebuah karya sastera yang unggul.

Keseluruhan bait yang terdapat dalam sepuluh buah puisi *ramban* ini dibentuk dengan elemen rima, jeda, prolog, isi dan epilog yang mengambarkan penyair teliti untuk menghasilkan karya sastera yang memenuhi elemen kesusasteraan. Di samping itu, dari aspek prosodi turut menitikberatkan elemen disfemisme dan emotif di bahagian isi dan epilog sesebuah puisi *ramban* untuk tujuan menyindir, menasihati dan menghiburkan orang ramai.

4.3 Tema Puisi *Ramban* dalam Buku *Leka Main Asal Iban* Berdasarkan Teori Strukturalisme oleh Ferdinand de Saussure (1983)

4.3.1 Tema Hidup Bermasyarakat

Hidup bermasyarakat membawa makna hidup sebagai satu masyarakat atau penggabungan diri yang menuntut kita supaya bergabung dan hidup bersama-sama dengan harmoni. Tema hidup bermasyarakat dikenal pasti dalam puisi *Ramban Nanyaka Pejalai* yang menyentuh tentang kumpulan manusia yang hidup bersama-sama di dalam sesuatu tempat dengan aturan-aturan dan cara tertentu. Kehidupan bermasyarakat yang sentiasa diamalkan oleh masyarakat Iban merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan perpaduan.

Puisi *Ramban Nanyaka Pejalai* menceritakan kehidupan bermasyarakat dimulakan pada peringkat yang paling dasar seperti bergaul mesra dengan jiran tetangga yang menceritakan perjalanan dua orang lelaki, iaitu Tuntung dan Pungga bertandang ke sebuah rumah. Kedatangan mereka berdua disapa oleh salah seorang penghuni rumah tersebut. Dia bertanya tujuan kedatangan mereka berdua

dan menegur untuk tidak malu bertanya jika ada sebarang keperluan. Pada masa yang sama, dia akan berusaha menolong jika ada keperluan yang diperlukan selagi dapat membantu. Situasi hidup bermasyarakat ini dapat ditemui dalam petikan puisi berikut;

Nama pejalai seduai mega Tuntung, Pungga?	Apa tujuan perjalanan kalian Tuntung, Pungga?
Enti mega bisi, anang malu dek nanya,	Kalau ada, jangan malu bertanya,
Nyangka bisi utai ga deka digaga kita,	Mungkin ada sesuatu yang ingin diperlukan oleh kalian semua,
Enti mega bisi, anang malu ga nuan nanya,	Kalau ada, jangan malu bertanya,
Enti aku bisi, lagi meri, enti nadai, ga aku enda,	Kalau ada, nanti beri, kalau tiada, tiadalah memberi,
Anang seduai Pungga	Jangan kalian Pungga
Malu madahka pejalai seduai tu datai.	Malu memberitahu tujuan kalian berdua datang.

Ramban Nanyaka Pejalai, 1993: 186

Dari ungkapan baris ke-3 hingga ke-9 berikut adalah penyair menceritakan perjalanan dua orang lelaki dan telah ditegur penghuni rumah tersebut. Namun demikian, mereka berdua tidak menceritakan tujuan kedatangan dan penghuni rumah tersebut menganggap mereka malu atau segan untuk bertanya. Oleh itu, penghuni rumah tersebut menasihati mereka berdua untuk tidak malu bertanya agar dapat menolong setakat yang mampu. Tambahan itu, dalam puisi ini terselit unsur nasihat, iaitu penyair sentiasa mengingatkan masyarakat Iban khususnya agar sentiasa berhemah tinggi dan berbudi bahasa tidak kira di mana berada.

Bertitik tolak daripada dapatan menunjukkan bahawa tema puisi *Ramban Nanyaka Pejalai* ialah tentang kehidupan bermasyarakat yang mana kedatangan tetamu perlu disambut dan disapa dengan berbudi bahasa. Penyair turut

menyampaikan mesej berhemah tinggi yang harus diamalkan setiap orang tanpa mengira status individu tersebut.

Seterusnya, puisi *Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa* mengetengahkan tema kepentingan hidup bermasyarakat. Puisi ini menceritakan seorang gadis yang bernama Jawai merajuk kerana kecewa tidak mendapat apa yang diinginkan. Penyair menceritakan kisah ini bermula dengan kedatangan tetamu yang bertandang ke rumah panjang mereka. Pada ketika itu, Jawai, Nangi dan Kaba sedang berbual di beranda dan melihat tetamu yang datang membawa *sintung* dan *raga,* iaitu Ibu Pungga. Jawai dengan sikap ramahnya menyapa Ibu Pungga apa tujuan kedatangan mereka dengan lemah lembut. Ini disampaikan oleh penyair dalam petikan berikut;

"Ninga dek Wai Nangi"	"Dengarlah Wai Nangi'
"Endai nama ku dek Wai Kaba?"	"Eh apa yang hendak kamu katakan Wai Kaba?"
"Sapa temuai da puting ga setak nya,	"Siapa tetamu yang berkunjung di hujung sana,
Ngema sintung, endai nyandik ga anak raga?	Membawa sintung, eh menyandang lagi raga?
Aram tua Wai Nangi, endai, nguji ngabas ngapa,	Marilah Wai Nangi, eh, cuba menjenguk sekejap,
Nyangka indai sida Pungga,	Mungkin ibu Pungga,
Mansang nanya, aih, kitai wai."	Marilah bertanya, aih, kita semua."
Datai Jawai lalu nanya indai Pungga,	Jawai terus menyapa ibu Pungga,
"Nama pejalai, endai, kita ibu,	"Apa tujuan ke mari, eh, kalian ibu,

Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa, 1993: 195

Jawai cuba membantu sekiranya ibu Pungga ada keperluan yang mendesak sehingga dia menawarkan diri jika mencari gadis dia sanggup dijodohkan dengan Pungga. Sikap Jawai yang tidak mudah sabar dan berfikir panjang telah memakan diri sendiri sehingga ibu Pungga tidak meminta keperluan seperti tu. Kedatangan mereka ke rumah panjang tersebut untuk mencari ayam dan telur untuk kegunaan semasa menyambut Hari Gawai Dayak. Jawai yang mendengar apa yang dikatakan

oleh ibu Pungga berasa amat malu dan merajuk lalu balik ke tempat Kaba dan Nangi.

Jawai merajuk dan menyatakan ketidakpuasan hati mengenai sikap ibu Pungga terhadap Kaba dan Nangi. Dia memberi idea dan mengatakan kalau ibu Jamu, bapa Pungga dan ibu Singgai datang ke bilik hidangkan nasi mentah dan berlaukkan garam. Ini menunjukkan Jawai merajuk dengan layanan ibu Pungga yang pada mulanya dia beranggapan kedatangan mereka mencari jodoh untuk anak lelakinya. Rumusan ketidakpuasan hati Jawai diceritakan dalam petikan seperti berikut;

Pulai Jawai lalu nyumpah indai Pungga,	Balik Jawai terus menyumpah ibu Pungga,
"Ninga dek wai Nangi?	"Dengar wai Nangi?
Endai, ninga mih dek wai Kaba?	Eh, dengar wai Kaba?
Enti indai Jamu kitu,	Kalau ibu Jamu kemari,
Seduai iya apai Pungga,	Bersama ayah Pungga,
Enahka makai, endai sungkitka asi mata,	Hidanglah makanan, eh berilah nasi mentah,
	Hidangkan garam,
Enahka garam aja,	Untuk menyerikkan ibu Singgai."
Enggau bejera sida indai Singgai."	

Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa, 1993: 195

Mesej dan amanat yang disampaikan oleh penyair dalam puisi *ramban* ini memperingatkan untuk sabar dalam apa jua tindakan. Dalam situasi seperti ini, Jawai seharusnya sabar dan rasional dalam mengeluarkan kata-kata agar tidak memalukan diri sendiri. Pada peringkat awal Jawai menunjukkan sikap yang berhemah tinggi, iaitu menyapa ibu Pungga dengan beradap sopan dan bekerti mulia sebagai menghormati orang yang lebih tua. Namun demikian, Jawai hilang pertimbangan dan toleransi sehingga mengeluarkan kata-kata yang boleh membawa kepada pertelingkahan dan perselisihan faham.

Tema hidup bermasyarakat yang diterapkan dalam puisi *Ramban Nanyaka Pejalai* dan *Indu Dara Ringat Asa Ngapa* mendukung peranan utama pendekatan desentralisasi perkara dalam teori strukturalisme sebagai titik tolak untuk menyampaikan mesej kepada pendengar. Penyair menyampaikan penceritaan dalam puisi dengan mengutamakan sepenuhnya kepada perkara yang dilihat dan dirasai dengan pengalaman sendiri.

4.3.2 Tema Kepentingan Pendidikan

Pendidikan memain peranan penting untuk mencapai hidup yang berkualiti kerana pendidikan merupakan antara petunjuk terpenting dalam kualiti hidup manusia. Pendidikan membantu individu membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunianya, menikmati kemudahan yang ada persekitarannya serta memahami diri sendiri. Oleh itu, pendidikan penting kerana bertindak sebagai pemangkin kesejahteraan hidup dengan cara memimpin individu ke arah sumber-sumber ekonomi yang mantap, keupayaan kawalan diri, dan kestabilan hubungan sosial.

Tema kepentingan pendidikan dapat ditemui dalam puisi *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula* menceritakan tentang teguran dan nasihat kepada anak-anak perempuan yang masih bersekolah, iaitu kepentingan pendidikan. Dalam konteks ini, penyair memberi penekanan kepada anak perempuan harus mendengar nasihat dan mengutamakan pelajaran untuk mencapai cita-cita. Semasa belajar di kelas, anak perempuan harus memberi perhatian sepenuhnya dan tidak perlu memikirkan perkara yang tidak mendatangkan faedah. Ungkapan ini dapat diteliti dalam petikan puisi *ramban* berikut;

Dinga kita kumang mereti, kita ti enggai tuyu,	Dengarlah dewi cantik yang memahami, kalian yang tidak nakal,
Dinga kita anak asi, bala kita ti anak indu,	Dengarlah anak yang dikasihi, kalian yang anak perempuan,
Dinga bala kita ti tengan besekula,	Dengarlah kalian yang masih bersekolah,
Ti deka belajar enggai badu-badu	Yang sentiasa belajar bersungguh-sungguh
Enti pagila sekula, malam tu gaga kereja rumah,	Kalau esok bersekolah, malam ini buatlah kerja rumah,
Anang tak bangat mayuh jaku,	Janganlah banyak bercakap,
Maya belajar dalam kelas, runding anang aja kin kitu,	Bila di dalam kelas, fikiran jangan melayang,

Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula, 1993: 187

Dari baris ke-6 hingga 9, penyair menyelitkan mesej tentang sikap kerajinan yang harus diterapkan oleh anak perempuan semasa belajar. Ini penting untuk memastikan isi pelajaran yang disampaikan oleh guru dapat memberi ilmu pengetahuan yang berguna. Penyair turut mengingatkan anak perempuan untuk rajin membuat kerja sekolah yang diberikan oleh guru dan sentiasa fokus di dalam kelas. Peringatan dan nasihat diceritakan oleh penyair melalui beberapa rangkap puisi berikut;

Enti orang agi bisi nundi, diau diri, anang mega dek sinu,	Kalau ada orang yang menganggu, kawal diri, tapi jangan bersedih,
Enti orang lelaki ngirum surat,	Kalau ada lelaki yang mengirim surat,
Bacha jampat lalu terus tunu,	Baca cepat dan terus bakar,
Enti lelaki ngirum SMS, padah ke iya salah send,	Kalau ada lelaki mengirim SMS, beritahu dia salah kirim,
Padahka nya salah tuju,	Beritahulah dia salah orang,
Enti iya mai nuan pansut malam,	Kalau dia mengajak kamu keluar malam,
Padahka nuan takut ke antu,	Beritahulah dia yang kamu takut dengan hantu,
Enti iya mai nuan raun ke Kuching,	Kalau dia mengajak kamu pergi melancong ke Kuching,
Padahka dek ka ke Bintulu,	Beritahulah dia yang kamu hendak ke Bintulu,
	Kalau dia mengajak kamu melancong

Endai, enti iya mai nuan raun ke Miri,	ke Miri,
Padahka nuan deka ke Sibu,	Beritahulah dia yang kamu hendak ke Sibu,

Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula, 1993: 187

Dalam ungkapan baris ke-10 hingga 20, penyair turut mengingatkan anak perempuan untuk tidak menjalinkan hubungan dengan lelaki atau bercinta kerana dapat memberi impak yang negatif terhadap pelajaran dan maruah diri. Puisi *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula* menyalurkan pesanan kepada anak perempuan untuk tidak membalas surat cinta, menolak ajakan keluar malam serta melancong ke Kuching, Sibu, Miri dan Bintulu oleh mana-mana lelaki. Pesanan keluarga untuk anak perempuannya dalam puisi *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula* dapat diteliti dalam petikan berikut;

Enti sema iya agi nundi, anang enda madah ngagai cikgu,	Kalau dia masih menganggu, jangan lupa beritahu kepada guru,
Tau ngasuh apai dek madah ngagai tuai rumah,	Suruhlah bapa kamu beritahu kepada ketua kampung,
Tau ngasuh indai nawa ngagai pemancha,	Suruhlah ibu kamu mendakwa kepada pemancha,
Tau ngasuh aki nusi ngagai YB Jimmy,	Suruhlah datuk kamu beritahu kepada YB Jimmy,
Tau ngasuh ini ngereput ngagai penghulu,	Suruhlah nenek kamu membuat laporan kepada penghulu,

Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula, 1993: 187

Dalam ungkapan baris ke-21 hingga 25, penyair menceritakan pesanan dan titipan nasihat untuk anak perempuan jika diganggu oleh orang lelaki khususnya. Anak perempuan yang jauh di perantauan harus menjaga keselamatan dengan memaklumkan apa-apa masalah kepada guru dan turut meminta pertolongan daripada ketua kampung, pemancha dan penghulu. Ini menunjukkan orang tua memikul tugas yang penting selain menjaga keperluan anak-anak malah perlu mengutamakan kebajikan anak-anak terutama sekali anak perempuan. Untuk itu,

peranan ibu bapa dan guru sangat penting dalam membentuk anak-anak menjadi insan yang berguna.

Dalam bahagian epilog, baris 30 hingga 32 di bawah, penyair menyampaikan amanat berkaitan menjaga maruah diri dan keselamatan apabila berada di perantauan, iaitu sekolah. Tambahan itu, orang tua yang berada di kampung sentiasa menanggung kerinduan dan berharap anak perempuan mereka sentiasa menjaga diri dan belajar bersungguh-sungguh. Amanat disampaikan oleh penyair seperti berikut;

Mupuk mih ku sida indai,	Pergilah aku duhai ibu,
Anang lama mih dek singgai bejalai,	Janganlah lama pergi meninggalkan kami,
Kami enda betah ditinggalka dek mupuk	Kami sentiasa merindui kamu yang pergi jauh

Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula, 1993: 187

Bertitik tolak daripada diksi di atas, *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula* menyampaikan mesej atau amanat kepada anak perempuan yang belajar sama ada di sekolah atau universiti untuk rajin belajar dan sentiasa mendengar nasihat guru dan ibu bapa. Selain itu, mesej yang turut disampaikan kepentingan menjaga batasan antara lelaki dengan perempuan bagi menjaga maruah diri dengan tidak melibatkan diri dengan aktiviti yang boleh menjejaskan nama keluarga.

Dapatan di atas menjelaskan bahawa tema puisi *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula* adalah tentang nasihat dan pesanan kepada anak-anak yang masih bersekolah dan jauh di perantauan tentang kepentingan pendidikan. Banyak amanat dan mesej yang disampaikan oleh penyair sama ada dari aspek keselamatan, sikap rajin, menghormati orang tua, rasional dalam tindakan dan kasih sayang ibu bapa kepada anak perempuannya. Ini menunjukkan *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan*

Sekula berteraskan prinsip keseluruhan, iaitu penyair menyampaikan mesej kepada anak perempuannya dan ini memperlihatkan pelbagai cara untuk tanda atau bahasa mencipta satu ilusi realiti dan seterusnya menyampaikan makna.

4.3.3 Tema Kekeluargaan

Kekeluargaan ialah hubungan yang terjalin antara ahli keluarga yang mempunyai ikatan pertalian darah atau ikatan perkahwinan yang institusi yang bermula dengan pasangan suami isteri dan berkembang meliputi anak-anak lelaki dan perempuan, ibu bapa dan datuk nenek serta adik, abang dan kakak serta saudara mara. Puisi *Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai* menceritakan anak perempuan yang merajuk menjaga ibunya. Mesej yang disampaikan oleh penyair mengenai kelakuan dan sikap anak perempuan yang memberontak dengan tindakan ibunya. Anak perempuan tersebut tiada mempunyai kebebasan berkawan dan berhubung dengan mana-mana lelaki. Ini menyebabkan anak perempuan tersebut memberontak tidak ingin menjaga ibunya. Rintihan ketidakpuasan hati anak perempuan tersebut dapat dilihat dalam petikan berikut;

Sangka ke senang-senang,	Ku sangkakan mudah
Enda siti-siti utai meri tusah,	Setiap perkara menyusahkan,
Ka enda mai sida Janggi gali,	Niat di hati ingin membawa Janggi berbaring,
Meda tubuh diri baka ke agi manah.	Memerhati penampilan diri masih bergaya,
Da bai ga kami sida Janggi gali, tua ka dianu sida	Dibawa Janggi baring bersama, tapi dimarahi oleh mereka.

Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai, 1993: 193

Namun demikian, anak perempuan tersebut membandingkan sikap dan perwatakan antara ibu dan bapanya. Bapanya seorang yang mesra dan bertoleransi

berbanding ibunya seorang yang panas baran. Mesej ini diselitkan oleh penyair dalam baris lapan dan sembilan (*Apai kami pama baik agi, Engkami indai nya pala pemangah* / Ayah kami lebih mesra, Namun ibu seorang yang pemarah).

Anak perempuan merajuk dengan tindakan ibunya yang melarang untuk menjalin hubungan cinta dengan lelaki sehingga beranggapan ibunya akan menyumpah seranah dan meludah jika dia mengetahui lelaki bertemu dengannya. Ini menyebabkan hubungan anak dengan ibu tersebut kurang mesra dan persefahaman. Penyair menyimpulkan puisi *ramban* ini dengan tindakan anak perempuan tersebut tidak ingin menjaga ibunya kerana sikap yang pemarah dan tidak rasional. Ini dapat dilihat dalam petikan di bawah;

Enti dek Keling Jamu kitu,	Kalau kamu Jamu datang,
Enti indai nemu, iya sigi lalu ngeludah!	Kalau ibu mengetahui, dia akan meludah!
Enti sema dek Jamu kitu,	Kalau kamu Jamu datang,
Enti indai nemu, iya sigi lalu tak nyumpah,	Kalau ibu mengetahui, dia akan menyumpah seranah,
Dupah aku deka ngibun dek ila indai,	Aku tak kan menjaga kamu nanti Ibu,
Laban dek nya pala de pe… mangah!	Kerana kamu seorang yang pemarah!

Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai, 1993: 193

Tema untuk puisi *Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai* ini ialah mengenai anak perempuan yang tidak ingin menjaga ibunya kerana seorang yang pemarah, mengongkong dan tidak bertoleransi dalam apa jua tindakan. Aspek diksi memberi tekanan kepada istilah yang menggambarkan perlakuan anak perempuan merajuk dan merungut.

Sementara dari aspek mesej dan amanat ternyata puisi *Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai* lebih kepada nada menyindir iaitu anak perempuan yang mengeluarkan kata-kata rungutan terhadap ibunya dengan nada sindiran.

Mesej yang disampaikan agar ibunya lebih rasional sebelum mengambil tindakan bagi menjaga hati anak perempuannya. Disamping itu, hak kebebasan turut menjadi mesej yang ingin disampaikan oleh penyair melalui kata-kata rungutan dan sindiran anak perempuan kerana dapat memberi impak yang negatif yang boleh membawa kepada tekanan perasaan. Jadi, isu ini membawa pengertian yang bermakna bahawa seorang ibu dan anak harus bertolak ansur dan berbincang bersama untuk tujuan kesepakatan.

Seterusnya, puisi *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa* turut menceritakan tentang hubungan kekeluargaan, iaitu teguran seorang ibu terhadap anak perempuannya kerana melakukan perbuatan yang salah. Dalam konteks ini, penyair menceritakan tentang kelakukan atau gaya kehidupan anak perempuan yang keluar berfoya-foya tanpa batasan dengan lelaki. Penceritaan ini beliau sampaikan dalam baris ke-3 sampai 6 seperti berikut;

Di Bintulu ngintu taun baru,	Di Bintulu menyambut tahun baharu,
Endai di Miri ga bisi rami.	Di Miri juga sungguh meriah,
Aram kitai wai adai undur kili,	Marilah kita pergi ke hilir,
Ngambi enda lama, dua tiga hari.	Ambil waktu yang singkat, dua tiga hari.
Malam enggau Renggan dance,	Waktu malam bersama Renggan menari,
Bepegai lengan, bepaut kaki.	Berpegang tangan, berpaut kaki.

Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa, 1993: 194

Namun demikian, apabila anak perempuannya balik ke kampung dan menganggap dirinya seorang perempuan yang baik dan suci dimata keluarganya. Ibunya bertindak menegur perbuatan anak perempuannya kerana telah memalukan nama keluarga. Anak perempuannya cuba menepis fitnah yang disebarkan namun ibunya mempunyai bukti yang menunjukkan anak perempuannya melakukan perbuatan yang salah dengan lelaki tanpa hubungan yang sah. Ini yang penyair

maksudkan dalam puisi *ramban* ini yang mana anak perempuan melakukan perbuatan yang salah seperti disampaikan dalam baris ke-9 hingga 18 seperti berikut;

Pulai ke rumah panjai,	Balik ke rumah panjang,
Kumang Jawai ngumbai diri tuchi,	Jawai beritahu diri masih suci,
Badu kita endu, badu,	Berhentilah kalian gadis, berhenti,
Kita ke jai ngemalu kami.	Kalian yang nakal memalukan kami,
Nadai kami indai nadai,	Tiada kami Ibu tiada,
Endai sapa, aih, tak nusi?	Siapa yang memberitahu?
Salam, anak, enda alah salam,	Rahsia, anak, tak dapat disembunyikan,
Orang ke bukai endai mayuh nusi ke kami,	Orang lain yang beritahu kami,
Sebelah market babi,	Di pasar basah berjual babi,
Endur kita anak ngalika sida Singgai.	Tempat kalian anak tidur bersama Singgai.

Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa, 1993: 194

Dapatan di atas menunjukkan *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa* memiliki tema iaitu teguran terhadap anak perempuan melakukan perbuatan yang salah. Mesej yang disampaikan oleh penyair, iaitu berfikir rasional sebelum melakukan tindakan kerana boleh memberi tempias kepada nama baik keluarga. Pada masa yang sama, tindakan ibunya yang menegur perbuatan anak perempuannya kerana sikap kasih sayang seorang ibu demi keselamatan anaknya. Oleh itu, penyair lebih berfokus menggunakan nada menasihati dalam puisi *ramban* ini.

Tema puisi *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki* menceritakan tentang seorang isteri yang sedih kerana ditinggalkan oleh suami yang bekerja jauh di perantauan. Si isteri berpesan kepada suami untuk tidak terlalu lama bekerja di perantauan atau negara lain dan mengingatkan jika habis kontrak untuk balik ke pangkuan keluarga. Si isteri turut mengatakan gaji yang ditawarkan tinggi dan kaum

lelaki yang bekerja akan merasakan mereka akan bekerja lebih lama tanpa menghiraukan keluh kesah dan keperluan keluarga di kampung. Ini dijelaskan dalam baris-baris puisi *ramban* seperti berikut;

Ninga ga kita laki,	Dengarlah kalian yang lelaki,
Enti bekuli anang lama.	Kalau bekerja jangan terlalu lama.
Enti embih sain,	Kalau habis kontrak,
Kita badu minta.	Kalian berhentilah kerja.
Kita lelaki nyamai mati,	Kalian lelaki terlalu senang,
Chukup bulan kita terima.	Cukup bulan kalian terima.
Gaji diberi kumpani,	Gaji diberi syarikat,
Dini nya alah tunda kita,	Memang sentiasa ada untuk kalian,

Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki, 1993: 188

Si isteri menceritakan kesedihan hati dan rungutan ditinggalkan suami yang bekerja apabila anak turut menangis kerana merindukan kasih sayang seorang ayah. Pada masa yang sama, keperluan seperti makanan dan duit perbelanjaan tiada diberikan oleh suami. Ini menggambarkan situasi kehidupan seorang isteri yang sengsara kerana tiada tempat untuk bergantung malah keperluan seorang isteri dan anak turut tidak dihiraukan. Situasi ini digambarkan penyair dalam petikan berikut;

Kami indu ti ditu,	Kami kaum perempuan yang di sini,
Aih, chukup pemerinsa,	Aih, cukup sengsara,
Anak bekeriak nyabak,	Anak menangis teresak-esak,
Aih, apai sida nadai ngema.	Aih, bapa kalian tiada menggendong.
Enti maya deka makai,	Kalau hendak makan,
Lauk nadai, ga nadai apai ngiga.	Lauk tiada, tiada bapa yang mencari.
Enti iya deka mandi,	Kalau hendak mandi,
Paip bisi, nadai apai muka.	Paip ada, bapa tiada membuka.

Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki, 1993: 188

Dalam bahagian epilog baris ke-19 hingga 20 (*Pemadu pemerinsa-rinsa, Kami ngibun anak udah nadai apai* / Cukup sengsara, Kami menjaga anak yang tiada bapa), si isteri tidak dapat menahan perasaan dan keluh kesah kerana

kesusahan yang dialami dalam membesarkan seorang anak merupakan tanggungjawab yang besar tanpa seorang suami. Mesej atau amanat yang diketengahkan oleh penyair, iaitu peranan dan tanggungjawab seorang ayah menyediakan segala keperluan untuk keluarga. Ini sangat penting kerana ayah berperanan sebagai ketua keluarga dan bekerja jauh di perantauan bukan penghalang untuk tidak menjalankan tanggungjawab terhadap keluarga.

Dapatan di atas menjelaskan bahawa tema puisi *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki* ialah tentang segala keluh kesah dan kesusahan hidup yang dialami oleh seorang isteri kerana ketiadaan suami. Keseluruhan puisi ini menceritakan bagaimana seorang suami yang mendapat kerja dan gaji yang lumayan tanpa menghiraukan keluarga yang berada di kampung. Dengan itu, ia sesuai dengan gambaran kehidupan yang diceritakan oleh si isteri hilang tempat bergantung dan seorang anak hilang kasih sayang seorang ayah. Pelbagai nasihat dan peringatan diselitkan oleh penyair kepada kaum lelaki untuk sentiasa memikul tanggungjawab terhadap keluarga dengan sebaik mungkin.

Kesimpulannya, puisi *Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai*, *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa*, dan *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki* menekankan prinsip perkaitan yang melihat bahasa dan karya sastera sebagai satu sistem tanda yang saling berhubung dalam membina makna. Setiap puisi berdiri sebagai struktur tersendiri namun saling terhubung dalam satu sistem sosial-budaya masyarakat Iban yang menekankan tanggungjawab setiap ahli keluarga dan menjaga nama baik keluarga. Puisi-puisi ini menunjukkan bahawa makna tidak wujud secara individu, tetapi lahir daripada hubungan antara tanda-tanda dalam sistem puisi tersebut seperti yang ditegaskan dalam prinsip perkaitan.

4.3.4 Tema Percintaan

Percintaan merupakan satu ukuran asas pengalaman manusia yang memberikan antaranya, perasaan kasih sayang, tarikan, asas kemesraan dan keserasian antara pesorangan, rela berkorban untuk orang lain, perasaan tertarik dan hubungan kepada alam, benda hidup ataupun makhluk lain. Perasaan cinta dapat ditunjukkan melalui perasaan, emosi, kelakuan, pemikiran, persepsi dan sikap. Oleh itu, perasaan cinta dapat mempengaruhi, mendasari dan menentukan pola utama hubungan antara perorangan dan pengenalan diri.

Berdasarkan puisi *ramban* yang terpiih menunjukkan tema percintaan diterapkan oleh penyair. Hal ini dapat dikenal pasti dalam puisi *Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang* penyair membawa mesej tentang seorang gadis yang bercerita tentang kesusahan hati kerana masih belum berpunya walaupun usia sudah meningkat. Tambahan itu, si gadis turut risau kerana kaum lelaki yang sekampung telah mendirikan rumah tangga dan bahagia bersama keluarga. Oleh itu, kaum lelaki membalas penyataan si gadis yang mengatakan mereka bujang hingga tua sedangkan dia sendiri masih belum berkahwin. Penceritaan ini beliau sampaikan dalam baris ke-1 hingga 6 seperti berikut;

Nyampau penusah kitai wai dara udah nunggang	Cukup sengsara kami gadis menanti,
Enti baka mata hari, nyau udah ngalih mang ke petang;	Jika seperti matahari, sudah beralih ke petang,
Enti baka bulan, nyau udah keleman terang;	Jika seperti bulan, sudah beralih purnama;
Rambau ga nadai bedau, endai sida udah belaki magang;	Sebaya masih belum, yang lain sudah bersuami semua;
Nyampau penusah meda bala diri serumah	Cukup susah melihat rakan serumah,
Sida Renggan udah ga nyadi apai orang,	Renggan pula sudah menjadi bapa,

Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang, 1993: 203

Penyair juga menceritakan si gadis tersebut cuba merosakkan rumah tangga orang lain dengan menggoda kaum lelaki yang sudah berkahwin. Pada masa yang sama, si gadis memberi pendapat kepada kaum lelaki yang sudah berkahwin untuk menceraikan isterinya dan berkahwin dengannya. Ini membawa kepada mesej seseorang perempuan harus menjaga harga diri dan bertindak rasional dengan tidak merosakkan kebahagian orang lain untuk kepentingan diri sendiri. Penyataan ini diceritakan oleh penyair seperti petikan yang berikut;

Lagi aku nguji nyarak dek Aya Janggi,	Nanti aku mencuba menceraikan kamu Janggi,
Aku nguji berumpang kita apai orang.	Aku cuba mengoda kalian yang bapa orang.
Buai bini tuai dek Singgai buai,	Ceraikan isteri tua kamu Singgai,
Iya ti udah tuai amai penama Indai Jang;	Dia sudah tua yang bernama Ibu Jang;
Aku tu mih empu dek Kedu,	Pilihlah aku Kedu,

Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang, 1993: 203

Dalam baris ke-12 hingga 14, si gadis tersebut tetap tidak berputus asa untuk merosakkan rumah tangga orang lain sehingga sanggup membayar denda seperti disentuh dalam baris ke-12 (*Ila aku mayar tunggu ukum adat butang* / Nanti aku bayar denda hukum berzina).

Dapatan di atas menunjukkan puisi *Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang* memiliki tema keinginan seorang gadis cuba meruntuhkan rumah tangga orang lain untuk kebahagian diri sendiri. Ini menunjukkan martabat seorang perempuan terlalu rendah sehingga sanggup menjatuhkan harga diri. Mesej yang ingin disampaikan oleh penyair untuk mengingatkan kaum lelaki sentiasa memberi kasih sayang dan tanggungjawab terhadap keluarga.

Seterusnya, puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya* menceritakan tentang seorang jejaka menyindir seorang gadis yang

merajuk kerana tidak disapa kekasihnya. Si gadis merajuk kerana kekasihnya yang selalu bertandang ke rumah keluarganya tiada usaha untuk mengambilnya sebagai isteri. Tambahan itu, si jejaka tersebut selalu melengahkan masa dan mungkir janji untuk bertemu dengan keluarganya untuk tujuan merisik. Oleh itu, si gadis merajuk terhadap kekasihnya kerana mempermainkan hatinya. Ini diceritakan oleh penyair dalam petikan yang berikut;

Nuan anggat udah ngayap, nyampau pengelama-lama,	Kamu mengunjugi si dara setelah sekian lama,
Ngumbai diri deka berandau enggau sida apai,	Beranggapan ingin berbincang dengan bapa,
Dek lalu ke beempai-empai, lalu beenda-enda.	Tapi belum lagi, lalu bertidak-tidak
Anang ngeduan kami aja dek Renggan,	Jangan mengajuk kami Renggan,
Anang bejera kami aja dek Bujang Pungga,	Jangan menyerikkan kami Bujang Pungga,

Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya, 1993: 204

Si gadis bertindak menyumpah seranah, iaitu apabila si jejaka menuruni tangga akan dipatuk ular sawa dan apabila mandi dimakan buaya. Ini menunjukkan si gadis sangat marah dan kecewa dengan tindakan kekasihnya yang mempermainkan hatinya. Terdapat faktor yang menyebabkan si gadis bertindak sedemikian kerana pernah ditinggalkan oleh bekas suaminya dan anaknya Singgai membesar tanpa kasih sayang seorang ayah. Ini menjadikan si gadis serik dan takut untuk menjalin hubungan dengan mana-mana lelaki dan hanya sekadar untuk mempermainkan hatinya. Dalam konteks ini, penyair menggambarkan perasaan si gadis dalam baris berikut;

Ngajih ke dek pulai ila Bujang Singgai,	Berharap kamu balik nanti Bujang Singgai,
Ngejang penyambang kaki tangga ila,	Menuruni kaki tangga nanti,
Dek pantuk ular ila, diipa sawa,	Kamu kena patuk ular, ditunggu oleh sawa
Nganti dek ila Janggi mandi,	Menunggu kamu nanti Janggi mandi,
Ngajih ke dek diempa jagu, dipakai baya mata',	Berharap kamu dimakan buaya, dimakan buaya mentah,
Kati ke aku mali enda bejaku munyi tu,	Bagaimana aku tidak bersuara sedemikian,
Nyumpah dek kelalu iga,	Menyumpah seranah dengan keterlaluan,
Laban aku tu udah jera,	
Anak tuai suba, Singgai, nadai apai.	Sebab aku sudah serik, Anak sulung dahulu, Singgai, tiada bapa.

Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya, 1993: 204

Bertitik tolak daripada diksi di atas, puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya* menyampaikan mesej atau amanat kepada kaum lelaki khususnya untuk menjaga hati seorang perempuan dengan tidak mungkir janji. Penyair turut memperingatkan kaum perempuan untuk menjaga batasan dengan lelaki agar tidak menyesal di kemudian hari. Ini menunjukkan kaum perempuan harus belajar daripada kesilapan masa lalu dan harus memberikan kasih sayang yang sepenuhnya kepada anak-anak walaupun ditinggalkan lelaki yang bergelar suami.

Huraian dapatan di atas menunjukkan bahawa puisi *ramban* ini mempunyai tema yang fokus kepada perasaan marah seorang perempuan kerana dipermainkan oleh kekasihnya. Dalam situasi ini, kesabaran seorang perempuan tidak dapat dikawal sehingga mengeluarkan kata-kata sumpahan. Mesej kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya turut diselitkan di bahagian epilog yang mana seorang ibu mampu memikul tanggungjawab menjaga anaknya.

Secara keseluruhan, penekanan prinsip perkaitan dalam kedua-dua teks puisi *ramban* ini mendapati bahawa makna cinta dan percintaan tidak hanya terletak pada kata-kata romantik atau hubungan dua insan, tetapi juga disusun secara sistematik melalui penanda dan petanda yang membentuk satu struktur makna yang kompleks. Puisi *ramban* ini memperlihatkan bagaimana hubungan antara bahasa dan budaya mempengaruhi pembentukan makna percintaan dalam masyarakat Iban. Oleh itu, struktur bahasa yang digunakan oleh penyair mewujudkan perkaitan yang mencerminkan realiti sosial, tekanan budaya, serta emosi dalaman individu yang berhadapan dengan isu cinta dan perhubungan.

4.3.5 Tema Kesederhanaan dalam Penampilan

Kesederhanaan didefinisikan sebagai seseorang bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan sama ada dalam penampilan, pemikiran, pertuturan, perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain. Tema kesederhanaan dalam penampilan ditemui dalam puisi *Ramban Mejah Pisin Lelaki* yang menceritakan kaum perempuan yang menegur penampilan atau fesyen lelaki. Ini menunjukkan puisi ini didendangkan oleh kaum perempuan yang menegur penampilan kaum lelaki. Si gadis menegur si jejaka yang bernama Pungga dengan penampilan fesyen rambut yang sungguh berbeza dengan fesyen sekarang. Tambahan itu, si gadis turut menegur Renggan yang memakai jam tangan sebelah kiri serta memakai anting-anting. Oleh itu, si gadis menyindir penampilan mereka berdua seperti hantu yang tidak dapat makanan. Dalam konteks ini, penyair menggambarkan penampilan Pungga dan Renggan seperti yang diperkatakan oleh si gadis seperti dalam baris berikut;

Lain pisin atas sida Aya Pungga,	Lain fesyen Pungga,
Kena Renggan jam tangan, muak ke kiba,	Dipakai Renggan jam tangan, sebelah kiri,
Dikena iya antin, dikumbai iya manah dipeda,	Dipakaikan dia anting, supaya tampan dilihat,
Tang gambar Pungga baka antu kamba	Tetapi muka Pungga seperti hantu
Enda ampit pemakai!	Tidak dapat makanan!

Ramban Mejah Pisin Lelaki, 1993: 197

Bertitik tolak daripada diksi di atas, *Ramban Mejah Pisin Lelaki* menyampaikan mesej atau amanat tentang usaha untuk mengubah penampilan dan fesyen yang tidak sesuai dengan usia atau peredaran zaman. Ini menyebabkan si gadis menegur dan memperlekehkan penampilan lelaki tersebut dengan pemakaian anting-anting seperti perempuan. Oleh itu, penyair menggunakan nada menyindir bagi mewujudkan perasaan tidak menyukai orang lelaki yang mengubah penampilan secara berlebihan.

Selain itu, puisi *Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta* turut menekankan tema kesederhanaan dalam penampilan seseorang kaum perempuan. menceritakan tentang kaum lelaki yang menegur kaum perempuan kerana terlalu berfesyen. Kaum lelaki yang melihat penampilan kaum perempuan tersebut berasa terkejut dengan fesyen yang sungguh berbeza. Gadis yang ditegur oleh kaum lelaki iaitu Jawai yang bergincu serta rambut digunting pendek seperti kera Belanda. Tambahan itu, baju yang digunakan Jawai terlalu seksi dan seluar sangat ketat supaya Laja yang melihat dapat tergoda. Malah Jawai turut memakai kasut tinggi dan berjalan seperti model fesyen yang berjalan tiada arah tuju. Ini diceritakan oleh penyair dalam baris petikan yang berikut;

Lain aih patisin sida dara ga maya dia.	Berbeza sungguh fesyen kaum perempuan sekarang.
Mulut Jawai da enselup,	Mulut Jawai bergincu,
Endai, mua Jawai udu dipuda,	Endai, muka Jawai terlalu dibedak,
Buk Jawai da karan, nyau enda temu gaya,	Rambut Jawai lurus, seolah tiada rupa,
Guntin pandak endai, nunda kera rasung Belanda,	Digunting pendek, seperti kera Belanda,
Kenaka baju tusu, baju jarang enda temu gaya	Dipakaikan baju dalam, baju seksi tiada rupa
Pasukka tanchut bangat sendat,	Dipakaikan seluar terlalu ketat,
Ngambi ke berupai amai dipeda Laja,	Agar Laja melihat tergoda,
Kenaka kasut tinggi,	Dipakaikan kasut tinggi,
Pejalai kuit-kuit enda temu tunga,	Berjalan seperti tiada arah tuju,

Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta, 1993: 192

Penyair turut menceritakan kelakuan Jawai yang berfesyen tadi apabila berselisih dengan Singgai lalu melambai tangan serta mengelipkan mata agar mereka yang melihat penampilan berasa terpikat. Namun demikian, kaum lelaki tidak terpikat dengan penampilan Jawai tersebut dan menegur penampilannya seperti *engkeramba* (patung) dan membandingkan wajahnya dengan *pentik* (patung kecil) di tepi jalan. Ini menggambarkan penampilan dan fesyen yang digayakan Jawai pada ketika itu tidak sesuai dan kaum lelaki yang melihat turut tidak terpikat. Penceritaan mengenai teguran dan sindiran kaum lelaki terhadap Jawai ini dapat dilihat dalam petikan yang berikut;

Mansa sida Singgai endai wai kepai	Berselisih dengan Singgai lalu dilambai
Lali kijap, aih, ka mata.	Kelipkan mata.
Enda ngelala, mua baka engkeramba,	Tidak mengenali, muka seperti patung,
Manah agi pentik da tisi jalai…	Cantik lagi patung kecil di tepi jalan…

Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta, 1993: 192

Mesej yang ingin disampaikan oleh penyair iaitu teguran terhadap kaum perempuan yang terlalu berfesyen dan mengubah penampilan sehingga paras rupa sebenar tidak dikenali. Sebagai seorang perempuan, nilai kesederhanaan itu harus

dipupuk sama ada dari penampilan, tingkah laku dan pergaulan. Di samping itu, penyair turut berusaha menyampaikan mesej agar setiap perempuan harus menjaga harga diri dengan menjaga pemakaian supaya tidak dipandang serong oleh masyarakat. Dalam ungkapan yang berbaur nada sindiran tersebut, penyair sebenarnya mengingatkan kaum perempuan khususnya untuk menjaga martabat dan maruah diri supaya dihormati oleh masyarakat.

Secara keseluruhannya, prinsip perkaitan yang ditekankan jelas menyampaikan mesej sosial. Diksi, imej, dan gaya sindiran yang digunakan membentuk struktur makna yang mendalam tentang pentingnya kesederhanaan dalam penampilan agar seseorang dihormati dan diterima oleh masyarakat. Oleh itu, puisi *Ramban Mejah Pisin Lelaki* dan *Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta* membentuk struktur makna yang saling berhubung kait dan menyeluruh tentang pentingnya mengekalkan kesederhanaan dalam penampilan. Penampilan yang melampau bukan sahaja menimbulkan rasa tidak selesa dalam masyarakat, malah membawa persepsi negatif terhadap nilai peribadi seseorang. Penyair secara halus menggunakan unsur sindiran dan analogi untuk menegur gaya pemakaian dan tingkah laku yang bertentangan dengan norma budaya masyarakat Iban.

4.4 Fungsi Puisi *Ramban* dalam Buku *Leka Main Asal Iban* Berdasarkan Teori Pragmatisme oleh Grice (1975)

Ramban memainkan peranan yang penting dalam masyarakat Iban sebagai strategi untuk memberi pertolongan, strategi untuk memberi nasihat, strategi untuk menyindir seseorang, strategi untuk menyatakan nekad melakukan sesuatu, strategi untuk menegur perbuatan seseorang, strategi untuk menyatakan kesedihan dan kerisauan dan strategi untuk menyatakan ketidakpuasan hati.

Untuk meninjau strategi implikatur dalam puisi *ramban*, didapati bahawa terdapat puisi-puisi yang dihasilkan mempunyai tujuan untuk menyampaikan mesej yang tersirat dan tersurat. Dalam puisi *ramban*, implikatur telah diselitkan untuk menyampaikan suara hati atau keluhan perasaan penyair-penyair. Penggunaan kaedah implikatur ini relevan dalam merungkai fungsi puisi *ramban* kerana mengemukakan strategi-strategi penggunaan implikatur dalam puisi *ramban* berkenaan.

4.4.1 Fungsi *Ramban* Sebagai Strategi Untuk Memberi Pertolongan

Ramban berperanan sebagai strategi untuk memberi pertolongan diperlihatkan dalam puisi *Ramban Nanyaka Pejalai*. Amalan cara hidup yang diamalkan oleh masyarakat Iban di kampung dan rumah panjang adalah berlandaskan hukum adat, pantang-larang, tolak-ansur dan berteraskan perhubungan persaudaraan yang erat antara satu sama lain. Ini dapat dijelaskan dengan contoh yang membuktikan bahawa terdapat implikatur untuk memberi pertolongan kepada tetamu yang datang berkunjung.

Nyangka bisi utai ga deka digaga kita,	Mungkin ada sesuatu yang ingin diperlukan oleh kalian semua,
Enti mega bisi, anang malu ga nuan nanya,	Kalau ada, jangan malu bertanya,
Enti aku bisi, lagi meri, enti nadai, ga aku enda,	Kalau ada, nanti beri, kalau tiada, tiadalah memberi,

Ramban Nanyaka Pejalai, 1993: 186

Dalam contoh petikan di sebelah, didapati bahawa pemuisi menggunakan implikatur dalam puisinya untuk memberi pertolongan kepada tetamu yang datang berkunjung ke rumah mereka. Implikatur *"Enti mega bisi"* dan *"Enti aku bisi"* yang

membawa maksud “Kalau ada” membuktikan kepada kita bahawa andaian dapat dibuat bahawa pemuisi menunjukkan usaha untuk membantu setakat yang mampu. Andaian tetamu yang datang bahawa mereka berdua tidak akan diendahkan namun sebaliknya kedatangan disapa dengan berhemah walaupun agak malu apabila ditanya.

Kesimpulannya, fungsi implikatur sebagai strategi untuk memberi pertolongan dalam puisi *Ramban Nanyaka Pejalai* memberikan gambaran yang jelas oleh kehidupan bermasyarakat khususnya di kampung dan rumah panjang agar menerapkan amalan tolong-menolong dan bertolak-ansur tanpa mengira agama, budaya dan status sosial seseorang.

4.4.2 Fungsi Ramban Sebagai Strategi Untuk Memberi Nasihat

Ramban berperanan sebagai strategi untuk memberi nasihat seperti terdapat dalam *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula* yang mengandungi pelbagai nasihat terutama sekali anak perempuan yang masih bersekolah dan jauh di perantauan. Nasihat-nasihat yang dikemukakan ini sama ada sebagai peringatan halus untuk anak perempuan beringat-ingat untuk sentiasa menjaga maruah diri, rajin dan fokus terhadap pelajaran, menghormati guru dan sentiasa berfikir secara rasional sebelum mengambil sebarang tindakan.

Dinga kita anak asi, bala kita ti anak indu,	Dengarlah anak yang dikasihi, kalian yang anak perempuan,
Dinga bala kita ti tengan besekula,	Dengarlah kalian yang masih bersekolah,
Ti deka belajar enggai badu-badu	Yang sentiasa belajar bersungguh-sungguh
	Kalau esok bersekolah, malam ini

Enti pagila sekula, malam tu gaga kereja rumah,	buatlah kerja rumah,
Anang tak bangat mayuh jaku,	Janganlah banyak bercakap,
Maya belajar dalam kelas, runding anang aja kin kitu,	Bila di dalam kelas, fikiran jangan melayang,
Enti orang agi bisi nundi, diau diri, anang mega dek sinu,	Kalau ada orang yang menganggu, kawal diri, tapi jangan bersedih,

Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula, 1993: 187

Dalam petikan puisi di atas, petikan *"Dinga kita anak asi, bala kita ti anak indu"* yang diterjemahkan sebagai "Dengarlah anak yang dikasihi, kalian yang anak perempuan" jelas sekali merupakan implikatur. Implikatur ini wujud kerana terdapat perlanggaran terhadap maksim perlakuan – elakkan daripada melakukan sesuatu yang tidak jelas atau elakkan ketaksaan yang tidak perlu dengan bercakap secara ringkas, tidak meleret-leret dan teratur.

Dapat diandaikan implikatur ini menunjukkan bahawa anak perempuan dinasihati untuk mengutamakan pelajaran serta menjaga batasan antara lelaki dan perempuan bagi menjaga maruah diri dengan tidak melibatkan diri dengan aktiviti yang boleh menjelaskan nama keluarga. Banyak amanat dan mesej yang disampaikan oleh penyair sebagai peringatan bersama dan ini menunjukkan nilai bertanggungjawab dan kasih sayang ibu bapa terhadap anak perempuannya.

Kesimpulan daripada implikatur ini ialah kita perlu mendengar nasihat daripada orang tua dan sentiasa menjaga nama baik dan maruah keluarga serta mengutamakan pelajaran kerana ini dapat mengubah nasib keluarga.

4.4.3 Fungsi Ramban Sebagai Strategi Untuk Menyindir Seseorang

Ramban berperanan sebagai strategi untuk menyindir seseorang seperti dalam petikan puisi *Ramban Mejah Pisin Lelaki* dan *Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta* berikut.

Dikena iya antin, dikumbai iya manah dipeda,	Dipakaikan dia anting, supaya tampan dilihat,
Tang gambar Pungga baka antu kamba	Tetapi muka Pungga seperti hantu

Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta, 1993: 192

Dalam contoh puisi *ramban* di atas, didapati pemuisi menggunakan implikatur dalam puisinya untuk menyindir seseorang supaya tidak mengubah penampilan secara keterlaluan sehingga merosakkan imej sebenar. Implikatur *"Tang gambar Pungga baka antu kamba"* yang terjemahannya "Tetapi muka Pungga seperti hantu" membuktikan kepada kita bahawa andaian dapat dibuat pemuisi tidak berkenan dengan penampilan yang ditunjukkan oleh orang yang ditujukan puisi tersebut. Andaiannya jika dia mengubah penampilan, orang lain akan menyukainya tetapi sebaliknya tidak disenangi oleh orang lain kerana perubahan penampilan agak keterlaluan.

Buk Jawai da karan, nyau enda temu gaya,	Rambut Jawai lurus, seolah tiada rupa,
Guntin pandak endai, nunda kera rasung Belanda,	Digunting pendek, seperti kera Belanda,
Enda ngelala, mua baka engkeramba,	Tidak mengenali, muka seperti patung,
Manah agi pentik da tisi jalai…	Cantik lagi patung kecil di tepi jalan…

Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta, 1993: 192

Petikan puisi *Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta* turut menjelaskan fungsi *ramban* sebagai strategi untuk menyindir seseorang. Pemuisi membandingkan perubahan penampilan perempuan tersebut yang terlalu drastik sehingga hilang identiti asal. Ini menunjukkan andaian perempuan tersebut jika selama ini dia mengubah penampilan supaya kaum lelaki meminati dan menyukainya tetapi sebaliknya perubahan penampilan yang agak keterlaluan tersebut mengundang kata-kata sindiran dan tidak disenangi oleh orang lain.

Maksim yang dilanggar di kedua-dua puisi *ramban* ini ialah maksim kuantiti – cuba buat sumbangan dengan mengatakan yang perlu sahaja, jangan terlebih atau terkurang. Ini memberi impak yang positif kepada orang yang ditujukan tersebut walaupun disindir dan dikritik tetapi sekurang-kurangnya menyampaikan sesuatu yang benar.

Kesimpulannya, implikatur tersebut penting kerana dapat memberikan seseorang tesebut berfikir dan bertindak secara rasional sebelum mengambil sebarang tindakan yang boleh mencemarkan maruah diri.

4.4.4 Fungsi Ramban Sebagai Strategi Untuk Menyatakan Nekad Melakukan Sesuatu

Ramban turut berfungsi sebagai untuk melakukan sesuatu dengan nekad yang diperlihatkan dalam puisi *Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai*. Dikemukakan beberapa contoh petikan puisi ramban yang menunjukkan strategi untuk menyatakan nekad melakukan sesuatu tanpa berfikir secara wajar dan pertimbangan yang rasional.

Dupah aku deka ngibun dek ila indai,	Aku tak akan menjaga kamu nanti Ibu,
Laban dek nya pala de pe… mangah!	Kerana kamu seorang yang pemarah!

Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai, 1993: 193

Dalam petikan puisi *Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai* di atas, iaitu *"Dupah aku deka ngibun dek ila indai"* yang terjemahannya berbunyi "Aku tak akan menjaga kamu nanti Ibu" mengandungi implikatur. Penggunaan kata "tak akan" merupakan implikatur yang diandaikan bermaksud adanya makna nekad untuk melakukan sesuatu. Dalam konteks puisi di atas, pemuisi berkata sedemikian kerana memberontak dengan tindakan ibunya yang mengongkong serta tiada mempunyai kebebasan berkawan dan berhubung dengan mana-mana lelaki. Ini menyebabkan anak perempuan tersebut nekad mengeluarkan kata-kata tidak akan menjaga ibunya nanti sebab memberontak dan tersinggung dengan sikap pemarah dan tidak rasional ibunya.

Lagi aku nguji nyarak dek Aya Janggi,	Nanti aku mencuba menceraikan kamu Janggi,
Aku nguji berumpang kita apai orang.	Aku cuba mengoda kalian yang bapa orang.

Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang, 1993: 203

Dalam petikan puisi *Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang* turut mengandungi implikatur yang menyatakan nekad melakukan sesuatu. Penggunaan kata *"nguji"* yang diterjemahkan sebagai "mencuba" jelas menunjukkan pemuisi, iaitu seorang perempuan yang cuba merosakkan rumah tangga orang lain. Dalam konteks puisi di atas, dapat diandaikan juga bahawa perempuan tersebut berusaha untuk menggoda suami orang dan sehingga memberikan pendapat kepada kaum lelaki tersebut untuk menceraikan isteri mereka dan berkahwin dengannya. Oleh itu, puisi *ramban* ini menceritakan seorang perempuan sanggup menjatuhkan maruah diri dengan cuba merosakkan kebahagian orang lain untuk kepentingan diri sendiri.

Kewujudan implikatur di dalam puisi-puisi *ramban* tersebut hasil daripada terdapat pelanggaran terhadap maksim kualiti iaitu jangan mengatakan sesuatu yang anda sendiri tahu atau percaya itu palsu dan jangan mengatakan sesuatu kalau tidak ada bukti. Melalui strategi ini, dapatlah dikesan bahawa sebelum melakukan sesuatu dengan nekad kita harus berfikir secara rasional.

Kesimpulannya, implikatur-implikatur yang ditemui dalam petikan puisi *Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai* dan *Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang* jelas menunjukkan seseorang perlu rasional dalam mengeluarkan kata-kata dan bertindak bagi mengelakkan perselisihan faham dan perbalahan dalam keluarga. Tindakan yang boleh mencemarkan maruah diri turut perlu dielakkan kerana memberi impak yang negatif terhadap nama keluarga. Oleh itu, sebagai seorang manusia yang dikurniakan akal dan fikiran harus menilai perkara yang buruk dan baik seperti yang ditekankan dalam maksim kualiti.

4.4.5 Fungsi Ramban Sebagai Strategi Untuk Menegur Perbuatan Seseorang

Implikatur juga digunakan dalam puisi *ramban* untuk menegur perbuatan seseorang. Kewujudan strategi ini dapat dikesan melalui hubungan antara ibu dengan anak perempuannya.

Badu kita endu, badu,	Berhentilah kalian anak, berhenti,
Kita ke jai ngemalu kami.	Kalian yang nakal memalukan kami,
Nadai kami indai nadai,	Tiada kami Ibu tiada,
Endai sapa, aih, tak nusi?	Siapa yang memberitahu?
Salam, anak, enda alah salam,	Rahsia, anak, tak dapat disembunyikan,

Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa, 1993: 194

Dalam puisi *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa*, implikatur ialah petikan *"Badu kita endu, badu"* yang bermaksud "Berhentilah kalian anak, berhenti" mengandungi makna tesirat iaitu ada sesuatu yang menyebabkan ibunya membuat teguran tersebut terhadap anak perempuannya. Teguran ibu terhadap anak perempuan tersebut mengandungi andaian kerana adanya pelanggaran maksim perlakuan, iaitu mengelakkan daripada melakukan sesuatu yang tidak jelas atau elakkan ketaksaan yang tidak perlu dengan bercakap secara ringkas, tidak meleret-leret dan teratur.

4.4.6 Fungsi Ramban Sebagai Strategi Untuk Menyatakan Kesedihan dan Kerisauan

Dapatan kajian turut menemukan puisi *ramban* yang dinyanyikan bertujuan untuk menyatakan kerisauan dan kesedihan yang bersarang kukuh dalam hati seseorang. Fungsi *ramban* sebagai strategi untuk menyatakan kerisauan terhadap sesuatu perkara ini dengan menyelitkan implikatur dapat dikesan dalam puisi berikut.

Dek lalu ke beempai-empai, lalu beenda-enda.	Tapi belum lagi, lalu bertidak-tidak
Anang ngeduan kami aja dek Renggan,	Jangan mengajuk kami Renggan,
Anang bejera kami aja dek Bujang Pungga,	Jangan menyerikkan kami Bujang Pungga,

Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya, 1993: 204

Dalam puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya* di atas, ungkapan *"Anang ngeduan"* (jangan mengajuk) dan *"Anang bejera"* (jangan menyerikkan) merupakan implikatur yang menyatakan kerisauan seorang perempuan dengan janji kekasihnya. Daripada penggunaan kata-kata tersebut, dengan mengambil makna terjemahannya, dapat diandaikan bahawa perempuan tersebut menyangka kekasihnya cuba mempermainkan hati dan tidak serius dalam

menjalin hubungan. Andaian seterusnya, lelaki tersebut tidak menepati janji untuk bertemu dengan keluarganya dan menyangka dia sudah mempunyai kekasih lain.

Dalam puisi *ramban* ini, konteks penggunaan ungkapan untuk menyatakan perasaan yang risau terhadap sesuatu perkara itu dapat dikesan. Konteks ini membolehkan pendengar untuk mengenalpasti kewujudan implikatur berkenaan, iaitu “jangan mengajuk” dan “jangan menyerikkan” telah memandu pendengar untuk bijak membuat andaian-andaian dan kemudian membuat kesimpulan-kesimpulan yang tersendiri menurut pemahaman pendengar mesej dengan mengambil konteks tertentu semasa sesuatu ujaran itu dituturkan.

Aih, chukup pemerinsa,	Aih, cukup sengsara,
Anak bekeriak nyabak,	Anak menangis teresak-esak,
Aih, apai sida nadai ngema.	Aih, bapa kalian tiada menggendong.
Enti maya deka makai,	Kalau hendak makan,
Lauk nadai, ga nadai apai ngiga.	Lauk tiada, tiada bapa yang mencari.
Enti iya deka mandi,	Kalau hendak mandi,
Paip bisi, nadai apai muka.	Paip ada, bapa tiada membuka.
Pemadu pemerinsa-rinsa,	Cukup sengsara,
Kami ngibun anak udah nadai apai.	Kami menjaga anak yang tiada bapa.

Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki, 1993: 188

Dalam ungkapan puisi *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki* di atas pula menceritakan bagaimana kesedihan dan kerisauan yang bersarang di hati seorang isteri yang menjaga anak tanpa suami. Keseluruhan bait-bait dalam puisi *ramban* mengandungi implikatur namun penggunaan kata *“nadai”* yang bermaksud “tiada” memberi gambaran dan andaian kepada pendengar. Setiap rintihan dan ungkapan oleh seorang isteri yang memerlukan belaian kasih sayang dan keperluan yang mencukupi untuk membesarkan anak tetapi tidak dipenuhi oleh seorang suami.

Dalam baris terakhir, iaitu “kami menjaga anak yang tiada bapa” jelas sekali isteri telah menyatakan sesuatu yang di luar pengetahuan orang lain, iaitu hubungan suami isteri berakhir dengan penceraian atau suami melepaskan tanggungjawab sebagai seorang bapa teradap anaknya. Keadaan ini menyebabkan implikatur dapat dikesan kerana terdapat pelanggaran maksim kuantiti – cuba membuat sumbangan dengan mengatakan yang perlu sahaja, jangan terlebih atau terkurang. Daripada huraian implikatur dapat kita simpulkan bahawa seorang suami harus memikul tanggungjawab terhadap keluarga dengan menyediakan keperluan dan kasih sayang terhadap keluarga.

4.4.7 Fungsi Ramban Sebagai Strategi Untuk Menyatakan Ketidakpuasan Hati

Fungsi *ramban* sebagai strategi untuk menyatakan ketidakpuasan hati turut dikenal pasti dalam puisi *Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa*. Penemuan implikatur dengan ungkapan seorang gadis yang merajuk kerana kecewa tidak mendapat apa yang diinginkan sehingga dia hilang pertimbangan lalu mengeluarkan kata-kata makian.

Pulai Jawai lalu nyumpah indai Pungga,	Balik Jawai terus menyumpah ibu Pungga,
Enahka makai, endai sungkitka asi mata,	Hidanglah makanan, eh berilah nasi mentah,
Enahka garam aja,	Hidangkan garam,
Enggau bejera sida indai Singgai.	Untuk menyerikkan ibu Singgai.

Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa, 1993: 195

Dalam beberapa baris puisi *ramban* di atas, kata *“nyumpah”* yang membawa maksud “menyumpah” merupakan implikatur yang mempunyai strategi untuk menyatakan ketidakpuasan hati terhadap seseorang. Ketidakpuasan hati ini

menjadikan si gadis mengeluarkan kata-kata yang berunsur makian. Namun demikian, pendengar akan membuat andaian, iaitu mengapa si gadis bersikap sedemikian dan melayan tetamu yang datang ke rumah dengan layanan tidak sepatutnya.

Namun, berlainan dalam situasi puisi *ramban* ini gadis tersebut mengeluarkan kata sumpahan dan akan bertindak dengan menghidangkan nasi mentah dan berlaukkan garam jika tetamu masuk ke dalam bilik. Seharusnya, gadis tersebut cukup sekadar menyumpah dengan kata-kata sahaja dan bukan berfikir untuk bertindak tidak wajar dengan berbuat sedemikian. Ini jelas menunjukkan pemuisi telah membuat sumbangan yang lebih, iaitu telah melanggar maksim kuantiti – cuba buat sumbangan dengan mengatakan yang perlu sahaja, jangan terlebih atau terkurang.

4.5 Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa struktur puisi-puisi *ramban* dibentuk oleh elemen yang terdiri daripada gaya bahasa hiperbola, asonansi, aliterasi, metonimi, anafora, simplok, satira, sinisme, sarkasme, sinkop, simile, homoioteleuton, konotasi, denotasi, citra bebas, kolokasi dan polysyndeton. Dari aspek bait, puisi *ramban* dibentuk oleh elemen paralelisme, prolog, isi, epilog, baris, ayat, perkataan dan jumlah kata. Manakala dari aspek prosodi, puisi-puisi *ramban* ini memiliki elemen jeda, rima, disfemisme, eufemisme dan emotif.

Selain itu, tema yang ditonjolkan dalam puisi *ramban*, iaitu tema hidup bermasyarakat, tema kepentingan pendidikan, tema kekeluargaan, tema percintaan dan tema kesederhanaan dalam penampilan. Tema-tema ini mempunyai perkaitan

dengan apa yang berlaku di sekeliling masyarakat Iban. Ini dapat diteliti apabila setiap puisi *ramban* yang dicipta menceritakan tentang isu sosiobudaya, sosioekonomi, pendidikan dan kestabilan sosial dan emosi.

Di samping itu, *ramban* berfungsi sebagai strategi untuk menyatakan kesedihan dan kerisauan, strategi untuk memberi nasihat, strategi untuk menyindir seseorang, strategi untuk menyatakan nekad melakukan sesuatu, strategi untuk menyatakan rasa kasih dan lain-lain. Ini menunjukkan puisi *ramban* menggunakan implikatur-implikatur yang berdasarkan konteks penggunaannya, dan kebanyakan daripadanya ialah konteks sosial seperti hubungan suami isteri, percintaan kekasih, kelakuan golongan remaja, hubungan kekeluargaan di antara ayah-ibu dengan anak dan konteks sosioekonomi serta pendidikan.

Hal ini menunjukan bahawa puisi *ramban* memainkan peranan penting dalam menyampaikan suara hati dan keluhan perasaan namun terselit nasihat dan hiburan kepada pendengar. Oleh tu, dapat dirumuskan setiap puisi *ramban* mempunyai diksi sebuah karya yang unggul dan membawa pendengar untuk menelusuri tema dan fungsi yang berlaku di sekitar dan khususnya masyarakat Iban berkaitan sosiobudaya, sosioekonomi dan kepentingan pendidikan.

BAB 5

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan rumusan dapatan kajian yang terbahagi kepada tiga perkara, iaitu perbincangan, kesimpulan dan cadangan kajian. Bahagian perbincangan, membincangkan dapatan kajian berdasarkan kajian-kajian lepas untuk mengukuhkan hasil dapatan kajian. Selain itu, kajian turut membincangkan sumbangan kajian kepada masyarakat Iban dalam bidang pendidikan dan kesusasteraan. Seterusnya, kajian membincangkan kesimpulan dapatan kajian dan mengemukakan beberapa cadangan kajian lanjutan berkaitan dengan kajian ini supaya tradisi lisan khasnya puisi *ramban* ini dikenali, dipelajari dan dihargai setiap lapisan masyarakat Iban.

5.2 Perbincangan

5.2.1 Struktur Puisi *Ramban*

Struktur memainkan peranan penting dalam puisi *ramban* masyarakat Iban. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan terdapat struktur yang mendasari puisi-puisi *ramban*, iaitu elemen gaya bahasa, bait dan prosodi. Aspek gaya bahasa memberi tumpuan kepada pemilihan kata, frasa dan ayat yang digunakan oleh pemuisi dalam sesebuah karya untuk menyampaikan ceritanya. Bait pula memberi tumpuan kepada penyusunan baris atau rangkap dan seterusnya elemen prosodi menekankan aspek persajakan dan rima.

Gaya bahasa yang dikenal pasti dalam puisi *ramban* merangkumi elemen hiperbola, asonansi, aliterasi, metonimi, anafora, simplok, satira, sinisme, sarkasme, sinkop, simile, homoioteleuton, konotasi, denotasi, citra bebas, kolokasi dan polysyndeton. Elemen gaya bahasa yang membentuk struktur semua puisi *ramban* membuktikan bahawa puisi ini mempunyai diksi sebuah karya sastera yang unggul. Dapatan ini selaras dengan penjelasan Siti Hajar (2009) yang menyatakan bahawa teori strukturalisme turut menekankan elemen gaya bahasa sebagai pendekatan untuk menganalisis karya naratif dengan meneliti struktur luaran dan dalaman teks. Oleh itu, teori strukturalisme dapat menjelaskan bagaimana setiap ungkapan atau kata-kata dipilih dan digabungkan untuk menghasilkan sebuah karya yang estetik.

Dalam konteks ini, kajian ini merujuk kepada Teori Strukturalisme Ferdinand de Saussure. Oleh itu, dapatan kajian mendapati bahawa sepuluh buah puisi *ramban* yang dipilh memiliki unsur gaya bahasa yang terhasil dari imaginasi, daya cipta dan realiti budaya yang mempunyai nilai estetika, laras bahasa yang pelbagai dan unik. Sebagai contoh, elemen-elemen seperti simplok, simile, anafora, satira,

homoioteleuton, asonansi dalam puisi *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula* dan elemen simplok, anafora, sinisme, responsi, epifora, polysyndeton, citra bebas, homoioteleuton, aliterasi asonansi dalam puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya*. Penggunaan elemen-elemen yang mendasari setiap puisi ini memberi nilai estetik, iaitu bagaimana sesuatu karya itu terhasil dan bagaimana seseorang dapat merasainya atau menghayatinya. Keunikan puisi *ramban* dalam masyarakat Iban ini terserlah kerana menekankan struktur, bait, prosodi yang teratur serta mempunyai kepelbagaian tema dan fungsi yang jelas menggambarkan pemikiran dan sosiobudaya masyarakat Iban.

Penerapan elemen gaya bahasa yang pelbagai membuktikan puisi-puisi *ramban* menekankan elemen gaya bahasa yang bernilai estetik dan puitis seperti dinyatakan oleh Harun Jaafar. Penemuan ini selaras dengan huraian Harun Jaafar dalam buku beliau yang berjudul *Kesusasteraan Melayu*, jelas menunjukkan bahawa teks puisi *ramban* dibentuk dengan gaya bahasa yang memiliki nilai estetik dan indah sesebuah karya. Oleh itu, elemen gaya bahasa yang terdiri daripada hiperbola, asonansi, aliterasi, metonimi, anafora, simplok, satira, sinisme, sarkasme, sinkop, simile, homoioteleuton, konotasi, denotasi, citra bebas, kolokasi dan polysyndeton yang membentuk struktur kesemua puisi *ramban* membuktikan bahawa puisi ini mempunyai diksi sebuah karya sastera yang unggul.

Mana Sikana (1998), dalam buku beliau yang bertajuk *Pendekatan Kritikan Sastera Moden: Siri Khazanah Kesusasteraan* menjelaskan bahawa bahawa nilai sesebuah karya sastera perlu diteliti dengan merujuk perkataan dan ayat yang membentuk keseluruhan puisi tersebut sama ada luaran atau dalaman. Ini merujuk kepada aspek luaran yang membentuk elemen bait dan prosodi. Nelson (2017), turut menjelaskan setiap puisi memiliki struktur luaran dan dalaman dengan menekankan elemen bait dan prosodi bagi menyampaikan amanat dengan mengambilkira nilai

dan elemen puitis dalam sesebuah karya. Beliau telah membuktikan puisi lisan masyarakat Iban iaitu *Pelandai Bulan* mempunyai aspek rima dan jeda yang menjadi identiti kepada puisi ciptaan Dunging tersebut. Oleh itu, pengkaji turut menjelaskan puisi *ramban* memiliki elemen bait dan prosodi bagi menyampaikan mesej kepada pendengar.

Elemen jeda terdapat dalam puisi-puisi *ramban* memberikan impak kepada keindahan alunan atau rentak *ramban* ini dinyanyikan. Oleh itu, unsur jeda menjadi elemen yang membentuk kesemua sepuluh buah puisi *ramban* dengan bertujuan untuk membahagikan makna dalam baris supaya jelas dan menimbulkan rentak ketika dinyanyikan oleh penyair. Jeda di dalam puisi ini menunjukkan tempat hentian (,) dan (/) ketika dinyanyikan (Harun Jaafar, 2011). Tambahan itu, jika petikan puisi *ramban* tersebut tidak mempunyai tanda koma (,) maka penyair membuat tempat hentian (/) ketika dinyanyikan bagi mewujudkan rentak yang menarik.

Penelitian terhadap sepuluh buah puisi *ramban* dengan penemuan elemen jeda dan rima ini mempunyai perkaitan dengan pandangan Asmah Haji Omar dan Rosline Sandai (2012) dalam buku *Fonologi Bahasa Iban*. Mereka berdua menjelaskan bahawa setiap bunyi sebutan mempunyai makna yang ingin disampaikan kepada pendengar. Ini dapat diteliti dalam pemilihan kata dan istilah dalam setiap baris petikan puisi *ramban* bagi mewujudkan rima tanpa menidakkan kepentingan puitis yang mengutamakan sebutan, irama dan rentak apabila puisi *ramban* dinyanyikan. Oleh itu, jelaslah puisi *ramban* ini memiliki ciri-ciri yang memberi penekanan kepada keindahan rentak, rima dan irama untuk menyampaikan mesej kepada pendengar.

Seterusnya, unsur bait yang membentuk kesemua sepuluh buah puisi *ramban* memiliki elemen prolog, isi dan epilog. Ini dapat dilihat pada jumlah baris

ayat dan perkataan yang membahagikan setiap puisi *ramban* terbentuk dengan adanya elemen prolog, isi dan epilog. Puisi-puisi *ramban* yang dipilih ini terdiri daripada tujuh baris sehingga 32 baris dan kesemua memiliki antara tiga hingga 11 patah perkataan. Ini menunjukkan struktur binaan puisi-puisi *ramban* tidak terkawal kerana bergantung kepada penceritaan atau mesej yang disampaikan oleh penyair.

Keseluruhan unsur bait yang terdapat dalam sepuluh buah puisi *ramban* ini dibentuk dengan elemen rima, jeda, prolog, isi dan epilog yang menggambarkan penyair teliti untuk menghasilkan karya sastera yang memenuhi elemen kesusasteraan. Di samping itu, dari aspek prosodi turut menitikberatkan elemen disfemisme dan emotif di bahagian isi dan epilog sesebuah puisi *ramban* untuk tujuan menyindir, menasihati dan menghiburkan orang ramai. Oleh itu, ini membuktikan puisi *ramban* memelihara untaian seperti irama, bunyi akhir yang seragam dan elemen gaya bahasa yang pelbagai.

Dapatan struktur di atas menunjukkan puisi *ramban* mempunyai identiti dengan adanya elemen-elemen yang terdapat dalam puisi lisan tempatan. Ini dapat dibuktikan dengan penemuan Nelson (2017) dalam kajian beliau *Struktur dan Pragmatik Puisi Pelandai Bulan* yang menjelaskan Pelandai Bulan mempunyai ciri-ciri yang terdapat dalam genre puisi lisan dalam tanah air kerana mempunyai corak identiti dari aspek keseragaman dan bentuk. Tambahan itu, Amat Juhari Moain (2008) dalam buku beliau yang berjudul *Pemilihan Kata dalam Pantun Melayu* yang menjelaskan bahawa ciri-ciri pantun yang baik mempunyai elemen seperti irama, sajak, jumlah kata, pertentangan bunyi, eufoni, emotif, kolokasi dan nilai rasa. Jelaslah penemuan Nelson (2017) dan Amat Juhari Moain (2008) membuktikan puisi *ramban* memiliki struktur yang jitu sebagai sebagai sebuah karya sastera lisan masyarakat Iban yang bermutu dan mempunyai identiti tersendiri.

5.2.2 Tema Puisi Ramban

Dari aspek tema, kesemua puisi *ramban* mempunyai perbezaan dan pengkaji mendapati tema yang menceritakan tentang hubungan kekeluargaan, percintaan, hidup bermasyarakat, kepentingan pendidikan dan kesederhanaan dalam penampilan. Setiap puisi *ramban* menyampaikan mesej dan amanat kepada pendengar. Mesej dan amanat yang diketengahkan dalam puisi *ramban* diharapkan dapat memberi kesedaran dan pengajaran kepada pendengar tentang isu yang berkaitan dengan kehidupan sekeliling masyarakatnya.

Tema yang paling dominan diketengahkan dan diceritakan oleh penyair dalam puisi *ramban*, iaitu mengenai hubungan kekeluargaan. Antara puisi *ramban* yang menceritakan isu hubungan kekeluargaan seperti *Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai, Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa* dan *Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki*. Puisi-puisi *ramban* tersebut banyak membawa mesej kepada menasihati namun terselit ungkapan yang menyindir dan memperlekehkan orang lain. Penyair berfokuskan kepada isu yang melibatkan hubungan antara ibu dengan anak perempuan dan masalah keluarga antara suami isteri yang menceritakan keluh kesah dan kesusahan hidup yang dihadapi. Namun demikian, penyair sebenarnya mengingatkan pendengar untuk menjaga emosi dan tingkah laku kerana kadang kala ungkapan yang kasar seperti menyindir lebih tersemat di dalam hati dan menyebabkan pertelingkahan berlaku.

Tema berkaitan hubungan kekeluargaan yang berfokuskan kepada perselisihan faham dan pergaduhan antara ibu dan anak perempuan turut dikesan bagaimana penyair mengambarkan tingkah laku atau sikap seseorang. Ini merujuk kepada sikap individu yang ditegur, dinasihati dan disindir oleh penyair yang tidak rasional dalam membuat pertimbangan dan tindakan sehingga menjatuhkan maruah

diri. Contoh boleh dilihat dalam puisi dalam *Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa*, anak perempuan yang tidak berfikir rasional sebelum membuat tindakan sehingga mencemarkan nama keluarga. Perbuatan maksiat dengan menjalin hubungan yang tidak sah amat dilarang sekali. Oleh itu, penyair menceritakan bagaimana perasaan keluarga yang menanggung malu akibat perbuatan anak perempuan yang tidak berfikir dan menilai sesuatu yang baik dan buruk.

Seterusnya, dapatan turut menemukan tema yang berfokuskan kepada hidup bermasyarakat. Masyarakat Iban merupakan masyarakat yang peramah apabila melibatkan kedatangan tetamu yang datang ke rumah panjang. *Ramban Nanyaka Pejalai* memberi gambaran kewujudan tema ini yang mana tetamu disapa dengan berbudi bahasa dan seperti kebiasaan akan berusaha memberi pertolongan jika mereka memerlukan bantuan. Ini yang diketengahkan oleh penyair yang mana setiap orang harus berbudi bahasa dan berhemah tinggi tanpa mengira status individu tersebut.

Tema mengenai kepentingan pendidikan turut terdapat dalam puisi *Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula* yang menceritakan penyair memberi nasihat dan pesanan kepada anak-anak yang masih bersekolah. Terdapat pelbagai mesej dan amanat yang disampaikan oleh penyair kepada pendengar terutama sekali anak perempuan yang belajar jauh di perantauan kerana terdapat banyak dugaan dan cabaran yang perlu ditempuhi. Oleh itu, anak perempuan dinasihatkan supaya menjaga maruah diri, rasional dan sentiasa mendengar nasihat guru dan ibu bapa untuk menjadi insan yang berjaya.

Selain itu, tema percintaan yang berkaitan dengan kehidupan rumah tangga yang mengetengahkan isu sosioekonomi dan sosiobudaya turut disampaikan oleh penyair. Isu kehidupan rumah tangga yang melibatkan masalah kewangan

diceritakan oleh penyair apabila isteri tidak mempunyai sumber kewangan kerana suami yang jauh bekerja dan mengabaikan keperluan isteri dan anak. Penyair menceritakan bagaimana kesengsaraan hidup yang terpaksa ditempuhi oleh isteri dengan menjaga anak yang memerlukan kasih sayang seorang bapa. Oleh itu, mesej dan amanat yang disampaikan oleh penyair mengenai tanggungjawab seorang bapa sebagai ketua keluarga perlu menyediakan segala keperluan walaupun bekerja jauh di perantauan.

Tambahan itu, tema berkaitan dengan isu cubaan merosakkan rumah tangga orang lain demi mengejar cinta yang tidak pasti turut disampaikan oleh penyair dalam puisi *Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang*. Penyair menceritakan keinginan seorang gadis cuba meruntuhkan rumah tangga orang lain untuk kebahagian diri sendiri dengan menggoda kaum lelaki yang sudah berkahwin. Pada masa yang sama, si gadis memberi pendapat kepada kaum lelaki yang sudah berkahwin untuk menceraikan isterinya dan berkahwin dengannya. Ini membawa kepada mesej seseorang perempuan harus menjaga harga diri dan bertindak rasional dengan tidak merosakkan kebahagian orang lain untuk kepentingan diri sendiri.

Penyair turut menyelitkan kisah percintaan yang tidak kesampaian, iaitu kekecewaan seorang perempuan kerana janji seorang lelaki yang tidak ditepati seperti yang terdapat dalam puisi *Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya*. Penyair menceritakan bagaimana seorang perempuan bersedih dan kecewa kerana dipermainkan oleh kekasihnya yang berjanji untuk menjadikannya sebagai isteri. Kekecewaan tersebut menyebabkan kesabarannya tidak dapat dikawal sehingga mengungkapkan kata-kata yang berunsur sumpahan. Oleh itu, penyair mengingatkan setiap orang perlu menepati janji dan tidak mengambil kesempatan di atas penantian orang yang penuh berharap.

Tema-tema yang terkandung dalam setiap puisi *ramban* jelas mendukung dan menerapkan prinsip keseluruhan, prinsip perkaitan, prinsip regulasi diri, prinsip analisis sinkronik dan prinsip desentralisasi perkara dalam teori strukturalisme sebagai titik tolak untuk menyampaikan mesej kepada pendengar. Prinsip-prinsip yang mendasari setiap puisi *ramban* mementingkan aspek struktur dan hubungkait sistem struktur yang ada dalam teks dan seterusnya membolehkan suatu teks dapat dianalisis dari aspek tema. Oleh itu, penyair menyampaikan penceritaan dalam puisi *ramban* dengan mengutamakan sepenuhnya kepada perkara yang dilihat dan dirasai dengan pengalaman sendiri.

Tema yang diterapkan dalam puisi-puisi *ramban* seperti yang pengkaji jelaskan tersebut menunjukkan puisi ini mempunyai tujuan khusus dinyanyikan dengan penuh penceritaan dan penghayatan. Menurut Chemaline (2006), puisi lisan tradisional masyarakat Iban mengandungi mesej dan amanat yang bertujuan untuk menyumbang ke arah kestabilan sosial dan emosi, adat, budaya dan kepercayaan masyarakat Iban. Oleh itu, berdasarkan mesej dan amanat yang diceritakan oleh penyair dalam puisi *ramban* ini mempunyai perkaitan tentang situasi yang memang wujud dalam masyarakat Iban dan puisi ini merupakan satu medium untuk menyampaikan mesej kepada pendengar.

Di samping itu, setiap puisi *ramban* yang dinyanyikan oleh penyair memainkan peranan penting dalam menegur, menasihati dan menyindir untuk bertujuan mengubah corak pemikiran dan gaya hidup dalam kalangan masyarakat Iban. Ini dijelaskan oleh Chemaline (2011) dalam buku beliau yang berjudul *Waris Daya Idup Iban*, dimana beliau menyatakan bahawa puisi lisan sebagai medium atau wadah untuk mengingat dan merangsang agar menjaga pertuturan, tingkah laku, perbelanjaan dan sentiasa mengamalkan sikap tolong menolong antara satu sama lain.

Penemuan di atas juga mempunyai perkaitan dengan pendapat Nelson (2017) yang menjelaskan *Pelandai Bulan* yang dicipta oleh Dunging mempunyai makna yang luas dan mendalam berkaitan budaya tentang mesej bekerjasama, menjaga keselamatan, mempelbagaikan sumber ekonomi dan mesti rajin untuk meneruskan kesinambungan hidup. Penemuan Nelson ini mempunyai perkaitan dengan tema puisi *ramban* yang banyak mengetengahkan tentang mesej berhemat tinggi, kasih sayang, kerajinan, menghormati, etika dan moral seseorang. Pernyataan ini memperlihatkan cerminan masyarakat Iban yang prihatin dengan persekitaran sekeliling dan berusaha memberi nasihat dan peringatan untuk tujuan kebaikan.

5.2.3 Fungsi Puisi *Ramban*

Dapatan kajian mendapati sepuluh fungsi puisi *ramban* berdasarkan kaedah implikatur yang diperkenalkan oleh Grice (1975) dalam Teori Pragmatik. Fungsi tersebut dijelaskan berdasarkan implikatur-implikatur dalam puisi *ramban* digunakan sebagai strategi untuk memberi pertolongan, strategi untuk memberi nasihat, strategi untuk menyatakan rasa kasih, strategi untuk menyindir seseorang, strategi untuk menyatakan nekad melakukan sesuatu, strategi untuk menegur perbuatan seseorang, strategi untuk menyatakan kesedihan dan kerisauan, strategi untuk menyatakan ketidakpuasan hati dan strategi untuk memberi pesanan kepada seseorang. Ini menunjukkan puisi *ramban* menyampaikan mesej kepada pendengar yang berunsurkan suara hati dan keluhan perasaan penyair.

Penggunaan kaedah implikatur ini relevan dalam merungkai fungsi puisi *ramban* kerana mengemukakan strategi-strategi yang membolehkannya mendapatkan makna sebenar yang hendak disampaikan oleh penyair. Dapatan

kajian tentang puisi *ramban* sebagai strategi untuk menyatakan kesedihan dan kerisauan mempunyai perkaitan dengan konteks hubungan kekeluargaan, percintaan kekasih dan hubungan suami-isteri. Dapatan ini pengkaji sandarkan kepada penjelasan Mary Fatimah et.al (2015) dalam buku *Unsur Semantik dan Pragmatik dalam Pantun Bidayuh Jagoi* yang menjelaskan pantun yang dilafazkan bertujuan untuk menyatakan kerisauan yang bersarang kukuh dalam hati seseorang. Mereka menjelaskan ungkapan pantun *"Anak menangis tidak dibelai"* dan *"Suami mencari isteri baru"* adalah implikatur yang cuba memberitahu kita betapa sengsaranya kedukaan dan kerisauan yang ditanggung oleh penyair. Dalam konteks puisi *ramban*, pengkaji mendapati ungkapan yang mengambarkan kesedihan dan kerisauan seorang isteri yang ditinggalkan oleh suami yang bekerja serta keperluan anak turut diabaikan.

Dalam pada itu, puisi *ramban* turut berperanan sebagai medium atau saluran menyampaikan hasrat hati dan pesanan kepada pendengar mengenai pendapat atau pandangan beliau terhadap perkara serta isu yang berlaku di persekitarannya. Dalam konteks ini, penyair mengambil inisiatif membawa perubahan bahawa pendengar perlu menerima pendapat dan teguran yang kadang kala lebih kepada ungkapan menyindir dan sumpahan. Ini dapat dilihat apabila puisi *ramban* ini dinyanyikan untuk menyindir, menegur perbuatan seseorang, menyatakan ketidakpuasan hati dan memberi pesanan kepada seseorang. Penemuan ini selaras dengan dapatan Nelson (2017) yang menjalankan kajian puisi lisan masyarakat Iban, iaitu *Pelandai Bulan* dan mendapati mesej yang diterapkan dalam puisi tersebut mengingatkan masyarakat Iban agar bersedia menghadapi perubahan ekonomi, isu sosial dan kerohanian. Begitu juga dengan puisi *ramban* yang memberi seribu satu makna kepada pendengar kerana menyampaikan hasrat hati, pandangan dan persepsi masyarakat terhadap sesuatu fenomena.

Tambahan itu, puisi *ramban* yang dinyanyikan pada masa lapang di khalayak ramai merupakan satu hiburan sehingga dapat mencuit hati para pendengar. Hal ini dapat dibuktikan apabila penyair lelaki dan penyair perempuan bersahutan menyanyikan puisi *ramban* untuk menyampaikan suara hati, keluh kesah dan nasihat mereka. Penemuan ini selaras dengan penjelasan Jimmy (2014), yang menyatakan bahawa puisi *ramban* merupakan puisi lisan yang berbentuk hiburan yang dinyanyikan pada waktu senang serta pada hari keramaian untuk tujuan memuji, memberi motivasi, meluahkan perasaan gembira dan cinta serta keluh-kesah dan rintihan. Dalam konteks kajian ini pengkaji mendapati penyair banyak mengetengahkan isu dan situasi yang memang terjadi dalam persekitarannya. Oleh itu, pengkaji percaya puisi *ramban* bukan sahaja sebagai wadah hiburan semata-mata malah berjaya menyelitkan isu-isu seperti kepentingan pendidikan, tanggungjawab terhadap keluarga, kehidupan bermasyarakat dan pertimbangan dalam membuat tindakan.

Setiap puisi yang dicipta mempunyai hubungkait yang erat dengan pencipta serta kehidupan persekitarannya. Ini memang ketara dan wujud dalam masyarakat Iban dan hubungan dengan apa yang berlaku di sekelilingnya. Ini memberi idea kepada penyair untuk meluahkan segala perasaan, keluh kesah dan rintihan melalui karya lisan. Hal ini menunjukkan puisi mempunyai peranan yang penting dalam menyampaikan mesej dan pesanan kepada pendengar. Dalam kontek kajian ini, puisi *ramban* bukan sekadar puisi yang berbentuk hiburan semata-mata malah menjadi medium untuk mempengaruhi masyarakat tentang situasi dan isu semasa yang terjadi. Oleh itu, karya seperti puisi *ramban* ini sebuah karya sastera yang dipandang tinggi oleh masyarakat Iban kerana terselit amanat dan nilai-nilai kehidupan disamping mengetengahkan seni budaya dan tradisi lisan masyarakat Iban.

5.3 Rumusan Kajian

Kajian ini mendapati bahawa sepuluh buah puisi *ramban* yang terdapat dalam buku *Leka Main Asal Iban* karya Jimmy Donald merupakan sebuah karya yang mempunyai keunikan dan nilai tersendiri. Puisi *ramban* yang dinyanyikan oleh penyair memiliki struktur gaya bahasa mempunyai ciri-ciri sebuah karya sastera yang estetik, unik dan menggambarkan identiti masyarakat Iban. Tambahan itu, puisi *ramban* mengandungi unsur bait dan prosodi yang menjelaskan bagaimana setiap ungkapan atau kata-kata dipilih dan digabungkan untuk menghasilkan sebuah karya yang estetik. Gaya bahasa yang dikenal pasti dalam puisi *ramban* merangkumi elemen hiperbola, asonansi, aliterasi, metonimi, anafora, simplok, satira, sinisme, sarkasme, sinkop, simile, homoioteleuton, konotasi, denotasi, citra bebas, kolokasi dan polysyndeton. Elemen gaya bahasa yang membentuk struktur semua puisi *ramban* tersebut membuktikan bahawa puisi ini mempunyai diksi sebuah karya sastera yang unggul.

Hasil kajian turut mendapati puisi-puisi *ramban* ini mengandungi tema yang pelbagai serta mempunyai perkaitan dengan apa yang berlaku di sekeliling masyarakat Iban. Ini dapat diteliti apabila setiap puisi *ramban* yang dicipta dan dinyanyikan oleh penyair menceritakan tentang isu sosiobudaya, sosioekonomi, pendidikan dan kestabilan sosial dan emosi. Setiap puisi *ramban* mengandungi tema yang berbeza bagi menyampaikan mesej dan amanat kepada pendengar. Mesej dan amanat yang diketengahkan dalam puisi *ramban* ini diharapkan dapat memberi kesedaran dan pengajaran kepada pendengar tentang isu yang berkaitan dengan kehidupan sekeliling masyarakatnya.

Kesemua sepuluh buah puisi *ramban* memiliki tema keseluruhan yang menceritakan pelbagai kisah antara kaum lelaki dan kaum perempuan seperti

bertujuan untuk menceritakan, menyindir dan menasihati. Penyair berjaya menghasilkan setiap puisi *ramban* yang memberi mesej dan amanat yang pelbagai walaupun pemilihan kata-kata atau ungkapan agar kasar tetapi ia sebuah wadah hiburan. Jadi, dapat dirumuskan penyair membawa pendengar untuk menelusuri tema yang terjadi di sekitar dan khususnya masyarakat Iban berkaitan sosiobudaya, sosioekonomi dan kepentingan pendidikan.

Dapatan kajian tentang aspek fungsi, puisi *ramban* sebagai strategi untuk memberi pertolongan, strategi untuk memberi nasihat, strategi untuk menyatakan rasa kasih, strategi untuk menyindir seseorang, strategi untuk menyatakan nekad melakukan sesuatu, strategi untuk menegur perbuatan seseorang, strategi untuk menyatakan kesedihan dan kerisauan, strategi untuk menyatakan ketidakpuasan hati dan strategi untuk memberi pesanan kepada seseorang. Ini menunjukkan puisi *ramban* menyampaikan mesej kepada pendengar yang berunsurkan suara hati dan keluhan perasaan penyair.

Seterusnya, puisi *ramban* berfungsi untuk menyatakan kesedihan dan kerisauan mempunyai perkaitan dengan konteks hubungan kekeluargaan, percintaan kekasih dan hubungan suami-isteri. Dalam pada itu, puisi *ramban* turut berperanan sebagai medium atau saluran menyampaikan hasrat hati dan pesanan kepada pendengar mengenai pendapat atau pandangan beliau terhadap perkara serta isu yang berlaku di persekitarannya. Dalam konteks ini, penyair mengambil inisiatif membawa perubahan bahawa pendengar perlu menerima pendapat dan teguran yang kadang kala lebih kepada ungkapan menyindir dan sumpahan. Ini dapat dilihat apabila puisi *ramban* ini dinyanyikan untuk menyindir, menegur perbuatan seseorang, menyatakan ketidakpuasan hati dan memberi pesanan kepada seseorang.

5.4 Implikasi Kajian

Puisi *ramban* memperlihatkan kepelbagaian unsur gaya bahasa, bait dan prosodi yang membentuk struktur *ramban* yang estetik dan indah. Penyair yang menyanyikan puisi *ramban* harus mempunyai kebolehan dan kemahiran lantunan suara yang dapat memberi impak kepada pendengar untuk menghayati mesej dan pesanan yang disampaikan. Namun begitu, dapatan kajian ini boleh dijadikan bahan rujukan kepada golongan pendidik yang mengajar kemahiran *bungai jaku* (seni bahasa). Hal ini merujuk kepada guru yang kurang pengetahuan tentang penelitian terhadap aspek struktur yang merangkumi gaya bahasa, bait, prosodi dan ini memberi impak kepada objektif pengajaran tidak tercapai kerana kurang mendalami maksud yang tersurat dan tersirat dalam puisi *ramban*.

Kekurangan orang yang arif dan berpengalaman dalam penyusunan lapisan bahasa dan aturan *ramban* menjadikan generasi muda hari ini mengalami kesukaran dalam memahami aspek struktur dan tema. Walaupun cara persembahan semasa menyanyikan puisi *ramban* mudah berbanding puisi lisan yang lain tetapi orang ramai masih keliru dengan alunan atau lantunan suara. Ini memberi implikasi kepada usaha untuk mengekalkan budaya dan tradisi lisan ini untuk diwarisi secara turun temurun. Oleh itu, dapatan kajian ini perlu didokumentasikan menerusi pelbagai cara seperti pembentangan kajian tindakan, kolokium, persidangan, simposium dan lain-lain yang boleh mempromosikan budaya masyarakat Iban.

Melalui kajian ini juga, pengkaji percaya dapatan kajian ini akan menambahkan lagi korpus sastera masyarakat Iban. Korpus sastera yang dahulu kurang didokumentasikan kini semakin mendapat perhatian orang ramai sama ada dalam negara mahupun luar negara. Ini memberi impak yang positif kepada masyarakat Iban, iaitu generasi muda boleh mempelajari ilmu pengetahuan tentang

cara menyampaikan puisi *ramban* disamping mengenali dengan lebih mendalam tentang struktur lapisan yang membentuk puisi *ramban*. Malah, masyarakat luar akan tertarik dengan keunikan puisi lisan masyarakat Iban dan ini menjadi medium untuk mempromosikan tradisi lisan ke seluruh dunia.

Seiring dengan perkembangan dan kemajuan dunia, usaha untuk mengekalkan adat, tradisi dan budaya memang menghadapi cabaran yang besar. Oleh yang demikian, kajian ini dapat menjadi paradigma kepada pendidik, penyelidik dan institusi kerajaan dan bukan kerajaan untuk mengenali budaya serta mengekalkan identiti masyarakat Iban sendiri. Justeru itu, semua pihak harus menggembleng tenaga untuk terus memelihara dan mengekalkan adat, tradisi dan budaya turun temurun agar generasi akan datang dapat mengenali budaya sendiri.

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini berfokuskan kepada struktur dan fungsi puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban*. Namun demikian, pengkaji mendapati kajian ini dapat ditambahbaik dari pelbagai aspek bagi bertujuan untuk memantapkan lagi hasil penyelidikan. Oleh itu, dalam usaha untuk mengekalkan puisi *ramban* ini kajian seterusnya memerlukan penelitian, analisis dan dapatan yang lebih jitu agar menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti tinggi.

Antara kajian yang boleh dilaksanakan, iaitu mempelbagaikan kaedah dan instrumen kajian. Kajian ini hanya berfokuskan kepada kaedah kualitatif dan instrumen menggunakan buku sebagai analisis kandungan atau teks. Oleh itu, dengan mempelbagaikan kaedah seperti menggunakan pendekatan kuantitatif serta menambahkan lagi instrumen kajian seperti temu bual, pemerhatian, soal selidik dan

lain-lain dapat memperoleh hasil kajian yang lebih jitu serta menjawab soalan kajian dengan lebih mendalam.

Tambahan itu, kajian ini dapat ditambahbaik dengan melibatkan pelbagai pihak atau sumber data yang pelbagai seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Perkembangan Kurikulum Bahasa Iban (BPK), institusi pendidikan, Majlis Adat dan Istiadat, agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan. Dengan adanya kepelbagaian sumber ini dapat memberi maklumat, pengetahuan dan dapatan yang baharu dalam menambah korpus data mengenai puisi ramban ini.

Seterusnya, untuk kajian yang akan datang pengkaji lain yang meminati untuk membuat penyelidikan mengenai puisi ramban secara lebih mendalam boleh mengkaji amalan atau persembahan puisi ramban serta penelitian terhadap lapisan bahasa dan jenis ayat dalam puisi ramban. Malah, pengkaji boleh mengkaji teks ramban yang tidak terdapat dalam buku bagi merungkaikan lagi banyak isu yang sering diketengahkan di dalam puisi ramban yang mempunyai perkaitan dengan kehidupan seharian masyarakat Iban.

Bagi menambahkan lagi rujukan pada masa hadapan, kajian lanjutan boleh memfokuskan kepada bidang pendidikan bahasa Iban dan bukan hanya mengkaji adat, budaya dan tradisi dalam bidang kesusasteraan. Ini merujuk kepada pedagogi semasa pengajaran dan pemudahcaraan oleh guru dalam mengajar kemahiran seni bahasa (*bungai jaku*). Melalui penelitian seperti ini, dapat memberi impak yang positif untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh guru semasa mengajar kemahiran seni bahasa (*bungai jaku*) di sekolah dan berusaha untuk membincangkan idea menyelesaikan masalah tersebut.

Secara keseluruhannya, cadangan-cadangan kajian lanjutan tersebut merupakan rentetan penambahbaikan kepada kajian yang telah dijalankan ini. Pengkaji berharap cadangan-cadangan ini dapat memberi manfaat, rujukan dan panduan kepada pengkaji lain yang berminat untuk mengkaji puisi ramban khususnya serta menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti tinggi. Oleh itu, dengan adanya kajian seperti ini masyarakat Iban serta masyarakat lain yang meminati sastera lisan dapat mengetahui, mempelajari dan mengenali disamping menjadi panduan dan rujukan kepada masyarakat Iban itu sendiri.

5.6 Penutup

Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat dirumuskan kajian ini berjaya merungkai puisi *ramban* dari aspek struktur, tema dan fungsi. Kajian yang berfokuskan kepada sepuluh buah puisi *ramban* dalam buku *Leka Main Asal Iban* menggariskan tiga objektif untuk melihat tema dan struktur yang terkandung dalam puisi ramban, menganalisis tema dan struktur puisi *ramban* dengan menggunakan teori strukturalisme dan menjelaskan fungsi *ramban* dalam masyarakat Iban berdasarkan teori pragmatisme.

Puisi *ramban* menunjukkan struktur teks yang menepati ciri-ciri sesebuah puisi kesusasteraan masyarakat Iban. Ciri-ciri ini berdasarkan struktur puisi *ramban* yang memiliki elemen diksi yang terdiri daripada hiperbola, asonansi, aliterasi, metonimi, anafora, simplok, satira, sinisme, sarkasme, sinkop, simile, homoioteleuton, konotasi, denotasi, citra bebas, kolokasi dan polysyndeton yang membentuk struktur semua puisi *ramban* membuktikan bahawa puisi ini mempunyai diksi sebuah karya sastera yang unggul.

Keseluruhan bait yang terdapat dalam sepuluh buah puisi *ramban* ini dibentuk dengan elemen rima, jeda, prolog, isi dan epilog yang mengambarkan penyair teliti untuk menghasilkan karya sastera yang memenuhi elemen kesusasteraan. Di samping itu, dari aspek prosodi turut menitikberatkan elemen disfemisme dan emotif di bahagian isi dan epilog sesebuah puisi *ramban* untuk tujuan menyindir, menasihati dan menghiburkan orang ramai.

Dari aspek tema, puisi *ramban* ini menceritakan pelbagai kisah antara kaum lelaki dan kaum perempuan seperti bertujuan untuk menceritakan, menyindir dan menasihati. Penyair berjaya menghasilkan setiap puisi *ramban* yang memberi mesej dan amanat yang pelbagai walaupun pemilihan kata-kata atau ungkapan agar kasar tetapi ia sebuah wadah hiburan. Jadi, dapat dirumuskan penyair membawa pendengar untuk menelusuri tema yang terjadi di sekitar dan khususnya masyarakat Iban berkaitan sosiobudaya, sosioekonomi dan kepentingan pendidikan.

RUJUKAN

Abang Patdeli Abang Muhi. (2018). *Analisis genre dan akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak.* Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abdul Halim. (2011). *Pengantar teori dan kritikan sastera: Barat dan Malaysia*. Persatuan Penulisan Budiman Malaysia. Selangor: Univison Press Sdn. Bhd.

Abdul Rahim Mohamad. (2013). *Nilai nasihat dalam puisi tradisional Teromba*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Kesusasteraan Melayu. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Amat Juhari Moain. (2008). *Pemilihan kata dalam pantun Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Pustaka.

Aminuddin. (2004). *Pengantar apresiasi karya sastera.* Bandung: Sinar Baru Algesindo.

Anthony Richard. (1981). *An Iban-English Dictionary*. Oxford University Press.

Asmah Omar. (2013). *The Iban language of Sarawak: A grammatical description*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azizi Yahaya, Peter Voo, Ismail Maakip & Mohd Dahlan A. Malek. (2020). *Kaedah penyelidikan dalam pendidikan.* Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Sandin, B. (1977). *Gawai Burong: The chants and celebrations of the Iban bird festival.* Universiti Sains Malaysia.

Bejamin Liam. (2020). *Unsur simbolisme dalam Pengap Gawai Pangkung Tiang*. PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature. Jilid 11 No. 2, 2020 / ISSN 1823-6812 (55-69).

Bresslee, Charles E. (1999). *Literary critism: An introduction to theory and practice*. Upper Saddle River, N.J: Prentice Hall.

Budd, R. W., Thorp, R. K., & Donohew, L. (1967). Content analysis of communications. Macmillan.

Chandran Govindan. (2018). *Penampilan nilai budaya dalam kumpulan puisi tradisional Tamil Aruvi*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Chemaline Osup. (2013). *Penghayatan leka main melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran Jaku Iban di bilik darjah.* Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN). Jilid 1/Jan/2013, 112-142 ISSN:2289-5000.

Chemaline Osup. (2006). *Leka Main: Puisi rakyat Iban-Satu analisis tentang bentuk dan fungsi.* Tesis PhD. Pulau Pinang: USM

Chemaline Osup. (2011). *Waris Daya Idup Iban. Vol.1*. Bintulu: Pegari Iban Production.

Chemaline Osup & Padang Luna. (2011). *Morfologi Jaku Iban: Malin nembiak enggau pengajar*. Tanjung Malim, Perak: Emeritus Publications.

Downe-Wamboldt, B. (1992). Content analysis: Method, applications, and issues. Health Care for Women International, 13(3), 313–321. https://doi.org/10.1080/07399339209516006

Ferdinand de Saussure. (1983a). *Course in general linguistics,* trans. Roy Harris. London: Dockworth, www.googlescholar net. [23 November 2021]

Ferdinand de Saussure. (1983b). *Structuralism in literary theory and criticism*. Wikipedia: The Free Encyclopedia. www.theprofessors net/structuralism.pdf [25 November 2021]

Freeman, D. (1970). *Report on the Iban*. Athlone Press.

Elizabeth. (2018). *Tema, ciri-ciri dan fungsi Jaku Sema dan Jaku Silup dalam pengajaran bungai jaku*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Harun Jaafar. (2003). *Prosa Melayu Klasik: Telaah persoalan dan fungsi*. Tesis Sarjana. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Janang Ensiring & Robert Menua Saleh. (2009). *Jaku Dalam.* Kuching. Tun Jugah Foundation.

Jayanthimala Ramasamy. (2017). *Nilai murni dalam puisi tradisional karya Kanimozhi Kuppusamy.* Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Jessica. (2020). *Unsur yang membentuk metafora dalam Biau*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Jimmy Donald. (2020). *Pengarap Asal Sampi enggau Biau Iban*. Kuching: Permata Kukuh Sdn. Bhd.

Jimmy Donald. (1993). *Leka Main Asal Iban*. Bintulu: Borneo Media Solutions.

Julita @ Norjietta Taisin. (2014). *Sudawil: Analisis dari aspek makna.* Tesis Doktor Falsafah. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.

Keraf. (2006). *Diksi dan gaya bahasa*. Jakarta: Gramedia.

Kondracki, N. L., & Wellman, N. S. (2002). *Content analysis: Review of methods and their applications in nutrition education*. Journal of Nutrition Education and Behavior, 34(4), 224–230. https://doi.org/10.1016/S1499-4046(06)60097-3

K.M. Newton. (1997). *Twentieth-century literary theory: A reader*. United Kingdom: Macmilan Education.

Laura Seman. (2020). *Imej arketaip dalam puisi Sabak*. Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature Jilid 11 No.1, 2020 / ISSN 1823-6812 (88-97)

Lindkvist, K. (1981). *Approaches to textual analysis*. In K. E. Rosengren (Ed.), Advances in content analysis (pp. 23–41). Sage.

Magdeline Nor & Zamri Mahamad. (2014). *Penterjemahan pengetahuan pedagogi kandungan dalam proses tindakan guru bahasa Iban baharu dan berpengelaman bukan opsyen.* Jurnal Pendidikan Malaysia 39(1) (2014): 37-49

Mana Sikana. (1998). *Teori dan pendekatan kritikan sastera moden: Siri khazanah kesusasteraan.* Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Mana Sikana. (2015). *Penulisan akademik sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mary Fatimah Subet, Shanthi Nadarajan, Wan Robiah Meor Osman & Sabia Hassan. (2015). *Unsur semantik dan pragmatik dalam Pantun Bidayuh Jagoi*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.

McTavish, D. G., & Pirro, E. B. (1990). *Contextual content analysis*. Quality and Quantity, 24(3), 245–265. https://doi.org/10.1007/BF00178758

Patricia Matusky. (2004). *The Iban Pantun – poerty and song. Wacana seni journal of arts discourse*. Jil/Vol.3.2004. OUM Digital Library. library.oum.edu.my/oumlib/faq/389 [12 Januari 2022]

Nathesan, S. (2008). *Laras bahasa ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nelson Tandang. (2017). *Struktur dan pragmatik dalam puisi Pelandai Bulan*. Tesis PhD. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ngabong Katoi. (2021). *Bentuk puisi tradisional Iban Timang Jalung*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.

Norfishah Mat Rabi. (2020). *Penulisan proposal penyelidikan ilmiah*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Othman Lebar. (2018). *Penyelidikan kualitatif*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Patricia Ganing, Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. (2020). *Entelah warisan dan hubungannya dengan kepercayaan masyarakat Iban*. Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Patricia Ganing & Asmiaty Amat. (2021). *Entelah leka main masyarakat Iban*. Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Rosengren, K. E. (1981). *Advances in content analysis*. Sage.

Rosliah Kiting. (2014). *Unsur-unsur sejarah dalam Sudawil (Pantun) Kadazandusun*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Rosliah Kiting, Rosy Talin & Saidatul Nornis Mahali. (2016). *Nilai pendidikan Talaala dan impak kepada pembentukan generasi muda Kadazandusun*. JPBU Edisi Khas / ISSN 1394-7176.

Rosline Sandai. (2011). *A survey on problems faced by Iban language secondary school teachers.* The HEAD Foundation. Routledge Critical Studies in Asean Education.

Rosnah Ramli. (2016). *Masyarakat Iban dan Lun Bawang*. Petaling Jaya: Impiana Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Rowdella Raymond Raimi. (2017). *Tema dan fungsi peribahasa masyarakat Kadazandusun*. Tesis Ijazah Sarjana. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Saedah Siraj, Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah & Rozaini Muhamad Rozkee. (2021). *Pendekatan penyelidikan rekabentuk dan pembangunan.* Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan sultan Idris.

Saripah Banseng. (2017). *Unsur bahasa kiasan metafora dalam Sampi Iban*. PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature. Jilid 8,2017 / ISSN 1823-6812 (116-121).

Terry Eagleton. (1983). *Literary theory: An introduction*. Oxford, United Kingdom: Basil Blackwell.

Tesch, R. (1990). *Qualitative research: Analysis types and software tools*. Falmer Press.

LAMPIRAN A

Ramban Nanyaka Pejalai

(Bersebelahan terjemahan dalam Bahasa Melayu)

Kajang kunda wa,	Kajang kunda wa,
Kajang kunda wa,	Kajang kunda wa,
Nama pejalai seduai mega Tuntung, Pungga?	Apa tujuan perjalanan kalian Tuntung, Pungga?
Enti mega bisi, anang malu dek nanya,	Kalau ada, jangan malu bertanya,
Nyangka bisi utai ga deka digaga kita,	Mungkin ada sesuatu yang ingin diperlukan oleh kalian semua,
Enti mega bisi, anang malu ga nuan nanya,	Kalau ada, jangan malu bertanya,
Enti aku bisi, lagi meri, enti nadai, ga aku enda,	Kalau ada, nanti beri, kalau tiada, tiadalah memberi,
Anang seduai Pungga	Jangan kedua-dua Pungga
Malu madahka pejalai seduai tu datai.	Malu memberitahu tujuan kalian berdua datang.
Kajang sa apai,	Kajang sa bapa,
Kati bela gerai kita menua, kajang…	Bagaimana khabar kalian di kampung, Kajang…

Ramban Ngajar Indu Ti Tengan Sekula

(Bersebelahan terjemahan dalam Bahasa Melayu)

Kajang kunda wu, kajang kunda wu	Kajang kunda wu, kajang kunda wu
Dinga kita kumang mereti, kita ti enggai tuyu,	Dengarlah dewi cantik yang memahami, kalian yang tidak nakal,
Dinga kita anak asi, bala kita ti anak indu,	Dengarlah anak yang dikasihi, kalian yang anak perempuan,
Dinga bala kita ti tengan besekula,	Dengarlah kalian yang masih bersekolah,
Ti deka belajar enggai badu-badu	Yang sentiasa belajar bersungguh-sungguh
Enti pagila sekula, malam tu gaga kereja rumah,	Kalau esok bersekolah, malam ini buatlah kerja rumah,
Anang tak bangat mayuh jaku,	Janganlah banyak bercakap,
Maya belajar dalam kelas, runding anang aja kin kitu,	Bila di dalam kelas, fikiran jangan melayang,
Enti orang agi bisi nundi, diau diri, anang mega dek sinu,	Kalau ada orang yang menganggu, kawal diri, tapi jangan bersedih,
Enti orang lelaki ngirum surat,	Kalau ada lelaki yang mengirim surat,
Bacha jampat lalu terus tunu,	Baca cepat dan terus bakar,
Enti lelaki ngirum SMS, padah ke iya salah send,	Kalau ada lelaki mengirim SMS, beritahu dia salah kirim,
Padahka nya salah tuju,	Beritahulah dia salah orang,
Enti iya mai nuan pansut malam,	Kalau dia mengajak kamu keluar malam,
Padahka nuan takut ke antu,	Beritahulah dia yang kamu takut dengan hantu,
Enti iya mai nuan raun ke Kuching,	Kalau dia mengajak kamu pergi melancong ke Kuching,
Padahka dek ka ke Bintulu,	Beritahulah dia yang kamu hendak ke Bintulu,
Endai, enti iya mai nuan raun ke Miri,	Kalau dia mengajak kamu melancong ke Miri,
Padahka nuan deka ke Sibu,	Beritahulah dia yang kamu hendak ke Sibu,
Enti sema iya agi nundi, anang enda madah ngagai cikgu,	Kalau dia masih menganggu, jangan lupa beritahu kepada guru,
Tau ngasuh apai dek madah ngagai tuai rumah,	Suruhlah bapa kamu beritahu kepada ketua kampung,
Tau ngasuh indai nawa ngagai pemancha,	Suruhlah ibu kamu mendakwa kepada pemancha,
Tau ngasuh aki nusi ngagai YB Jimmy,	Suruhlah datuk kamu beritahu kepada YB Jimmy,
Tau ngasuh ini ngereput ngagai penghulu,	Suruhlah nenek kamu membuat laporan kepada penghulu,
Nya baru nuan nyadi indu Iban ke teladan,	Ini barulah kamu menjadi perempuan Iban yang menjadi contoh,

Ari Sematan, nyentuk ke Lawas datai ke Ulu Teru,	Dari Sematan hingga ke Lawas dan sampai ke Ulu Teru,
Nya baru tau digelar Dara Numur Satu,	Ini barulah kamu diberi gelaran gadis nombor satu,
Tampun puji berari manah perangai…	Sentiasa dipuji budi bahasa
Mupuk mih ku sida indai,	Pergilah aku duhai ibu,
Anang lama mih dek singgai bejalai,	Janganlah lama pergi meninggalkan kami,
Kami enda betah ditinggalka dek mupuk	Kami sentiasa merindui kamu yang pergi jauh

Ramban Indu Dara Ringat Enggai Ngibun Indai

(Bersebelahan terjemahan dalam Bahasa Melayu)

Barang… kunda uji tusah,	Barang… kunda uji tusah,
Barang kunda uji tusah.	Barang kunda uji tusah.
Sangka ke senang-senang,	Ku sangkakan mudah
Enda siti-siti utai meri tusah,	Setiap perkara menyusahkan,
Ka enda mai sida Janggi gali,	Niat di hati ingin membawa Janggi berbaring,
Meda tubuh diri baka ke agi manah.	Memerhati penampilan diri masih bergaya,
Da bai ga kami sida Janggi gali, tua ka dianu sida.	Dibawa Janggi baring bersama, tapi dimarahi oleh mereka.
Apai kami pama baik agi,	Ayah kami lebih mesra,
Engkami indai nya pala pemangah,	Namun ibu seorang yang pemarah,
Enti dek Keling Jamu kitu,	Kalau kamu Jamu datang,
Enti indai nemu, iya sigi lalu ngeludah!	Kalau ibu mengetahui, dia akan meludah!
Enti sema dek Jamu kitu,	Kalau kamu Jamu datang,
Enti indai nemu, iya sigi lalu tak nyumpah,	Kalau ibu mengetahui, dia akan menyumpah seranah,
Dupah aku deka ngibun dek ila indai,	Aku tak kan menjaga kamu nanti Ibu,
Laban dek nya pala de pe… mangah!	Kerana kamu seorang yang pemarah!
Barang … sida indai,	Barang … Ibu,
Sebayan denjang Mandai,	Alam roh kian mendekati,
Bai parai ma aku berang…	Bawalah aku mati…

Ramban Nganu Orang Indu Ti Salah Pengawa

(Bersebelahan terjemahan dalam Bahasa Melayu)

Dulu dih kunda aie,	Dulu dih kunda aie,
Endai dulu… dek kunda aie,	Endai dulu… dek kunda aie,
Di Bintulu ngintu taun baru,	Di Bintulu menyambut tahun baharu,
Endai di Miri ga bisi rami.	Di Miri juga sungguh meriah,
Aram kitai wai adai undur kili,	Marilah kita pergi ke hilir,
Ngambi enda lama, dua tiga hari.	Ambil waktu yang singkat, dua tiga hari.
Malam enggau Renggan dance,	Waktu malam bersama Renggan menari,
Bepegai lengan, bepaut kaki.	Berpegang tangan, berpaut kaki.
Pulai ke rumah panjai,	Balik ke rumah panjang,
Kumang Jawai ngumbai diri tuchi,	Jawai beritahu diri masih suci,
Badu kita endu, badu,	Berhentilah kalian gadis, berhenti,
Kita ke jai ngemalu kami.	Kalian yang nakal memalukan kami,
Nadai kami indai nadai,	Tiada kami Ibu tiada,
Endai sapa, aih, tak nusi?	Siapa yang memberitahu?
Salam, anak, enda alah salam,	Rahsia, anak, tak dapat disembunyikan,
Orang ke bukai endai mayuh nusi ke kami,	Orang lain yang beritahu kami,
Sebelah market babi,	Di pasar basah berjual babi,
Endur kita anak ngalika sida Singgai.	Tempat kalian anak tidur bersama Singgai.

Ramban Mejah Pisin Lelaki

(Bersebelahan terjemahan dalam Bahasa Melayu)

Lalang kunda wa,	Lalang kunda wa,
Aih… Lalang kunda wa.	Aih… Lalang kunda wa.
Lain pisin atas sida Aya Pungga,	Lain fesyen Pungga,
Kena Renggan jam tangan, muak ke kiba,	Dipakai Renggan jam tangan, sebelah kiri,
Dikena iya antin, dikumbai iya manah dipeda,	Dipakaikan dia anting, supaya tampan dilihat,
Tang gambar Pungga baka antu kamba	Tetapi muka Pungga seperti hantu
Enda ampit pemakai!	Tidak dapat makanan!

Ramban Lelaki Nimbal Indu Ti Ngumbai Sida Bujang Skrang

(Bersebelahan terjemahan dalam Bahasa Melayu)

Nyampau penusah kitai wai dara udah nunggang	Cukup sengsara kami gadis menanti,
Enti baka mata hari, nyau udah ngalih mang ke petang;	Jika seperti matahari, sudah beralih ke petang,
Enti baka bulan, nyau udah keleman terang;	Jika seperti bulan, sudah beralih purnama;
Rambau ga nadai bedau, endai sida udah belaki magang;	Sebaya masih belum, yang lain sudah bersuami semua;
Nyampau penusah meda bala diri serumah	Cukup susah melihat rakan serumah,
Sida Renggan udah ga nyadi apai orang,	Renggan pula sudah menjadi bapa,
Lagi aku nguji nyarak dek Aya Janggi,	Nanti aku mencuba menceraikan kamu Janggi,
Aku nguji berumpang kita apai orang.	Aku cuba mengoda kalian yang bapa orang.
Buai bini tuai dek Singgai buai,	Ceraikan isteri tua kamu Singgai,
Iya ti udah tuai amai penama Indai Jang;	Dia sudah tua yang bernama Ibu Jang;
Aku tu mih empu dek Kedu,	Pilihlah aku Kedu,
Ila aku mayar tunggu ukum adat butang;	Nanti aku bayar denda hukum berzina;
Anang mih Jang dek kakang,	Usahlah Jang ragu-ragu,
Nya baru aku ila senang begulai enggau dek Singgai.	Nanti di kemudian hari bahagia bersama dengan kamu Singgai

Ramban Lelaki Nyeriri Indu Ringat Lalu Enda Ditanya Ambai Iya

(Bersebelahan terjemahan dalam Bahasa Melayu)

Takang ga enda wa,	Takang ga enda wa,
Endai takang da enda wa.	Endai takang da enda wa.
Nuan anggat udah ngayap, nyampau pengelama-lama,	Kamu mengunjugi si dara setelah sekian lama,
Ngumbai diri deka berandau enggau sida apai,	Beranggapan ingin berbincang dengan bapa,
Dek lalu ke beempai-empai, lalu beenda-enda.	Tapi belum lagi, lalu bertidak-tidak
Anang ngeduan kami aja dek Renggan,	Jangan mengajuk kami Renggan,
Anang bejera kami aja dek Bujang Pungga,	Jangan menyerikkan kami Bujang Pungga,
Ngajih ke dek pulai ila Bujang Singgai,	Berharap kamu balik nanti Bujang Singgai,
Ngejang penyambang kaki tangga ila,	Menuruni kaki tangga nanti,
Dek pantuk ular ila, diipa sawa,	Kamu kena patuk ular, ditunggu oleh sawa
Nganti dek ila Janggi mandi,	Menunggu kamu nanti Janggi mandi,
Ngajih ke dek diempa jagu, dipakai baya mata',	Berharap kamu dimakan buaya, dimakan buaya mentah,
Kati ke aku mali enda bejaku munyi tu,	Bagaimana aku tidak bersuara sedemikian,
Nyumpah dek kelalu iga,	Menyumpah seranah dengan keterlaluan,
Laban aku tu udah jera,	Sebab aku sudah serik,
Anak tuai suba, Singgai, nadai apai.	Anak sulung dahulu, Singgai, tiada bapa.
Takang ga sa indai,	Takang ga sa indai,
Belubah-lubah mih dek Singgai pulai.	Berhati-hatilah balik Singgai.

Ramban Indu Dara Ringat Asa Ngapa

(Bersebelahan terjemahan dalam Bahasa Melayu)

Sungai dek kunda wa,	Sungai dek kunda wa,
Aih sungai dek kunda wa.	Aih sungai dek kunda wa.
“Ninga dek Wai Nangi”	“Dengarlah Wai Nangi’
“Endai nama ku dek Wai Kaba?”	“Eh apa yang hendak kamu katakan Wai Kaba?”
“Sapa temuai da puting ga setak nya,	“Siapa tetamu yang berkunjung di hujung sana,
Ngema sintung, endai nyandik ga anak raga?	Membawa *sintung*, eh menyandang lagi *raga*?
Aram tua Wai Nangi, endai, nguji ngabas ngapa,	Marilah Wai Nangi, eh, cuba menjenguk sekejap,
Nyangka indai sida Pungga,	Mungkin ibu Pungga,
Mansang nanya, aih, kitai wai.”	Marilah bertanya, aih, kita semua.”
Datai Jawai lalu nanya indai Pungga,	Jawai terus menyapa ibu Pungga,
“Nama pejalai, endai, kita ibu,	“Apa tujuan ke mari, eh, kalian *ibu*,
Enti kita ngiga uduk, engkami nadai, endai siku aja;	Kalau hendak mencari anjing, kami tiada, eh seekor ada;
Enti kita ngiga indu, aku enggau! Endai, aku ka!	Kalau hendak mencari gadis, aku ikut! Eh, aku nak!
Anak dek ibu enda ibuh, aih, ditanya.	Anak kamu ibu tak perlu, aih, ditanya.
Enti aku datai, endai, iya ga tentu ka.”	Kalau aku datang, eh, tentu dia nak.”
“Ukai kami endu, ukai,	“Bukan kami *endu*, bukan,
Endai, kami ga ngiga manuk ke Gawai Dayak,	Eh, kami mencari ayam untuk perayaan Gawai Dayak,
Ngiga telu, endai, nadai ke dikena.”	Mencari telur, eh, untuk diguna.”
Pulai Jawai lalu nyumpah indai Pungga,	Balik Jawai terus menyumpah ibu Pungga,
“Ninga dek wai Nangi?	“Dengar wai Nangi?
Endai, ninga mih dek wai Kaba?	Eh, dengar wai Kaba?
Enti indai Jamu kitu,	Kalau ibu Jamu kemari,
Seduai iya apai Pungga,	Bersama ayah Pungga,
Enahka makai, endai sungkitka asi mata,	Hidanglah makanan, eh berilah nasi mentah,
Enahka garam aja,	Hidangkan garam,
Enggau bejera sida indai Singgai.”	Untuk menyerikkan ibu Singgai.”

Ramban Indu Serabana Ditinggalka Lelaki

(Bersebelahan terjemahan dalam Bahasa Melayu)

Kajang kunda wa,	Kajang kunda wa,
Aih, kajang kunda wa.	Aih, kajang kunda wa.
Ninga ga kita laki,	Dengarlah kalian yang lelaki,
Enti bekuli anang lama.	Kalau bekerja jangan terlalu lama.
Enti embih sain,	Kalau habis kontrak,
Kita badu minta.	Kalian berhentilah kerja.
Kita lelaki nyamai mati,	Kalian lelaki terlalu senang,
Chukup bulan kita terima.	Cukup bulan kalian terima.
Gaji diberi kumpani,	Gaji diberi syarikat,
Dini nya alah tunda kita,	Memang sentiasa ada untuk kalian,
Kami indu ti ditu,	Kami kaum perempuan yang di sini,
Aih, chukup pemerinsa,	Aih, cukup sengsara,
Anak bekeriak nyabak,	Anak menangis teresak-esak,
Aih, apai sida nadai ngema.	Aih, bapa kalian tiada menggendong.
Enti maya deka makai,	Kalau hendak makan,
Lauk nadai, ga nadai apai ngiga.	Lauk tiada, tiada bapa yang mencari.
Enti iya deka mandi,	Kalau hendak mandi,
Paip bisi, nadai apai muka.	Paip ada, bapa tiada membuka.
Pemadu pemerinsa-rinsa,	Cukup sengsara,
Kami ngibun anak udah nadai apai.	Kami menjaga anak yang tiada bapa.

Ramban Ngerara Indu Dara Kelalu Nganta

(Bersebelahan terjemahan dalam Bahasa Melayu)

Ngajat … aku enda jaga,	Ngajat … aku enda jaga,
Aih ngajat kunda jaga.	Aih ngajat kunda jaga.
Lain aih patisin sida dara ga maya dia.	Berbeza sungguh fesyen kaum perempuan sekarang.
Mulut Jawai da enselup,	Mulut Jawai bergincu,
Endai, mua Jawai udu dipuda,	Endai, muka Jawai terlalu dibedak,
Buk Jawai da karan, nyau enda temu gaya,	Rambut Jawai lurus, seolah tiada rupa,
Guntin pandak endai, nunda kera rasung Belanda,	Digunting pendek, seperti kera Belanda,
Kenaka baju tusu, baju jarang enda temu gaya	Dipakaikan baju dalam, baju seksi tiada rupa
Pasukka tanchut bangat sendat,	Dipakaikan seluar terlalu ketat,
Ngambi ke berupai amai dipeda Laja,	Agar Laja melihat tergoda,
Kenaka kasut tinggi,	Dipakaikan kasut tinggi,
Pejalai kuit-kuit enda temu tunga,	Berjalan seperti tiada arah tuju,
Mansa sida Singgai endai wai kepai	Berselisih dengan Singgai lalu dilambai
Lali kijap, aih, ka mata.	Kelipkan mata.
Enda ngelala, mua baka engkeramba,	Tidak mengenali, muka seperti patung,
Manah agi pentik da tisi jalai…	Cantik lagi patung kecil di tepi jalan…
Ngajat ma sida indai	Menarilah kalian ibu
Naka penyayau aku meda dek Singgai…	Begitu sayang aku melihat mu Singgai…